

Bil. S 69

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan.
4. Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam.
5. Pengecualian hak mutlak.

**BAHAGIAN II**

**KECUALIAN AM**

6. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang terikat, atau oleh sebab silap faham fakta percaya dirinya terikat, di sisi undang-undang.
7. Perbuatan Hakim Syar'ie apabila bertindak secara kehakiman.
8. Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah.
9. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang atau oleh sebab silap faham fakta percaya dirinya dibenarkan oleh undang-undang.
10. Melakukan dengan tidak sengaja perbuatan yang sah di sisi undang-undang.
11. Perbuatan yang mungkin menyebabkan kerosakan, tetapi dilakukan dengan tiada niat jenayah, dan bagi mencegah kerosakan lain yang lebih berat.

12. Perbuatan kanak-kanak yang belum *mumaiyiz*.
13. Perbuatan kanak-kanak yang *mumaiyiz* tetapi belum *baligh*.
14. Perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal.
15. Perbuatan seseorang yang mabuk tanpa kerelaan atau pengetahuan atau disebabkan perubatan.
16. Perbuatan yang tidak diniatkan, dan tidak diketahui sebagai mungkin, menyebabkan kematian atau kecederaan, dilakukan dengan kerelaan.
17. Perbuatan yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, dilakukan dengan kerelaan dengan suci hati untuk faedah seseorang.
18. Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang yang belum *baligh* atau orang yang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan, penjaga dll.
19. Kerelaan yang diketahui diberi dalam keadaan takut atau salah faham dll.
20. Perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada kerosakan yang berlaku kepada orang yang memberi kerelaan, tidak termasuk di bawah kecualian dalam bab-bab 16, 17 dan 18.
21. Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang dengan tiada kerelaan.
22. Pemakluman dibuat dengan suci hati.
23. Perbuatan yang terpaksa dilakukan seseorang sebab ugutan.
24. Perbuatan yang menyebabkan kerosakan ringan.

#### **Hak pertahanan persendirian**

25. Apa-apa jua yang dilakukan dalam pertahanan persendirian dll. tidak menjadi kesalahan.
26. Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh dan harta.
27. Hak pertahanan persendirian dari perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal dll.
28. Perbuatan yang tiada hak pertahanan persendirian.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

29. Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian.
30. Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan selain kematian.
31. Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula dan berterusan.
32. Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta termasuk menyebabkan kematian.
33. Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan selain kematian.
34. Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta bermula dan berterusan.
35. Hak pertahanan persendirian terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada risiko kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah.
36. Pengecualian dari Bahagian ini.

### **BAHAGIAN III**

#### **SUBAHAT**

37. Menyubahati sesuatu perkara.
38. Penyubahat.
39. Niat bersama.
40. Menyubahati di Negara Brunei Darussalam kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam.
41. Hukuman kerana subahat jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat dan tiada peruntukan yang nyata dibuat bagi hukumannya.
42. Hukuman kerana subahat jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan dengan niat yang lain daripada niat penyubahat.
43. Tanggungan penyubahat apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan.
44. Bila penyubahat boleh dikenakan hukuman tambahan kerana perbuatan yang disubahati dan kerana perbuatan yang dilakukan.

45. Tanggungan penyubahat kerana kejadian yang disebabkan oleh perbuatan yang disubahati itu lain daripada yang dimaksudkan oleh penyubahat.
46. Penyubahat hadir pada masa kesalahan dilakukan.
47. Menyubahati kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.
48. Menyubahati kesalahan yang boleh dihukum penjara jika kesalahan tidak dilakukan. Penyubahat atau orang yang disubahati adalah seorang kakitangan kerajaan yang kewajipannya untuk mencegah kesalahan.
49. Menyubahati kesalahan yang dilakukan oleh orang ramai, atau oleh lebih sepuluh orang.
50. Kakitangan kerajaan menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang dia berkewajipan untuk mencegahnya.
51. Menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara.

#### BAHAGIAN IV

##### KESALAHAN-KESALAHAN

###### Penggal I

###### ***SARIQAH, HIRABAH, ZINA, ZINA BIL-JABAR, LIWAT, QAZAF, MEMINUM MINUMAN YANG MEMABUKKAN DAN IRTIDAD***

52. *Hadd.*

###### *Sariqah*

53. *Sariqah dan hirz.*
54. Kadar *nisab* bagi *sariqah*.
55. Hukuman *sariqah*.
56. Bila hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan.
57. Harta dalam *hirz* yang berlainan.
58. Hukuman kerana melakukan *qatl* atau mencederakan seseorang semasa melakukan *sariqah*.

59. Percubaan melakukan *sariqah*.
60. Subahat melakukan *sariqah*.
61. Pengembalian harta *sariqah*.

***Hirabah***

62. *Hirabah*.
63. Hukuman *hirabah*.
64. Bila hukuman potong tangan dan kaki dalam kesalahan *hirabah* tidak boleh dikenakan.
65. Percubaan melakukan *hirabah*.
66. Subahat melakukan *hirabah*.
67. Pengembalian harta *hirabah*.

***Zina***

68. *Zina*.
69. Hukuman *zina*.
70. Hukuman *zina* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.
71. Percubaan melakukan *zina*.
72. Percubaan melakukan *zina* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.
73. Subahat melakukan *zina*.
74. Subahat melakukan *zina* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.

***Zina bil-jabar***

75. *Zina bil-jabar*
76. Hukuman *zina bil-jabar*.

77. Hukuman *zina bil-jabar* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.
78. Percubaan melakukan *zina bil-jabar*.
79. Percubaan melakukan *zina bil-jabar* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.
80. Subahat melakukan *zina bil-jabar*.
81. Subahat melakukan *zina bil-jabar* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.

***Liwat***

82. *Liwat*.
83. Bukti *liwat*.
84. Percubaan melakukan *liwat*.
85. Subahat melakukan *liwat*.

**Kesalahan yang berkaitan *zina*, *zina bi-jabar* atau *liwat***

86. Menarik balik *ikrar* dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.
87. Menarik balik keterangan dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.
88. Orang yang mendakwa dan saksi-saksi tidak dikenakan *qazaf*.
89. Orang yang mendakwa dan saksi-saksi yang dikenakan *qazaf*.
90. *Ityan al-mayyitah*.
91. *Ityan al-bahimah*.
92. *Musahaqah*.
93. Keengganan melakukan *li'an*.
94. Hamil luar nikah.

***Qazaf***

95. *Qazaf*.

96. Syarat orang yang melakukan *qazaf* dan yang kena *qazaf*.
97. Cara melakukan *qazaf*.
98. Hukuman *qazaf*.
99. Kes apabila hukuman *hadd* tidak dikenakan atau dikuatkuasakan.
100. Mengeluarkan dokumen yang dianggap mengandungi maksud *qazaf*.
101. Penjualan dokumen yang dianggap mengandungi maksud *qazaf*.
102. Percubaan melakukan *qazaf*.
103. Subahat melakukan *qazaf*.

**Minuman yang memabukkan**

104. Meminum dll. arak atau minuman yang memabukkan.
105. Percubaan melakukan kesalahan meminum dll. arak atau minuman yang memabukkan.
106. Subahat melakukan kesalahan meminum dll. arak atau minuman yang memabukkan.

***Irtidad***

107. *Irtidad*.
108. Mengisyiharkan diri sebagai tuhan.
109. Mengisyiharkan diri sebagai *Rasul* atau *Nabi*.
110. Menghina *Nabi*.
111. Mempermainkan dll. ayat Al-Qur'an, *hadith* atau perkara yang wajib dengan *ijma'*.
112. Mengisyiharkan diri sebagai bukan Islam.
113. Percubaan melakukan *irtidad*.
114. Subahat melakukan *irtidad*.
115. Perlucutkahan dan pemusnahan.

- 116. Perintah untuk bertaubat.
- 117. Pembebasan hukuman selepas taubat.

## Penggal II

### ***QATL DAN KECEDERAAN***

- 118. *Qisas.*
- 119. *Diyat.*
- 120. Kadar *diyat.*
- 121. *Arsy.*
- 122. *Badal-al-sulh.*
- 123. Pengenaan *qisas, diyat* dan *arsy.*

### ***Qatl***

- 124. *Qatl* dan jenis-jenisnya.
- 125. *Qatlul-'amd.*
- 126. Hukuman *qatlul-'amd.*
- 127. *Qatlul-'amd* disebabkan *ikrah.*
- 128. *Qatl* disebabkan diupah.
- 129. *Qatlul-'amd* dilakukan kerana mempertahankan diri.
- 130. *Qatlul-'amd* dilakukan oleh kakitangan kerajaan.
- 131. Hak *qisas wali-ad-dam* dalam *qatlul-'amd.*
- 132. Kes-kes apabila hukuman *qatlul-'amd* tidak dikuatkuasakan.
- 133. Kemaafan berkaitan dengan *qatlul-'amd.*
- 134. Pengguguran *qisas.*
- 135. Pembebasan atau hukuman selepas kemaafan atau pengguguran *qisas.*

136. *Qatlul-'amd* dilakukan oleh *wali-ad-dam* selepas memaafkan atau pengguguran *qisas*.
137. Percubaan melakukan *qatlul-'amd*.
138. Subahat melakukan *qatlul-'amd*.

***Qatlu syibhil-'amd***

139. *Qatlu syibhil-'amd*.
140. Hukuman *qatlu syibhil-'amd*.
141. Bukti *qatlu syibhil-'amd*.
142. Pengguguran *diyat* dalam *qatlu syibhil-'amd*.
143. Pembebasan atau hukuman selepas pengguguran *diyat*.
144. Percubaan melakukan *qatlu syibhil-'amd*.
145. Subahat melakukan *qatlu syibhil-'amd*.

***Qatlul-khata'***

146. *Qatlul-khata'*.
147. Hukuman *qatlul-khata'*.
148. Bukti *qatlul-khata'*.
149. Pengguguran *diyat* dalam *qatlul-khata'*.
150. Pembebasan atau hukuman selepas pengguguran *diyat*.

***Qatl dengan sihir***

151. Sihir.
152. *Qatl* dengan sihir.
153. Percubaan melakukan *qatl* dengan sihir.
154. Subahat melakukan *qatl* dengan sihir.

***Qatl dengan racun***

155. *Qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun.
156. Percubaan melakukan *qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun.
157. Subahat melakukan *qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun.

***Qatl dengan pengguguran janin***

158. *Qatl* dengan pengguguran janin.
159. Percubaan melakukan *qatl* dengan pengguguran janin.
160. Subahat melakukan *qatl* dengan pengguguran janin.
161. Pengguguran kandungan.
162. Percubaan menggugurkan kandungan.
163. Subahat menggugurkan kandungan.
164. Kekecualian bagi bab-bab 158 dan 161.

**Bunuh diri**

165. Percubaan bunuh diri.
166. Subahat melakukan bunuh diri.

**Kecederaan**

167. Menyebabkan kecederaan.
168. Jenis-jenis kecederaan.
169. Hukuman kerana menyebabkan kecederaan.
170. Bukti kecederaan yang boleh dikenakan *qisas*.
171. Kes-kes apabila hukuman *qisas* tidak dikuatkuasakan.
172. Kuasa Mahkamah menetapkan kecederaan yang boleh dilaksanakan *qisas* atau sebaliknya.
173. Kemaafan berkaitan dengan kecederaan.

174. Pengguguran *qisas*.
175. Pembebasan atau hukuman selepas kemaafan atau pengguguran *qisas*.
176. Hukuman *arsy ghairu muqaddar*.
177. Penentuan kadar *arsy ghairu muqaddar*.
178. Mendapatkan semula *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar*.
179. Hukuman bagi kecederaan akibat perbuatan gopoh atau cuai.
180. Hukuman bagi kecederaan akibat kesilapan.
181. *Arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* hendaklah dibayar kepada mangsa.
182. Percubaan menyebabkan kecederaan.
183. Subahat menyebabkan kecederaan.

### Penggal III

#### **MENARIK BALIK SYAHADAH**

184. Menarik balik *syahadah* sebelum menjatuhkan hukuman, atau membuat perintah atau keputusan.
185. Menarik balik *syahadah* dalam kes *mal* setelah perintah atau keputusan dibuat.
186. Menarik balik *syahadah* dalam kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman *qisas* dan *hadd* kecuali kes *zina*, *zina-bil-jabar* atau *liwat*.
187. Menarik balik *syahadah* dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.
188. Menarik balik *syahadah ihshan* oleh *syahid*.
189. Menarik balik *syahadah* dalam kes-kes yang disabitkan dengan hukuman selain *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy*.
190. Menarik balik *syahadah* oleh *syahid furu'* dalam kes *mal*.
191. Maklumat palsu oleh *muzakki*.

Penggal IV

**KESALAHAN-KESALAHAN AM**

192. Hukuman melakukan *ghasab*.
193. Pengembalian harta *ghasab*.
194. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.
195. Tidak menghormati bulan *Ramadhan*.
196. *Khalwat*.
197. Perbuatan tidak sopan.
198. Lelaki berlagak menyerupai perempuan atau sebaliknya.
199. Menghasut lelaki beristeri atau perempuan bersuami supaya bercerai atau mengingkari kewajipan.
200. Menghalang pasangan suami isteri Islam yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri.
201. Melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang Islam meninggalkan tempat tinggal suami isteri.
202. Melarikan perempuan Islam daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya.
203. Perempuan Islam yang belum berkahwin lari dari jagaan ibu bapanya atau penjaganya.
204. Memberi atau menyerahkan orang Islam.
205. Bertindak sebagai orang tengah.
206. Dakwaan palsu.
207. Ajaran atau amalan dll. yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*.
208. Mengamalkan dll. sihir.
209. Mengembangkan ugama selain ugama Islam.
210. Memujuk dll. orang Islam supaya mengubah ugama.

211. Memujuk dll. orang yang tidak mempunyai ugama menjadi penganut dll. kepada ugama selain ugama Islam dll.
212. Mendedahkan kepercayaan dan amalan ugama selain dari ugama Islam kepada kanak-kanak berugama Islam, atau kanak-kanak yang ibu bapanya tidak mempunyai ugama, yang belum mencapai umur 18 tahun.
213. Penerbitan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*.
214. Menghantar atau menyerahkan penerbitan mengenai ugama selain ugama Islam kepada orang Islam atau orang yang tidak mempunyai ugama.
215. Menyerahkan di tempat awam penerbitan mengenai ugama selain ugama Islam kepada orang Islam atau orang yang tidak mempunyai ugama.
216. Pemujaan.
217. Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan tertentu berkaitan dengan ugama Islam.
218. Penyalahgunaan gelaran terhormat bagi orang Islam yang dikhkususkan untuk orang-orang tertentu.
219. Menuduh dll. orang Islam sebagai *kafir*.
220. Menghina atau menyebabkan ugama Islam dipandang hina dll.
221. Menghina *Nabi* oleh orang bukan Islam.
222. Mempermainkan dll. ayat Al-Qur'an atau *hadith* oleh orang bukan Islam.
223. Percubaan melakukan kesalahan di bawah bab 221 atau 222.
224. Subahat melakukan kesalahan di bawah bab 221 atau 222.
225. Perlucuthakan dan pemusnahan.
226. Perintah untuk bertaubat.
227. Pembebasan hukuman selepas taubat.
228. *Fatwa*.
229. Mengajar ugama tanpa kebenaran bertulis.
230. Menghina dll. pihak berkuasa ugama.

231. Menghalang Pegawai Penguatkuasa Agama.
232. Aduan palsu.
233. Memberikan *syahadah* palsu.
234. Memberikan keterangan atau maklumat palsu.
235. Hasutan untuk mengabaikan tanggungjawab ugama.
236. Tidak membayar *zakat* atau *fitrah*.
237. Pengutipan *zakat* atau *fitrah* tanpa kuasa.
238. Pembayaran *zakat* atau *fitrah* kepada orang yang tidak diberi kuasa.
239. Pengutipan *zakat* atau *fitrah* secara penipuan.
240. Mendirikan dll. masjid tanpa kebenaran.
241. Membocorkan rahsia.
242. Dengan sengaja menghina atau mengganggu kakitangan kerajaan yang sedang bersidang dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman.
243. Tidak menolong kakitangan kerajaan apabila terikat di sisi undang-undang untuk memberi pertolongan.
244. Kakitangan kerajaan mengingkari arahan undang-undang dengan niat hendak menyebabkan kerosakan kepada mana-mana orang.
245. Peninggalan daripada mengemukakan sesuatu dokumen kepada kakitangan kerajaan oleh seseorang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakan dokumen itu.
246. Enggan bersumpah atau membuat perakuan supaya menyatakan yang benar apabila dikehendaki untuk bersumpah atau membuat perakuan supaya menyatakan yang benar oleh kakitangan kerajaan.
247. Enggan menjawab soalan kakitangan kerajaan yang diberi kuasa menyoal.
248. Enggan menandatangani pernyataan.
249. Sengaja menyebabkan kecederaan untuk mendapatkan pengakuan atau untuk memaksa pengembalian harta.
250. Percubaan.

251. Hukuman yang tidak diperuntukkan.

**BAHAGIAN V**

**AM**

252. Peruntukan-peruntukan di bawah Penggal 22 tidak dikenakan.

253. *Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan lain.

254. Pemansuhan.

**JADUAL PERTAMA — SKRIP BAHASA ARAB**

**JADUAL KEDUA — JENIS KECEDERAAN *ITLAF-AL-UDHW* ATAU  
*ITLAF-SALAHİYYAT-AL-UDHW*, JUMLAH  
ARSY DAN TEMPOH PENJARA**

**JADUAL KETIGA — JENIS KECEDERAAN *SYAJJAH*, JUMLAH *ARSY*  
DAN TEMPOH PENJARA**

**JADUAL KEEMPAT — JENIS KECEDERAAN *JURH*, JUMLAH *ARSY* DAN  
TEMPOH PENJARA**

**JADUAL KELIMA — PERKATAAN-PERKATAAN DAN UNGKAPAN-  
UNGKAPAN**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah ceraian (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah mengenai undang-undang berkaitan dengan jenayah syariah dan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya.”

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“anak” termasuk cucu dan keturunan selepasnya hingga ke bawah;

“anggota badan” termasuk organ dalaman;

“*baligh*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah bab 3(1) dari Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“bapa” termasuk datuk dan keturunan selepasnya hingga ke atas;

“*ghairu muhshan*” bermakna seseorang yang belum berkahwin atau sudah berkahwin tetapi belum pernah melakukan persetubuhan dalam perkahwinan itu;

“Hakim Syar’ie” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah bab 2 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184);

“harta” termasuk semua estet, kepentingan, easemen dan hak, sama ada di sisi ekuiti atau undang-undang, ke atas, terhadap atau dari, harta dan benda dalam tindakan;

“*Hukum Syara’*” bermakna hukum-hukum menurut mana-mana mazhab yang sah pada pendapat Mahkamah;

“ibu” termasuk nenek dan keturunan selepasnya hingga ke atas;

“*ikrar*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah bab 20 dari Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“jawatankuasa Majlis” bermakna Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah bab-bab 41(1) dan 44(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) dan jawatankuasa lain yang disebutkan dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi;

“kakitangan kerajaan” bermakna seseorang yang tergolong di bawah mana-mana huriaian yang berikut —

- (a) mana-mana orang yang memegang jawatan atas lantikan Tauliah atau Waran yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau dengan kuasa Baginda;
- (b) mana-mana Hakim Syar’ie;
- (c) mana-mana pegawai polis;
- (d) mana-mana Pendaftar Mahkamah;
- (e) mana-mana pegawai Mahkamah yang bertanggungjawab menjalankan tugasnya sebagai pegawai Mahkamah, untuk menyiasat atau melaporkan mana-mana perkara mengenai undang-undang atau fakta, atau untuk membuat, mengesahkan, atau menyimpan mana-mana dokumen, atau untuk menjaga atau melupuskan mana-mana harta, atau untuk melaksanakan mana-mana surat perintah, atau untuk mentadbirkan mana-mana sumpah, atau untuk menafsir, atau untuk mengekalkan ketenteraman awam di dalam Mahkamah, dan mana-mana orang yang khusus diberikan kuasa oleh Mahkamah untuk menjalankan mana-mana kewajipan tersebut;

- (f) mana-mana *hakam* atau orang lain yang menyebabkan isi kandungan atau perkara yang telah dirujukkan untuk keputusan atau laporan oleh mana-mana Mahkamah, atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam lain yang layak;
- (g) mana-mana orang yang memegang mana-mana jawatan disebabkan yang dia diberi kuasa untuk menempatkan atau menahan mana-mana orang dalam pengurungan;
- (h) mana-mana Pegawai Penguatkuasa Agama yang kewajipannya sebagai Pegawai Penguatkuasa Agama, untuk mencegah kesalahan-kesalahan, untuk memberikan maklumat tentang kesalahan-kesalahan, untuk membawa pesalah-pesalah ke muka pengadilan, atau untuk melindungi kesihatan, keselamatan atau keselesaan awam;
- (i) mana-mana pegawai yang kewajipannya sebagai pegawai, untuk mengambil, menerima, menyimpan, atau mengeluarkan mana-mana harta bagi pihak Kerajaan atau Majlis, atau membuat mana-mana tinjauan, penilaian, atau kontrak bagi pihak Kerajaan atau Majlis, atau untuk melaksanakan mana-mana surat perintah hasil, atau untuk menyiasat atau untuk melaporkan apa-apa perkara yang menyentuh kepentingan kewangan Kerajaan atau Majlis, atau untuk membuat, mengesahkan, atau menyimpan apa-apa dokumen menyentuh kepentingan kewangan Kerajaan atau Majlis, atau untuk mencegah pelanggaran mana-mana undang-undang untuk melindungi kepentingan kewangan Kerajaan atau Majlis, dan mana-mana pegawai di dalam perkhidmatan atau yang digaji oleh Kerajaan atau Majlis, atau dibayar dengan bayaran atau komisen kerana menjalankan apa-apa tugas awam;

“kerosakan” bermakna mana-mana kecederaan yang secara tidak sah dikenakan kepada mana-mana orang ke atas badan, akal, reputasi atau kerugian ke atas harta;

“Mahkamah” bermakna Mahkamah-Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184);

“*makhum 'alaihi*” bermakna seseorang yang terhadapnya penghakiman atau perintah telah dibuat;

“Majlis” bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

“Mufti Kerajaan” bermakna Mufti Kerajaan bagi Negara Brunei Darussalam yang dilantik di bawah bab 40 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

“*muhsinan*” bermakna seseorang yang sudah berkahwin dengan sah dan telah melakukan persetubuhan dalam perkahwinan itu;

“*mukallaf*” bermakna seseorang yang telah mencapai umur 15 tahun *qamariah* dan sempurna akalnya;

“*mumaiyiz*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah bab 3(1) Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“*Nabi Allah*” bermakna mana-mana *Nabi Allah* yang telah disebutkan di dalam Al-Qur'an dan *Sunnah*;

“Pegawai Penguatkuasa Agama” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184);

“penerbitan” bermakna mana-mana perkara yang berikut —

- (a) buku, majalah atau terbitan berkala, sama ada berbentuk manuskrip atau bentuk terakhir;
- (b) rakaman suara;
- (c) gambar atau lukisan, sama ada dihasilkan menggunakan grafik komputer atau yang selainnya dalam apa cara sekalipun;
- (d) fotograf, negatif fotograf, plat fotograf atau slaid fotograf; atau
- (e) kertas, model, arca, pita, disket, artikel atau benda —
  - (i) yang telah dicetak atau ditera di atasnya mana-mana perkataan, pernyataan, tanda atau gambaran; atau
  - (ii) yang telah direkodkan atau disimpan untuk mendapatkan kembali mana-mana maklumat yang segera atau yang akan datang yang untuk kegunaan mana-mana komputer atau alat elektronik lain, berupaya untuk dihasilkan semula atau ditunjukkan dengan mana-mana gambar, fotograf, perkataan, pernyataan, tanda atau gambaran,

dan termasuk salinan mana-mana penerbitan;

“penerbitan mengenai ugama selain daripada ugama Islam” bermakna buku suci atau buku asas, atau salah satu daripada teks-teks penting ugama selain daripada ugama Islam atau jika pada intipatinya ia adalah suatu penerbitan yang —

- (a) mengandungi apa-apa kutipan, sedutan, petikan atau salinan sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya daripada mana-mana buku suci, buku asas atau teks-teks penting ugama itu;
- (b) memperkatakan sejarah, prinsip-prinsip, ajaran-ajaran, sifat-sifat, dasar-dasar, perlaksanaan-perlaksanaan, upacara-upacara, adat resam, perbuatan kebajikan, dogma-dogma, perintah-perintah atau organisasi-organisasi ugama itu;
- (c) memperkatakan suatu kewujudan, kuasa spiritual, orang atau benda, yang disembah oleh penganut-penganut atau ahli-ahli ugama itu;
- (d) mengandungi cerita-cerita, kisah-kisah, lagenda-lagenda, dongeng-dongeng ibarat atau anekdot-anekdot yang berasal dari asas ugama itu;
- (e) bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang supaya menjadi penganut-penganut atau ahli-ahli ugama itu atau mencari pengetahuan berkenaan dengan ugama itu;
- (f) bertujuan untuk memberi pengetahuan atau sumber pengetahuan kepada orang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d); atau
- (g) mempunyai mana-mana kombinasi sifat-sifat yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (a), (b), (c) dan (d);

*Huraian* — Walaupun sesuatu penerbitan itu adalah penerbitan mengenai ugama selain daripada ugama Islam dengan sebab ia termasuk di bawah perenggan (a), (b), (c) atau (d), ia tidaklah menjadi perkara sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini jika penerbitan itu untuk kepentingan atau bagi faedah ugama Islam atau umat Islam;

“penjaga”, berkaitan dengan kanak-kanak, bermakna mana-mana orang yang dilantik melalui surat ikatan atau wasiat atau dengan perintah Mahkamah untuk menjadi penjaga seseorang kanak-kanak atau mana-mana orang yang telah mengangkat kanak-kanak tersebut dan termasuk orang yang mempunyai hak penjagaan yang sah ke atas kanak-kanak itu;

“suci hati” bermakna secara jujur dan tanpa apa-apa permusuhan atau kebencian;

“sulh” bermaksud penyelesaian atau persetujuan;

“syahadah” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah bab 3(1) dari Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“syahid” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah bab 3(1) dari Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“taubat” bermakna menyedari, menyesali dan meninggalkan perbuatan yang salah itu dan berniat memperbaiki diri serta berazam tidak akan mengulanginya lagi;

“tazkiyah al syuhud” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“ugama selain daripada ugama Islam” bermakna —

- (a) mana-mana ugama selain daripada ugama Islam atau apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ugama itu;
- (b) apa-apa pegangan, kepercayaan, ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan atau perlaksanaan yang —
  - (i) salah satu daripada sifat-sifatnya ialah penyembahan sesuatu kewujudan atau kuasa spiritual atau sakti sama ada benar-benar ada atau disangka ada; atau
  - (ii) mengakui bahawa tujuannya atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian kebijaksanaan spiritual atau kewujudan spiritual,

yang tidak diakui oleh ugama Islam;

“wali” bermakna *wali nasab* dan termasuk perempuan;

“wali-ad-dam” bermakna waris atau waris-waris mangsa jenayah yang berhak memaafkan pesalah yang melakukan kesalahan ke atas mangsa jenayah itu.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan didalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggal 4), hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadaanya setakat yang ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*.

(3) Jika apa-apa percanggahan atau keraguan timbul dalam memberi takrif apa-apa perkataan atau ungkapan berkaitan dengan *Hukum Syara'*, maka adalah menjadi budi bicara Mahkamah yang membicarakan kes itu untuk menentukan makna perkataan atau ungkapan tersebut.

(4) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran mana-mana perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini yang disenaraikan

dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada bentuk skrip bahasa Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

**Pengenaan.**

3. (1) Melainkan diperuntukkan dengan nyata sebaliknya didalamnya, Perintah ini hendaklah dikenakan kepada orang Islam dan orang bukan Islam.

(2) Setiap orang hendaklah dikenakan hukuman di bawah Perintah ini, dan bukan selainnya, bagi setiap perbuatan atau peninggalan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan di bawahnya yang dia melakukan kesalahan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(3) Setiap orang yang boleh dibicarakan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam hendaklah diperlakukan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini bagi mana-mana perbuatan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam dengan cara yang sama seolah-olah perbuatan tersebut telah dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(4) Bagi mengelakkan apa-apa keraguan dengan ini diisyiharkan bahawa tiada mahkamah selain dari sesebuah Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184) mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang berbangkit dalam Perintah ini.

**Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam.**

4. Jika bagi maksud-maksud Perintah ini apa-apa persoalan timbul tentang sama ada seseorang itu orang Islam, persoalan itu hendaklah diputuskan mengikut kriteria reputasi am, tanpa membuat apa-apa percubaan untuk mempersoalkan keimanan, kepercayaan, kelakuan, perangai, watak atau keingaran orang itu.

**Pengecualian hak mutlak.**

5. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Perintah ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak mutlak dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam.

## BAHAGIAN II

### KECUALIAN AM

**Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang terikat, atau oleh sebab silap faham fakta percaya dirinya terikat, di sisi undang-undang.**

6. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terikat di sisi undang-undang melakukannya atau yang, oleh sebab silap faham fakta dan bukannya oleh sebab silap faham undang-undang, dengan suci hati percaya dirinya, terikat di sisi undang-undang melakukannya.

*Huraian —* Tidak ada sesuatu pun dikatakan dibuat atau dipercayai dengan suci hati yang dibuat atau dipercayai tanpa berjaga-jaga dan perhatian yang sewajarnya.

#### *Misalan*

*A*, seorang pegawai Mahkamah, yang telah diperintahkan oleh Mahkamah itu supaya menangkap *B*, dan selepas menjalankan siasatan yang sewajarnya, dengan mempercayai *C* sebagai *B* menangkap *C*. *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

**Perbuatan Hakim Syar'ie apabila bertindak secara kehakiman.**

7. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang Hakim Syar'ie apabila bertindak secara kehakiman pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberi kepadanya oleh undang-undang atau yang dipercayainya dengan suci hati diberi kepadanya oleh undang-undang.

**Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah.**

8. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah atau apa-apa jua yang dibenarkan oleh penghakiman atau perintah Mahkamah, jika dilakukan dalam masa penghakiman atau perintah itu masih berjalan kuatkuasanya, walaupun Mahkamah itu mungkin tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan penghakiman atau perintah itu, dengan syarat orang yang melakukan perbuatan itu percaya dengan suci hati bahawa Mahkamah itu mempunyai kuasa itu.

**Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang atau oleh sebab silap faham fakta percaya dirinya dibenarkan oleh undang-undang.**

9. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang pada melakukannya, atau oleh seseorang yang oleh sebab silap faham fakta dan bukannya oleh sebab silap faham undang-undang, dengan suci hati percaya dirinya sebagai dibenarkan oleh undang-undang melakukannya.

*Misalan*

*A* nampak *B* melakukan perbuatan yang kelihatan padanya adalah suatu qatl. *A*, dalam membuat penilaian yang sebaik-baiknya dan dengan suci hati menjalankan kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada semua orang untuk menangkap orang-orang yang melakukan *qatl*, menangkap *B* dengan tujuan untuk membawa *B* ke hadapan pihak-pihak berkuasa. *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan walaupun mungkin sebenarnya *B* bertindak bagi mempertahankan diri.

**Melakukan dengan tidak sengaja perbuatan yang sah di sisi undang-undang.**

10. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan dengan tidak sengaja dan dengan tiada apa-apa niat atau pengetahuan jenayah pada menjalankan suatu perbuatan yang sah disisi undang-undang secara yang sah di sisi undang-undang, dengan jalan yang sah di sisi undang-undang, dan dengan hemat dan cermat yang sepatutnya.

**Perbuatan yang mungkin menyebabkan kerosakan, tetapi dilakukan dengan tiada niat jenayah, dan bagi mencegah kerosakan lain yang lebih berat.**

11. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan semata-mata oleh sebab ia dilakukan dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan kerosakan, jika ia dilakukan dengan tiada apa-apa niat jenayah hendak menyebabkan kerosakan, dan dengan suci hati bagi maksud mencegah atau mengelakkan kerosakan lain yang lebih berat kepada orang atau harta.

*Huraian* — Adalah menjadi suatu soal fakta dalam hal seperti itu sama ada kerosakan yang hendak dicegah atau dielakkan itu sedemikian keadaannya dan sebegitu nyata hingga boleh mematutkan atau memaaafkan risiko bahaya melakukan perbuatan itu dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan kerosakan.

*Misalan*

*A* melarikan, mempengaruhi atau memujuk *B*, seorang perempuan yang belum berkahwin supaya meninggalkan jagaan ibu bapanya atau penagangnya untuk tujuan mencegahnya dari dijadikan pelacur. Dia melakukan ini dengan niat, dengan suci hati, untuk menyelamatkannya dari kerosakan yang lebih teruk. Di sini, sekiranya didapati bahawa kerosakan yang hendak dicegah itu sedemikian keadaannya dan sebegitu nyata hingga boleh memaaafkan perbuatan *A* itu, maka *A* tidaklah melakukan kesalahan.

**Perbuatan kanak-kanak yang belum *mumaiyiz*.**

12. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum *mumaiyiz*.

**Perbuatan kanak-kanak yang *mumaiyiz* tetapi belum *baligh*.**

13. Tidaklah boleh dikenakan hukuman *hadd* atau *qisas* ke atas apa-apa kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *hadd* atau *qisas* yang dilakukan oleh kanak-kanak *mumaiyiz* yang belum *baligh* tetapi boleh dikenakan hukuman selainnya.

**Perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal.**

14. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang, pada masa melakukannya oleh sebab akalnya tidak sempurna, tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu atau apa yang dilakukannya itu adalah salah atau berlawanan dengan undang-undang.

**Perbuatan seseorang yang mabuk tanpa kerelaan atau pengetahuan atau disebabkan perubatan.**

15. (1) Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang, pada waktu dia melakukannya, atas sebab mabuk, tidak mengetahui keadaan sesuatu perbuatan, atau apa yang dia lakukan adalah salah atau betul, jika benda yang menyebabkannya mabuk telah diberikan kepadanya tanpa kerelaannya atau pengetahuannya atau dia mabuk disebabkan mengambil ubat untuk tujuan rawatan.

(2) Bagi maksud bab ini, "mabuk" hendaklah disifatkan termasuk suatu keadaan yang disebabkan oleh narkotik atau dadah.

**Perbuatan yang tidak diniatkan, dan tidak diketahui sebagai mungkin, menyebabkan kematian atau kecederaan, dilakukan dengan kerelaan.**

16. Tidaklah apa-apa jua yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian atau kecederaan, dan yang tidak diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kematian atau kecederaan, menjadi suatu kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku atau diniatkan oleh orang yang melakukannya supaya berlaku, kepada mana mana orang yang berumur lebih 15 tahun *qamariah*, yang telah memberi kerelaan, sama ada nyata atau tersirat, bagi menanggung kerosakan itu; atau oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin berlaku kepada mana-mana orang itu yang telah rela menempuh bahaya kerosakan itu.

*Misalan*

*A* dan *B* bersetuju bermain pedang antara satu sama lain untuk bersuka-suka. Persetujuan ini membayangkan kerelaan tiap-tiap orang untuk menanggung apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku dengan tiada melanggar peraturan-peraturan dalam masa bermain pedang itu; dan jika *A*, semasa bermain dengan sepatutnya, mencederakan *B*, maka *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

**Perbuatan yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, dilakukan dengan kerelaan dengan suci hati untuk faedah seseorang.**

17. Tidaklah apa-apa jua yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, menjadi suatu kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan oleh orang melakukannya supaya berlaku, atau diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin berlaku, kepada mana-mana orang yang untuk faedahnya ia dilakukan dengan suci hati dan yang telah memberi kerelaan, sama ada nyata atau tersirat, bagi menanggung kerosakan itu, atau menempuh bahaya kerosakan itu.

*Misalan*

*A*, seorang doktor bedah, yang mengetahui bahawa suatu pembedahan yang tertentu mungkin menyebabkan kematian *B* yang menderita suatu kesakitan yang amat sangat, menjalankan pembedahan itu ke atas *B*, dengan kerelaan *B*, dengan tidak berniat hendak menyebabkan kematian *B*, tetapi berniat dengan suci hati, untuk faedah *B*. Maka *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

**Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang yang belum *baligh* atau orang yang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan, penjaga dll.**

18. Tidaklah apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang yang belum *baligh* atau yang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan, sama ada nyata atau tersirat, penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaga orang itu, menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan oleh orang yang melakukannya supaya berlaku, atau diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin berlaku, kepada orang itu:

Dengan syarat bahawa kecualian ini tidak termasuk —

*(a)* menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan untuk menyebabkan kematian;

*(b)* melakukan sesuatu perkara, yang diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kematian, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau kecederaan atau menyembuhkan apa-apa penyakit yang teruk atau kelemahan;

*(c)* menyebabkan kecederaan dengan sengaja atau percubaan hendak menyebabkan kecederaan, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau kecederaan, atau menyembuhkan apa-apa penyakit yang teruk atau kelemahan;

*(d)* bersubahat melakukan sebarang kesalahan yang tidak termasuk dalam kecualian ini.

*Misalan*

A dengan suci hati, untuk faedah anaknya, dengan tiada kerelaan anaknya telah meminta seorang doktor bedah untuk menjalankan pembedahan ke atas anaknya bagi mengeluarkan batu karang, dengan mengetahui bahawa pembedahan itu mungkin menyebabkan kematian anaknya itu, tetapi tidak berniat untuk menyebabkan kematian anaknya itu. A adalah termasuk dalam kecualian ini oleh sebab tujuannya ialah hendak menyembuhkan penyakit anaknya itu.

**Kerelaan yang diketahui diberi dalam keadaan takut atau salah faham dll.**

19. Kerelaan bukanlah suatu kerelaan yang dimaksudkan oleh mana-mana peruntukan Perintah ini —

(a) jika kerelaan itu diberi oleh seseorang dalam keadaan takutkan kerosakan atau dalam keadaan salah faham tentang fakta, dan jika orang yang melakukan perbuatan itu mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi oleh sebab ketakutan atau salah faham itu;

(b) jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang, oleh sebab akalnya tidak sempurna atau oleh sebab mabuk, tidak boleh memahami keadaan dan akibat dari apa yang direlakan olehnya; atau

(c) jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang belum *baligh*.

Perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada kerosakan yang berlaku kepada orang yang memberi kerelaan, tidak termasuk di bawah kecualian dalam bab-bab 16, 17 dan 18.

20. Kecualian dalam bab-bab 16, 17 dan 18 tidak termasuk perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan supaya berlaku, atau diketahui mungkin berlaku, kepada orang yang memberi kerelaan itu atau kepada orang yang bagi pihaknya kerelaan itu diberi.

*Misalan*

Menyebabkan keguguran, melainkan jika disebabkan dengan suci hati bagi maksud menyelamatkan nyawa perempuan itu, adalah sendirinya menjadi suatu kesalahan dengan tidak bergantung kepada apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku atau diniatkan supaya berlaku kepada perempuan itu. Oleh yang demikian, menyebabkan keguguran tidaklah menjadi suatu kesalahan oleh sebab kerosakan itu; dan adanya kerelaan perempuan itu atau penjaganya bagi menyebabkan keguguran itu tidak bererti membenarkan perbuatan itu.

**Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang dengan tiada kerelaan.**

21. Tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku kepada seseorang yang untuk faedahnya apa-apa jua dilakukan dengan suci hati, walaupun dengan tiada kerelaan orang itu, jika keadaannya adalah sedemikian rupa sehingga orang itu tidak mungkin menyatakan kerelaan, atau jika orang itu tidak dapat memberi kerelaan, dan tidak mempunyai penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaganya yang kerelaan daripadanya mungkin sempat diperolehi bagi perkara itu dilakukan untuk faedahnya:

Dengan syarat kecualian ini tidak termasuk —

(a) menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan untuk menyebabkan kematian;

(b) melakukan sesuatu perkara, yang diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kematian, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau kecederaan atau menyembuhkan apa-apa penyakit yang teruk atau kelemahan;

(c) menyebabkan kecederaan dengan sengaja atau percubaan hendak menyebabkan kecederaan, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau kecederaan;

(d) bersubahat melakukan apa-apa kesalahan yang tidak termasuk dalam kecualian ini.

#### *Misalan-misalan*

(a) A tercampak dari kudanya lalu pengsan. B, seorang doktor bedah, mendapati A terpaksanya ditebus tulang kepalanya. B, yang tidak bermaksud menyebabkan kematian A, tetapi dengan suci hati, untuk faedah A, menjalankan tebusan tulang kepala itu sebelum A sedar daripada pengsan dan boleh membuat pertimbangan sendiri. B tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(b) C diheret oleh seekor buaya. D menembak buaya itu dengan mengetahui bahawa tembakan itu mungkin membunuh C, tetapi tidak bermaksud untuk membunuh C, dan dengan suci hati bermaksud untuk faedah C. Tembakan D melukakan C sehingga menyebabkannya mati. D tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(c) E, seorang doktor bedah melihat seorang kanak-kanak ditimpakan sesuatu kemalangan yang mungkin menyebabkan kanak-kanak itu mati melainkan jika suatu pembedahan dijalankan dengan segera. Tiada masa untuk meminta persetujuan daripada penjaga kanak-kanak itu. E, yang bermaksud dengan suci hati untuk faedah kanak-kanak itu, menjalankan pembedahan itu dengan tidak menghiraukan permintaan kanak-kanak itu supaya pembedahan itu tidak dijalankan. E, tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(d) F berada di dalam sebuah rumah yang terbakar, bersama-sama seorang kanak-kanak. Orang-orang di bawah membentangkan sehelai kain selimut. F, menjatuhkan

kanak-kanak itu dari atas rumah itu dengan mengetahui bahawa perbuatannya itu mungkin membunuh kanak-kanak itu, tetapi tidak bermaksud untuk membunuh kanak-kanak itu, bahkan bermaksud dengan suci hati untuk faedah kanak-kanak itu. Di sini, walaupun kanak-kanak itu terbunuh oleh sebab perbuatan menjatuhkannya itu, *F* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

*Huraian* — Faedah kewangan semata-mata bukanlah faedah dalam makna bab-bab 17, 18 dan 21.

**Pemakluman dibuat dengan suci hati.**

22. Pemakluman yang dibuat dengan suci hati tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan kepada orang yang dimaklumkan itu, jika pemakluman itu dibuat untuk faedah orang itu.

*Misalan*

*A*, seorang doktor, dengan suci hati memaklumkan pendapatnya kepada pesakitnya bahawa pesakit itu tidak boleh hidup. Pesakit itu mati oleh sebab terperanjat. *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, meskipun dia mengetahui bahawa pemakluman itu mungkin menyebabkan kematian pesakit itu.

**Perbuatan yang terpaksa dilakukan seseorang sebab ugutan.**

23. Kecuali melakukan *qatl*, tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa melakukannya oleh sebab ugutan yang pada masa melakukannya menyebabkan orang itu membuat tanggapan dengan munasabah bahawa jika dia tidak melakukannya dia akan mati serta-merta:

Dengan syarat, orang yang melakukan perbuatan itu tidak, dengan kemahuannya sendiri, meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu atau oleh sebab suatu tanggapan yang munasabah akan kerosakan kepada dirinya melainkan kematian serta-merta.

*Huraian 1* — Seseorang yang, dengan kemahuannya sendiri, atau oleh sebab ugutan akan dipukul, masuk kumpulan perompak dengan mengetahui watak mereka tidaklah berhak mendapat faedah dari kecualian ini atas alasan bahawa dia telah dipaksa oleh perompak-perompak sekutunya untuk melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang.

*Huraian 2* — Seseorang yang ditangkap oleh kumpulan perompak dan dipaksa dengan ugutan kematian serta-merta supaya melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang, misalnya seorang tukang besi yang dipaksa mengambil perkakas-perkakasnya dan memecahkan pintu sebuah rumah supaya kumpulan perompak itu dapat masuk dan melakukan *hirabah*, adalah berhak mendapat faedah dari kecualian ini.

**Perbuatan yang menyebabkan kerosakan ringan.**

24. Tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa jua menyebabkan, atau bermaksud hendak menyebabkan, atau diketahui mungkin menyebabkan, apa-apa kerosakan, jika kerosakan itu adalah begitu ringan hingga seseorang yang berakal dan berperangai biasa tidak akan mengadu kerosakan seperti itu.

**Hak pertahanan persendirian**

**Apa-apa jua yang dilakukan dalam pertahanan persendirian dll. tidak menjadi kesalahan.**

25. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan dalam menjalankan hak pertahanan persendirian dan hak seseorang.

**Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh dan harta.**

26. Tiap-tiap orang mempunyai hak, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang terkandung dalam bab 28, untuk mempertahankan —

(a) tubuhnya sendiri, anggota isteri dan keturunannya, dari apa-apa kesalahan yang menyentuh tubuh manusia;

(b) hartanya sendiri, harta isteri atau keturunannya, sama ada harta alih atau harta tak alih, dari apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan yang termasuk di bawah takrifan *sariqah* atau *hirabah*, atau yang merupakan cubaan untuk melakukan *sariqah* atau *hirabah*.

**Hak pertahanan persendirian dari perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal dll.**

27. Apabila suatu perbuatan yang menjadi kesalahan dilakukan, tidak akan menjadi kesalahan oleh sebab orang yang melakukan itu belum *mumaiyiz*, tidak sempurna akal atau mabuk atau oleh sebab dia salah faham, maka tiap-tiap orang mempunyai hak pertahanan persendirian dari perbuatan itu sama seperti hak yang dipunyainya sekiranya perbuatan itu adalah menjadi kesalahan.

*Misalan*

*A* oleh sebab gila, cuba melakukan *qatl* ke atas *B*. *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, tetapi *B* mempunyai hak pertahanan persendirian sama seperti hak yang dipunyainya sekiranya *A* tidak gila.

**Perbuatan yang tiada hak pertahanan persendirian.**

28. (1) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian dari sesuatu perbuatan yang tidak menyebabkan dengan munasabah kematian yang ditakuti atau kecederaan jika perbuatan itu dilakukan, atau cuba dilakukan, oleh seseorang kakitangan kerajaan yang bertindak dengan suci hati atas alasan jawatannya, meskipun

perbuatan itu mungkin tidak dibenarkan di sisi undang-undang dengan sepenuhnya.

(2) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian dari sesuatu perbuatan yang tidak menyebabkan dengan munasabah kematian yang ditakuti atau kecederaan, jika perbuatan itu dilakukan, atau cuba dilakukan, menurut arahan seseorang kakitangan kerajaan yang bertindak dengan suci hati atas alasan jawatannya, meskipun arahan itu mungkin tidak dibenarkan di sisi undang-undang dengan sepenuhnya.

(3) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian dalam hal-hal yang sempat mendapat perlindungan pihak berkuasa awam.

(4) Hak pertahanan persendirian tidak sekali-kali termasuk mengenakan kerosakan yang lebih daripada yang perlu dikenakan bagi maksud pertahanan persendirian.

*Huraian 1 — Seseorang tidak terlucut hak pertahanan persendirian dari sesuatu perbuatan yang dilakukan, atau cuba dilakukan oleh seseorang kakitangan kerajaan, atas sifatnya sebagai kakitangan kerajaan, melainkan jika dia mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah seorang kakitangan kerajaan.*

*Huraian 2 — Seseorang tidak terlucut hak pertahanan persendirian dari sesuatu perbuatan yang dilakukan, atau cuba dilakukan, menurut arahan seseorang kakitangan kerajaan melainkan jika dia mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, bahawa orang yang melakukan perbuatan itu bertindak menurut arahan tersebut, atau melainkan jika orang itu menyatakan kuasa yang membolehkannya bertindak atau, sekiranya orang itu mempunyai kuasa secara bertulis atau, melainkan jika dia menunjukkan kuasa itu apabila diminta.*

**Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian.**

29. Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 28, adalah termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja atau apa-apa kerosakan lain kepada penyerang itu jika kesalahan yang menyebabkan hak itu dijalankan adalah dari mana-mana jenis yang disenaraikan di bawah ini —

(a) sesuatu serangan yang menyebabkan dengan munasabah ketakutan bahawa kematian akan berlaku akibat daripada serangan tersebut;

(b) sesuatu serangan yang menyebabkan dengan munasabah ketakutan bahawa kecederaan akan berlaku akibat daripada serangan tersebut;

(c) sesuatu serangan dengan niat hendak melakukan *zina bil-jabar*;

(d) sesuatu serangan dengan niat hendak melakukan *liwat*;

(e) sesuatu serangan dengan niat hendak melarikan orang.

**Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan selain kematian.**

30. Jika kesalahan itu bukan dari mana-mana jenis yang disenaraikan dalam bab 29, maka hak pertahanan persendirian mengenai tubuh tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja kepada penyerang itu, tetapi tertakluk kepada sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 28, adalah termasuk menyebabkan dengan sengaja kepada penyerang itu apa-apa kerosakan selain kematian.

**Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula dan berterusan.**

31. Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula sebaik sahaja timbul suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya pada tubuh dari sesuatu percubaan atau ugutan hendak melakukan kesalahan itu, walaupun kesalahan itu tidak mungkin dilakukan dan hak itu berterusan selagi ketakutan akan bahaya pada tubuh itu berterusan.

**Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta termasuk menyebabkan kematian.**

32. Hak pertahanan persendirian mengenai harta, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang tersebut dalam bab 28, adalah termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja atau apa-apa kerosakan lain kepada orang yang berbuat salah itu, jika kesalahan itu apabila dilakukan atau cuba dilakukan menyebabkan hak itu dijalankan, adalah satu kesalahan dari mana-mana jenis yang disenaraikan di bawah ini —

(a) *hirabah*;

(b) *sariqah* dalam keadaan yang menyebabkan dengan munasabah ketakutan bahawa kematian atau kecederaan akan berlaku akibat darinya, jika hak pertahanan persendirian tersebut tidak dijalankan.

**Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan selain kematian.**

33. Jika kesalahan itu, apabila dilakukan, atau cuba dilakukan, menyebabkan hak pertahanan persendirian dijalankan, adalah kesalahan *sariqah* yang bukannya dari mana-mana jenis yang disenaraikan dalam bab 32, maka hak itu tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja, tetapi termasuk, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 28, menyebabkan dengan sengaja kepada orang yang berbuat salah itu apa-apa kerosakan selain kematian.

**Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta bermula dan berterusan.**

34. (1) Hak pertahanan persendirian mengenai harta bermula apabila suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya pada harta itu bermula.

(2) Hak pertahanan persendirian mengenai harta terhadap *sariqah* berterusan sehingga pesalah itu telah lepas lari dengan harta itu atau sama ada pertolongan pihak berkuasa awam diperolehi atau harta itu telah didapatkan balik.

(3) Hak pertahanan persendirian mengenai harta terhadap *hirabah* berterusan selagi pesalah itu menyebabkan atau cuba menyebabkan kematian atau kecederaan atau halangan salah kepada mana-mana orang, atau selagi ketakutan akan kematian serta-merta, kecederaaan serta-merta atau halangan diri serta-merta berterusan.

**Hak pertahanan persendirian terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada risiko kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah.**

35. Jika, dalam menjalankan hak pertahanan persendirian terhadap suatu serangan yang menyebabkan dengan munasabah kematian yang ditakuti, orang yang mempertahankan dirinya itu adalah dalam keadaan tidak dapat menjalankan hak itu dengan berkesan tanpa mendatangkan risiko kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah, maka hak untuk mempertahankan dirinya termasuklah mendatangkan risiko itu.

*Misalan*

*A* diserang oleh sekumpulan perusuh yang cuba hendak membunuhnya. Dia tidak dapat menjalankan hak pertahanan persendiriannya dengan berkesan tanpa melepaskan tembakan ke atas kumpulan perusuh itu, dan dia tidak dapat melepaskan tembakan itu tanpa mendatangkan risiko kerosakan kepada kanak-kanak yang bergaul dalam kumpulan perusuh itu. *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan jika dengan melepaskan tembakan itu dia mencederakan mana-mana kanak-kanak itu.

**Pengecualian dari Bahagian ini.**

36. Bahagian ini hanya akan dikenakan jika tidak berlawanan dengan mana-mana peruntukan lain Perintah ini.

**BAHAGIAN III**

**SUBAHAT**

**Menyubahati sesuatu perkara.**

37. Seseorang bersubahat melakukan sesuatu perkara jika —

(a) dia menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu;

(b) dia mengambil bahagian bersama dengan seorang atau beberapa orang lain dalam apa-apa pakatan jahat bagi melakukan perkara itu, jika suatu perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang berlaku menurut pakatan jahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau

(c) dia dengan sengaja membantu melakukan perkara itu dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang.

*Huraian 1* — Seseorang yang, dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, atau cuba menyebabkan atau mendapatkan, sesuatu perkara dilakukan, dengan sengaja menyalahnyatakan atau dengan sengaja menyembunyikan sesuatu fakta yang mustahak yang dia terikat untuk menyatakannya, adalah dikatakan menghasut supaya perkara itu dilakukan.

*Misalan*

*A*, seorang kakitangan kerajaan, diberi kuasa dengan suatu waran dari Mahkamah untuk menangkap *B*. *C* yang mengetahui hal itu dan juga yang mengetahui bahawa *D* bukannya *B*, dengan sengaja menyatakan kepada *A* bahawa *D* ialah *B*, dan dengan yang demikian dengan niat menyebabkan *A* menangkap *D*. Di sini *C* bersubahat dalam penangkapan *D* dengan jalan hasutan.

*Huraian 2* — Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perkara sebelum atau pada waktu sesuatu perbuatan dilakukan, untuk memudahkan perbuatan itu dilakukan dan dengan yang demikian memudahkan perbuatan itu dilakukan adalah dikatakan membantu melakukan perbuatan itu.

**Penyubahat.**

38. Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan jika dia bersubahat melakukan sesuatu kesalahan, atau bersubahat melakukan sesuatu perbuatan yang akan menjadi suatu kesalahan, sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan dengan niat atau pengetahuan yang sama dengan niat atau pengetahuan penyubahat itu.

*Huraian 1* — Menyubahati sesuatu perbuatan yang ditinggalkan dengan menyalahi undang-undang boleh terjumlah kepada suatu kesalahan, sungguhpun penyubahat itu sendiri tidak terikat untuk melakukan perbuatan itu.

*Huraian 2* — Bagi menjadikan kesalahan subahat, maka tidaklah perlu supaya perbuatan yang disubahati itu dilakukan atau supaya kejadian yang diperlukan bagi menjadikan kesalahan itu berlaku.

*Misalan-misalan*

(a) *A* menghasut *B* supaya melakukan *qatl* ke atas *C*. *B* enggan melakukan karyanya. *A* adalah melakukan kesalahan kerana bersubahat dengan *B* supaya melakukan *qatl*.

(b) *D* menghasut *E* supaya melakukan *qatl* ke atas *F*. *E* menurut hasutan itu menikam *F*. *F* sembah daripada lukanya. *D* adalah melakukan kesalahan kerana menghasut *E* supaya melakukan *qatl*.

*Huraian 3* — Tidaklah perlu supaya orang yang disubahati itu berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan, atau supaya dia mempunyai niat atau pengetahuan salah yang sama dengan niat atau pengetahuan salah penyubahati itu, atau mempunyai apa-apa niat atau pengetahuan salah.

*Misalan-misalan*

(a) *A*, dengan niat salah, bersubahat dengan seorang yang belum *baligh* atau seorang yang tidak sempurna akal supaya melakukan suatu perbuatan yang akan menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan dan mempunyai niat yang sama dengan *A*. Di sini, sama ada perbuatan itu dilakukan atau tidak, *A* adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati suatu kesalahan.

(b) *B*, dengan niat hendak melakukan *qatl* ke atas *C*, menghasut *D*, seorang yang belum *baligh*, supaya melakukan suatu perbuatan yang menyebabkan kematian *C*. Oleh sebab subahat, *D* melakukan perbuatan itu dan dengan yang demikian menyebabkan kematian *C*. Di sini, walaupun *D* tidak berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan, *B* boleh dihukum sama seperti seolah-olah *D* berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan, dan telah melakukan kesalahan *qatl*, dan oleh sebab itu *B* boleh dikenakan hukuman bersubahat melakukan *qatl*.

(c) *E*, dengan niat hendak menawarkan minuman yang memabukkan kepada *F*, menghasut *G*, seorang yang tidak sempurna akal, supaya menawarkan minuman yang memabukkan kepada *F*. Oleh sebab subahat, *G* melakukan perbuatan itu semasa ketiadaan *E*, dan dengan yang demikian menawarkan minuman yang memabukkan kepada *F*. Di sini, walaupun *G* tidak berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan, *E* boleh dihukum sama seperti seolah-olah *G* berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan sesuatu kesalahan dan telah melakukan kesalahan menawarkan minuman yang memabukkan dan oleh sebab itu *E* boleh dikenakan hukuman bersubahat melakukan kesalahan menawarkan minuman yang memabukkan.

(d) *A*, yang bermaksud hendak menyebabkan kesalahan *sariqah* dilakukan, menghasut *B* supaya mengambil harta yang dipunyai oleh *Z* daripada milik *Z*. *A* mendorong *B* untuk mempercayai bahawa harta itu adalah dipunyai oleh *A*. *B*, mengambil harta itu daripada milik *Z*, dengan suci hati mempercayainya sebagai harta *A*. *B* yang bertindak di bawah salah faham ini, tidak mengambil harta itu secara tidak jujur, dan oleh sebab itu tidaklah melakukan kesalahan *sariqah*. Tetapi *A* adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan *sariqah*, dan boleh dikenakan hukuman bersubahat melakukan *sariqah*.

*Huraian 4 —* Oleh sebab menyubahati sesuatu kesalahan adalah suatu kesalahan maka menyubahati subahat itu adalah juga suatu kesalahan.

*Misalan*

*A menghasut B supaya menghasut C untuk melakukan qatl ke atas D. B dengan yang demikian, menghasut C supaya melakukan qatl ke atas D, dan C melakukan kesalahan itu oleh sebab hasutan B. B boleh dihukum kerana kesalahannya dengan hukuman kerana kesalahan qatl; dan oleh sebab A telah menghasut B untuk melakukan kesalahan itu maka A boleh dikenakan hukuman bersubahat melakukan qatl.*

*Huraian 5 —* Tidaklah perlu bagi melakukan kesalahan subahat dengan jalan pakatan jahat bahawa penyubahat itu menyertai kesalahan itu bersama orang yang melakukannya. Memadailah jika dia mengambil bahagian dalam pakatan jahat itu dan kesalahan itu dilakukan menurut pakatan jahat itu.

*Misalan*

*A menyertai B dalam suatu rancangan untuk melakukan qatl dengan cara menggunakan racun ke atas Z. Adalah dipersetujui bahawa A akan memberi racun itu. B kemudiannya menghuraikan rancangan itu kepada C, dengan menyebut bahawa orang lain akan memberi racun itu, tetapi tidak menyebut nama A. C bersetuju mendapatkan racun itu, lalu mendapatkan dan menyerahkannya kepada B bagi tujuan untuk digunakan dengan cara yang telah dihuraikan itu. A memberi racun itu. Akibatnya Z mati. Di sini, walaupun A dan C tidak berpaktat jahat bersama-sama, akan tetapi C telah mengambil bahagian dalam pakatan jahat itu yang mengakibatkan Z telah mati. Oleh sebab itu, C telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini, dan boleh dikenakan hukuman kerana bersubahat melakukan qatl dengan cara menggunakan racun.*

**Niat bersama.**

39. Apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semua, tiap-tiap seorang daripada mereka adalah bertanggungjawab atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan olehnya seorang.

**Menyubahati di Negara Brunei Darussalam kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam.**

40. Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan dalam makna Perintah ini jika —

- (a) dia, di Negara Brunei Darussalam, menyubahati apa-apa perbuatan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam; atau
- (b) dia, di luar Negara Brunei Darussalam, menyubahati apa-apa perbuatan di Negara Brunei Darussalam yang akan menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

*Misalan*

*A*, di Negara Brunei Darussalam, menghasut *B*, orang asing di Singapura, untuk melakukan *qatl* di Singapura. *A* adalah melakukan suatu kesalahan menyubahati suatu *qatl*.

**Hukuman kerana subahat jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat dan tiada peruntukan yang nyata dibuat bagi hukumannya.**

41. Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, mana-mana orang yang menyubahati sesuatu kesalahan, jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

*Huraian* — Sesuatu perbuatan atau kesalahan adalah dikatakan sebagai dilakukan oleh sebab subahat apabila perbuatan atau kesalahan itu dilakukan oleh sebab hasutan, atau menurut pakatan jahat, atau dengan bantuan yang menjadi subahat itu.

*Misalan-misalan*

(a) *A* menghasut *B* supaya memberi keterangan palsu. *B*, oleh sebab hasutan itu, melakukan kesalahan tersebut. *A* adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan itu, dan boleh dikenakan hukuman yang sama seperti *B*.

(b) *C* dan *D* berpaktat jahat hendak melakukan *qatl* dengan menggunakan racun ke atas *E*. *C*, menurut pakatan jahat itu mendapatkan racun lalu menyerahkannya kepada *D* supaya dia boleh memberinya kepada *E*. *D* menurut pakatan jahat itu memberi racun itu kepada *E*, dalam masa ketiadaan *C*, dan dengan yang demikian menyebabkan kematian *E*. Di sini *D* adalah melakukan kesalahan kerana melakukan *qatl* dengan menggunakan racun. *C* adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan itu dengan pakatan jahat dan boleh dikenakan hukuman kerana kesalahan bersubahat melakukan *qatl* dengan menggunakan racun.

**Hukuman kerana subahat jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan dengan niat yang lain daripada niat penyubahat.**

42. Mana-mana orang yang bersubahat melakukan sesuatu kesalahan, jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan itu dengan niat atau pengetahuan yang lain daripada niat atau pengetahuan penyubahat itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan yang mungkin telah dilakukan sekiranya perbuatan itu telah dilakukan dengan niat atau pengetahuan penyubahat itu tetapi tidak dengan apa-apa niat atau pengetahuan lain.

**Tanggungan penyubahat apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan.**

43. Apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan, penyubahat itu adalah bertanggungan kerana perbuatan yang dilakukan itu dengan cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia telah menyubahatinya secara langsung:

Dengan syarat bahawa, perbuatan yang dilakukan itu hendaklah akibat yang mungkin berlaku dari subahat itu; dan telah dilakukan di bawah pengaruh hasutan, atau dengan bantuan atau menurut pakatan jahat yang menjadi subahat itu.

*Misalan*

A menghasut seorang kanak-kanak yang belum *baligh* supaya memasukkan racun ke dalam makanan *B*, dan memberi racun kepadanya bagi maksud itu. Kanak-kanak itu, oleh sebab hasutan itu tersilap masukkan racun itu ke dalam makanan *C*, yang ada disebelah makanan *B*. Di sini, jika kanak-kanak itu telah bertindak di bawah pengaruh hasutan *A*, dan perbuatan yang dilakukan itu adalah akibat kejadian yang mungkin berlaku dari subahat itu, maka *A* adalah bertanggungan dengan cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah *A* telah menghasut kanak-kanak itu supaya memasukkan racun itu ke dalam makanan *C*.

**Bila penyubahat boleh dikenakan hukuman tambahan kerana perbuatan yang disubahati dan kerana perbuatan yang dilakukan.**

44. Jika perbuatan yang mana penyubahat adalah bertanggungan di bawah bab 43 dilakukan disamping perbuatan yang disubahati, dan menjadi suatu kesalahan yang berlainan, maka penyubahat itu boleh dikenakan hukuman bagi tiap-tiap kesalahan jika penyubahat itu mengetahui perbuatan tambahan itu mungkin dilakukan.

*Misalan*

A menghasut *B* supaya melarikan seorang perempuan belum berkahwin dari jagaan ibu bapanya atau penjaganya. *B* melarikan perempuan tersebut dari jagaan ibu bapanya atau penjaganya dan semasa melarikan perempuan tersebut, *B* menghidangkannya minuman memabukkan. *B* adalah melakukan dua kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman bagi kedua-dua kesalahan tersebut; dan jika *A* tahu bahawa *B* berkemungkinan menghidangkan minuman memabukkan kepada perempuan tersebut, *A* adalah juga dikenakan hukuman bagi tiap-tiap kesalahan tersebut.

**Tanggungan penyubahat kerana kejadian yang disebabkan oleh perbuatan yang disubahati itu lain daripada yang dimaksudkan oleh penyubahat.**

45. Apabila sesuatu perbuatan disubahati dengan niat pada pihak penyubahat itu hendak menyebabkan suatu kejadian yang tertentu, dan suatu perbuatan yang penyubahat itu bertanggungan oleh sebab subahat itu, menyebabkan suatu kejadian yang lain daripada yang dimaksudkan oleh penyubahat itu, maka penyubahat itu adalah bertanggungan kerana kejadian yang berlaku itu, dengan

cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia telah menyubahati perbuatan itu dengan niat hendak menyebabkan kejadian itu dengan syarat dia telah mengetahui bahawa perbuatan yang disubahati itu mungkin menyebabkan kejadian tersebut.

*Misalan*

*A* menghasut *B* supaya mengajar apa-apa perkara yang berkaitan dengan ugama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis. *B*, oleh sebab hasutan itu, mengambil peluang untuk menghina ugama Islam. Di sini, jika *A* mengetahui bahawa mengajar perkara-perkara yang berkaitan dengan ugama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis yang disubahatinya itu akan menyebabkan kesalahan menghina ajaran ugama Islam, maka *A* boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan menghina ajaran ugama Islam.

**Penyubahat hadir pada masa kesalahan dilakukan.**

46. Apabila seseorang yang, sekiranya tidak hadir, boleh dikenakan hukuman sebagai seorang penyubahat, hadir pada masa perbuatan atau kesalahan yang dia boleh dihukum oleh sebab subahat itu dilakukan, maka dia hendaklah dianggap telah melakukan perbuatan atau kesalahan itu.

**Menyubahati kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.**

47. Mana-mana orang yang menyubahati sesuatu kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup, jika kesalahan itu tidak dilakukan oleh sebab subahat itu dan tiada apa-apa peruntukan yang nyata dibuat oleh Perintah ini berkenaan dengan hukuman bagi subahat itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun.

*Misalan*

*A* menghasut *B* supaya melakukan *qatl* ke atas *C*. Kesalahan itu tidak dilakukan. Sekiranya *B* telah melakukan *qatl* ke atas *C*, *A* mungkin boleh dikenakan hukuman bersubahat melakukan *qatl*. Oleh sebab itu, *A* adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun.

**Menyubahati kesalahan yang boleh dihukum penjara jika kesalahan tidak dilakukan. Penyubahat atau orang yang disubahati adalah seorang kakitangan kerajaan yang kewajipannya untuk mencegah kesalahan.**

48. (1) Mana-mana orang yang menyubahati sesuatu kesalahan yang boleh dihukum penjara hendaklah, jika kesalahan itu tidak dilakukan oleh sebab subahat itu dan tiada apa-apa peruntukan yang nyata dibuat oleh Perintah ini berkenaan dengan hukuman bagi subahat itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak

melebihi satu perempat daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika penyubahati atau orang yang disubahati di bawah ceraian (1) kakitangan kerajaan yang kewajipannya adalah untuk mencegah berlakunya kesalahan itu, maka penyubahati itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebagaimana diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi separuh daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

#### *Misalan-misalan*

(a) *A* menghasut *B* supaya memberi keterangan palsu. Di sini, walaupun *B* tidak memberi keterangan palsu, *A*, walau bagaimanapun telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini dan boleh dihukum dengan sewajarnya.

(b) *C*, seorang kakitangan kerajaan, yang kewajipannya adalah untuk mencegah penjualan minuman yang memabukkan, menyubahati penjualan minuman yang memabukkan dilakukan. Di sini, walaupun penjualan minuman yang memabukkan itu tidak dilakukan, *C* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi separuh daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

(c) *D* menyubahati suatu penjualan minuman yang memabukkan oleh *E*, seorang kakitangan kerajaan, yang kewajipannya adalah untuk mencegah kesalahan itu. Di sini, walaupun penjualan itu tidak dilakukan, *D* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi separuh daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan tersebut atau kedua-duanya sekali.

**Menyubahati kesalahan yang dilakukan oleh orang ramai, atau oleh lebih sepuluh orang.**

49. Mana-mana orang yang menyubahati sesuatu kesalahan di bawah Bahagian IV Penggal IV (Kesalahan-Kesalahan Am) yang dilakukan oleh orang awam pada amnya, atau oleh sebilangan atau sekumpulan orang melebihi sepuluh, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### *Misalan*

*A* menghasut satu kumpulan berjumlah lima orang untuk memberikan kenyataan palsu mengenai apa-apa perkara dalam mana-mana prosiding kehakiman. *A* telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

**Kakitangan kerajaan menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang dia berkewajipan untuk mencegahnya.**

50. Mana-mana orang, sebagai seorang kakitangan kerajaan, yang bermaksud hendak memudahkan, atau yang mengetahui kemungkinan dia dengan yang demikian akan memudahkan, sesuatu kesalahan terhadap Bahagian IV Penggal IV (Kesalahan-Kesalahan Am) dilakukan yang dia berkewajipan sebagai kakitangan kerajaan itu untuk mencegahnya, dengan sengaja menyembunyikan, dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang, adanya sesuatu rancangan hendak melakukan kesalahan itu, atau membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu berkenaan dengan rancangan itu —

(a) jika kesalahan itu dilakukan, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi separuh daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali; atau

(b) jika kesalahan itu tidak dilakukan, adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

*Misalan*

*A*, seorang kakitangan kerajaan yang terikat secara undang-undang untuk memberikan maklumat mengenai segala rancangan untuk menjual minuman yang memabukkan yang mungkin sampai pada pengetahuannya, dan mengetahui *B* merancang untuk menjual minuman yang memabukkan, enggan untuk memberikan maklumat tersebut, dengan maksud untuk memudahkan berlakunya kesalahan itu. Di sini, *A*, dengan peninggalan yang menyalahi undang-undang menyembunyikan kewujudan rancangan *B*, dan hendaklah dihukum menurut peruntukan-peruntukan bab ini.

**Menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara.**

51. Mana-mana orang yang bermaksud hendak memudahkan, atau yang mengetahui kemungkinan dia dengan yang demikian akan memudahkan berlakunya sesuatu kesalahan yang boleh dihukum penjara, dengan sengaja menyembunyikan, dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang, adanya sesuatu rancangan hendak melakukan kesalahan itu, atau membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu berkenaan dengan rancangan itu —

(a) jika kesalahan itu dilakukan, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh

tidak melebihi satu perempat daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali; atau

(b) jika kesalahan itu tidak dilakukan, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu perlapan daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

## BAHAGIAN IV

### KESALAHAN-KESALAHAN

#### Penggal I

##### **SARIQAH, HIRABAH, ZINA, ZINA BIL-JABAR, LIWAT, QAZAF MEMINUM MINUMAN YANG MEMABUKKAN DAN IRTIDAD**

###### **Hadd.**

52. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*hadd*” bermakna hukuman atau siksaan yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an atau *Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bagi kesalahan *sariqah*, *hirabah*, *zina*, *qazaf*, meminum minuman yang memabukkan dan *irtidad*.

(2) Kesalahan *zina bil-jabar* dan *liwat* adalah termasuk dalam makna kesalahan *zina* yang boleh dikenakan hukuman *hadd*.

#### *Sariqah*

##### ***Sariqah* dan *hirz*.**

53. Bagi maksud-maksud Perintah ini —

“*hirz*” bermakna penjagaan terhadap sesuatu harta menurut kesesuaianya berdasarkan kepada *Hukum Syara'*;

“*sariqah*” bermakna suatu perbuatan memindah dengan cara sembunyi-sembunyi harta alih daripada *hirz* atau milikan tuan punyanya tanpa persetujuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak melucutahkan harta itu daripada *hirz* atau milikan tuan punyanya.

##### **Kadar *nisab* bagi *sariqah*.**

54. Kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* ialah 1 dinar.

*Huraian* — Kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* adalah 1 dinar (4.25 gram emas) atau nilainya dalam mata wang tempatan pada masa kesalahan *sariqah* dilakukan.

*Misalan*

Jika harga pasaran bagi 1 gram emas ialah \$80, maka kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* dalam matawang Brunei Darussalam adalah \$340.

**Hukuman *sariqah*.**

55. (1) Mana-mana orang yang melakukan *sariqah*, yang jumlah nilai harta sampai atau melebihi *nisab* dan *sariqah* itu dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain keterangan mangsa, setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* seperti berikut —

(a) bagi kesalahan pertama, dipotong pada sendi pergelangan tangan kanannya;

(b) bagi kesalahan kedua, dipotong kaki kirinya sehingga ke buku lali; dan

(c) bagi kesalahan ketiga atau berikutnya, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

(2) Mana-mana *mukallaf* yang melakukan *sariqah* secara berkumpulan dan jumlah nilai harta yang dicuri jika dibahagi rata antara mereka yang memasuki *hirz*, masing-masing mendapat jumlah sampai, atau melebihi, *nisab*, sama ada atau tidak setiap seorang dari mereka memindah harta *sariqah* itu atau sebahagian daripadanya dan *sariqah* itu dibuktikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ceraian (1).

(3) Mana-mana orang yang melakukan *sariqah* —

(a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1); atau

(b) dalam keadaan-keadaan yang disebutkan dalam bab-bab 56 dan 57,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak

melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$56,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 14 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bila hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan.

56. Hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam mana-mana keadaan yang berikut —

- (a) apabila nilai harta yang dicuri itu kurang daripada *nisab*;
- (b) apabila pesalah itu bukan *mukallaf*;
- (c) apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengambil langkah yang cukup untuk menjaga harta itu daripada kena curi, memandangkan kepada keadaan harta itu dan tempat harta itu disimpan atau ditinggalkan bukan pada *hirznya*;
- (d) apabila pesalah itu belum lagi mendapat milik yang sepenuhnya terhadap harta yang dicuri itu, walaupun tuan punya tidak lagi mempunyai jagaan atau milikan ke atas harta tersebut.

#### *Misalan*

*A* membeli sebuah jam dari milik *B*. *A* telah membayar sebahagian daripada harga jam tersebut sebelum selesai tukar milik pembelian, *A* mencuri jam tersebut. *A* tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*.

- (e) apabila harta yang dicuri adalah sejenis harta yang tidak bernilai dan boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat atau pun daripada jenis harta yang mudah musnah;

#### *Misalan*

*A* mencuri buah di dalam kawasan kebun kepunyaan *B* dan memakan buah yang dicuri itu di kawasan atau di tempat tersebut. *A* tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*.

- (f) apabila harta yang dicuri tidak mempunyai apa-apa nilai mengikut *Hukum Syara'* seperti minuman yang memabukkan atau alat-alat hiburan;
- (g) apabila kesalahan mencuri itu dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang itu:

Dengan syarat bahawa nilai harta yang dicuri itu tidak melebihi jumlah hutang, atau nilai harta tersebut melebihi jumlah hutang tetapi tidak melebihi *nisab*;

(h) apabila kesalahan itu dilakukan dalam keadaan yang amat mendesak seperti perang, kelaparan, penyakit dan bencana alam;

(i) apabila kesalahan itu berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya, atau anak mencuri daripada bapanya dan sebaliknya;

(j) apabila kesalahan itu dilakukan oleh sekumpulan orang, yang mana bahagian yang diperolehi oleh tiap-tiap seorang daripada pesalah itu setelah dibahagikan, harta yang dicuri atau hasilnya sesama mereka adalah kurang daripada *nisab*;

(k) apabila pesalah itu mengembalikan harta atau nilai harta yang dicuri itu sebelum hukuman *hadd* dilaksanakan;

(l) apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengaku bahawa hartanya telah dicuri, walaupun pesalah itu telah membuat *ikrar* mencurinya;

(m) apabila pesalah itu membuat bantahan yang boleh diterima oleh *Hukum Syara'* terhadap *syahid-syahid*;

*Misalan*

*A* telah dituduh mencuri harta *B*. Dua orang *syahid* telah memberi *syahadah* untuk membuktikan kebenaran itu. *A* telah membuktikan kepada Mahkamah yang kedua-dua itu adalah *fasiq*. *A* tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*.

(n) apabila harta yang dicuri itu, atau keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan, tidak ada hukuman *hadd* yang boleh dikenakan ke atasnya mengikut *Hukum Syara'*;

(o) apabila harta yang dicuri itu harta milik bersama;

*Huraian* — Harta milik bersama bermakna harta alih yang disediakan untuk faedah orang awam.

(p) apabila tangan kanan atau kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong.

**Harta dalam *hirz* yang berlainan.**

57. Jika *sariqah* dilakukan dari *hirz* yang sama lebih dari satu urusan, atau *sariqah* dilakukan lebih dari satu *hirz*, dan nilai harta *sariqah* dalam setiap kes kurang dari *nisab*, maka ia bukan *sariqah* yang boleh dikenakan hukuman *hadd* walaupun nilai harta yang terlibat dalam semua kes sampai kepada atau melebihi *nisab*.

*Misalan-misalan*

(a) A memasuki sebuah rumah yang didiami oleh sebuah keluarga dan melakukan *sariqah* dari beberapa buah bilik dan nilai kesemua harta yang diambil sampai atau melebihi *nisab*. *Sariqah* sedemikian boleh dihukum *hadd* walaupun nilai harta yang diambil dari mana-mana bilik tidak sampai *nisab*. Jika rumah itu didiami oleh lebih dari sebuah keluarga dan nilai harta yang diambil dari *hirz* mana-mana keluarga itu kurang dari *nisab*, maka *sariqah* itu tidak boleh dikenakan hukuman *hadd* walaupun nilai kesemua harta yang diambil sampai atau melebihi *nisab*.

(b) A memasuki sebuah rumah beberapa kali untuk melakukan *sariqah* di rumah itu, setiap kali dia masuk, nilai harta yang diambil tidak sampai *nisab*. *Sariqah* itu tidak boleh dikenakan hukuman *hadd* walaupun nilai kesemua harta yang diambil sampai atau melebihi *nisab*.

**Hukuman kerana melakukan *qatl* atau mencederakan seseorang semasa melakukan *sariqah*.**

58. Mana-mana orang yang melakukan *qatl* atau mencederakan seseorang semasa melakukan *sariqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan sebagai tambahan kepada hukuman *sariqah* itu, dikenakan hukuman *qisas*, *diyat* atau *arsy* menurut *Hukum Syara'*.

**Percubaan melakukan *sariqah*.**

59. Mana-mana orang yang cuba melakukan *sariqah* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *sariqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Misalan*

A cuba untuk melakukan *sariqah* beberapa barang kemas dengan memecah satu kotak dan setelah kotak itu terbuka dia mendapati tidak ada barang kemas didalamnya. A telah melakukan perbuatan cuba melakukan *sariqah*, dari itu dia telah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

**Subahat melakukan *sariqah*.**

60. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *sariqah* di bawah bab 55(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *sariqah* di bawah bab 55(3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pengembalian harta *sariqah*.**

61. (1) Harta *sariqah* hendaklah dikembalikan kepada mangsa jika harta itu didapati dalam bentuk asal dan boleh dikenal pasti.

(2) Jika harta *sariqah* itu hilang atau digunakan semasa dalam pegangan pesalah, maka pesalah terlibat hendaklah diperintahkan supaya membayar ganti rugi dan ganti rugi itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada pemilik.

***Hirabah***

***Hirabah*.**

62. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*hirabah*” bermakna suatu perbuatan merampas harta orang lain dengan kekerasan atau ugutan hendak menggunakan kekerasan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang bersenjatakan apa-apa jenis senjata atau alat yang boleh digunakan sebagai senjata.

**Hukuman *hirabah*.**

63. (1) Mana-mana orang yang melakukan *hirabah* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain keterangan mangsa setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* seperti berikut —

(a) bunuh, jika semasa dia melakukan *hirabah* itu *qatl* telah berlaku, sama ada mengambil harta atau tidak, sama ada harta yang diambil itu nilainya sampai kepada *nisab* atau kurang daripada *nisab*;

(b) (i) potong tangan kanan dipergelangannya dan kaki kiri di buku lali, jika semasa dia melakukan *hirabah*, harta yang diambil itu nilainya sampai kepada *nisab* atau lebih;

(ii) apabila kesalahan *hirabah* itu telah dilakukan bersama oleh lebih daripada seorang, maka hukuman potong tangan dan kaki itu hendaklah hanya dikenakan jika nilai bahagian setiap orang daripada mereka itu adalah sampai kepada *nisab* atau lebih;

(c) *qisas* atau *arsy* menurut jenis kecederaan yang dilakukan seperti yang ditetapkan dalam Jadual-Jadual Kedua, Ketiga dan Keempat atau seperti yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *hirabah* —

(a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1); atau

(b) dalam keadaan-keadaan yang disebutkan di bawah bab 64,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Bila hukuman potong tangan dan kaki dalam kesalahan *hirabah* tidak boleh dikenakan.**

64. Hukuman potong tangan dan kaki tidak boleh dikenakan dalam kes-kes yang hukuman *hadd* mungkin tidak dikenakan bagi kesalahan *sariqah*, dan peruntukan bab 56, menurut pindaan yang sesuai, hendaklah dikenakan kepada kes-kes *hirabah* seperti itu.

**Percubaan melakukan *hirabah*.**

65. Mana-mana orang yang cuba melakukan *hirabah* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *hirabah* adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat tidak melebihi 30 sebatan.

**Subahat melakukan *hirabah*.**

66. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *hirabah* di bawah bab 63(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *hirabah* di bawah bab 63(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat tidak melebihi 20 sebatan.

**Pengembalian harta *hirabah*.**

67. Peruntukan bab 61, menurut pindaan yang sesuai, hendaklah dikenakan bagi pengembalian harta yang diambil semasa melakukan *hirabah*.

### ***Zina***

***Zina*.**

68. (1) Seseorang lelaki dan perempuan dikatakan telah melakukan *zina* jika lelaki dan perempuan itu dengan sengaja telah melakukan persetubuhan tanpa pernikahan yang sah antara mereka atau persetubuhan itu bukan persetubuhan *syubhah*.

*Huraian* — Memasukkan *hasyafah* atau *qadarnya* adalah mencukupi sebagai menjadi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan *zina*.

(2) Dalam bab ini —

“persetubuhan *syubhah*” bermakna persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad nikah itu tidak sah (*fasid*) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap;

“persetubuhan yang berlaku secara tersilap” bermakna persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dan perempuan atas sangkaan bahawa perempuan itu adalah isterinya dan lelaki itu adalah suaminya, sedangkan perempuan itu bukan isterinya dan lelaki itu bukan suaminya.

*Misalan*

Dalam keadaan yang gelap pada malam hari, *A* dan *B* melakukan persetubuhan. *A* menyangka *B* adalah isterinya dan *B* menyangka *A* adalah suaminya, sedangkan *B* bukan isteri *A* dan *A* bukan suami *B*. *A* dan *B* tidak melakukan kesalahan di bawah bab ini.

**Hukuman *zina*.**

69. (1) Mana-mana orang Islam yang melakukan *zina* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya empat orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* seperti berikut —

(a) jika dia *muhsin*, direjam sehingga mati dengan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam; atau

(b) jika dia *ghairu muhsin*, disebat 100 sebatan dengan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana orang Islam yang melakukan *zina* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan —

(a) jika dia *muhsin*, disebat tidak melebihi 30 sebatan dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun; atau

(b) jika dia *ghairu muhsin*, disebat tidak melebihi 15 sebatan dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun.

(3) Mana-mana orang bukan Islam yang melakukan *zina* dengan seorang Islam dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya empat orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah

Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ceraian (1).

(4) Mana-mana orang bukan Islam yang melakukan *zina* dengan seorang Islam dan dibuktikan dengan keterangan selain daripada yang diperuntukkan di bawah ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan, dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ceraian (2).

**Hukuman *zina* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.**

70. Jika mana-mana orang yang bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh* melakukan *zina* dan —

(a) dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya empat orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum sebat tidak melebihi 30 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun; atau

(b) dibuktikan dengan keterangan selain daripada yang diperuntukkan di bawah perenggan (a) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum sebat tidak melebihi 15 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun.

**Percubaan melakukan *zina*.**

71. Mana-mana orang yang cuba melakukan *zina* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *zina* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan —

(a) jika dia *muhsin*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$14,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan disebat tidak melebihi 20 sebatan; atau

(b) jika dia *ghairu muhsin*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali, dan disebat tidak melebihi 10 sebatan.

*Misalan*

*A*, seorang lelaki *mukallaf*, berbaring di atas sebuah katil bersama *B* seorang perempuan *mukallaf* dan dia bukan isteri *A*. *A* dan *B* melakukan kesalahan di bawah bab ini.

Percubaan melakukan *zina* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.

72. Mana-mana orang, yang bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*, yang cuba melakukan *zina* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *zina* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan disebat tidak melebihi 10 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun.

**Subahat melakukan *zina*.**

73. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *zina* di bawah bab 69(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali, dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *zina* di bawah bab 69(2) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$16,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 4 tahun atau kedua-duanya sekali, dan disebat tidak melebihi 20 sebatan.

Subahat melakukan *zina* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.

74. Mana-mana orang yang bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh* yang bersubahat melakukan *zina* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum sebat tidak melebihi 15 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun.

*Zina bil-jabar*

***Zina bil-jabar*.**

75. Seseorang itu dikatakan telah melakukan *zina bil-jabar* jika lelaki atau perempuan itu melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan atau lelaki, mengikut mana yang berkenaan, yang kepadanya lelaki atau perempuan itu tidak bernikah secara sah, dalam mana-mana keadaan yang berikut —

- (a) bertentangan dengan kemahuan mangsa;
- (b) tanpa kerelaan mangsa;
- (c) dengan kerelaan mangsa, apabila kerelaan itu diperolehi dengan ugutan bahawa mangsa itu akan dibunuh atau dicederakan;
- (d) dengan kerelaan mangsa, apabila pesalah mengetahui bahawa pesalah tidak bernikah secara sah dengan mangsa dan kerelaan itu diberikan kerana mangsa percaya yang pesalah itu adalah orang lain yang kepadanya mangsa telah bernikah secara sah atau mangsa tersebut percaya dia bernikah secara sah dengan pesalah itu;

*Misalan-misalan*

(a) *A*, sebagai *wali mujbir* kepada anak perempuannya *B*, menikahkan *B* dengan *C*. *B* tidak mengenali *C*. *D* mengaku bahawa dia sebagai suami *B* dan *B* percaya *D* adalah suaminya dan *B* rela melakukan persetubuhan dengan *D*. *D* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(b) *E* dan *F*, adalah saudara perempuan kembar seiras. *G* bernikah dengan *E*. *F* mengaku bahawa dia adalah isteri kepada *G* dan *G* percaya *F* adalah isterinya. *G* rela melakukan persetubuhan dengan *F*. *F* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(c) *H* sudah mempunyai empat orang isteri. *H* bernikah dengan *I* yang tidak mengetahui bahawa *H* telah mempunyai empat orang isteri. *I* rela melakukan persetubuhan dengan *H* kerana percaya pernikahan mereka adalah sah. *H* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(d) *J* masih dalam tempoh 'iddah. *K* tidak mengetahui bahawa *J* masih dalam tempoh 'iddah lalu menikahinya. *K* rela melakukan persetubuhan dengan *J* kerana percaya pernikahan mereka adalah sah. *J* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(e) dengan kerelaan mangsa, jika kerelaan itu diberi oleh mangsa dalam keadaan salah faham tentang fakta dan pesalah itu mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, bahawa kerelaan itu telah diberi oleh sebab salah faham itu;

*Misalan*

*A*, seorang pesakit, meminta pertolongan daripada *B*, seorang bomoh. *B* memberitahu *A* bahawa bagi tujuan perubatan dibolehkan melakukan apa-apa saja cara. *A*, kerana salah faham fakta percaya kepada *B*, rela melakukan persetubuhan dengan *B*. *B* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(f) dengan kerelaan mangsa, jika kerelaan itu diberi oleh mangsa yang tidak sempurna akal atau oleh sebab mabuk, tidak boleh memahami keadaan dan akibat dari apa yang direlakan olehnya; atau jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang belum *baligh*.

*Misalan-misalan*

(a) *A* seorang yang tidak sempurna akal dipujuk oleh *B* untuk melakukan persetubuhan dengannya. *A* rela melakukan persetubuhan dengan *B*. *B* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(b) *C* dengan sengaja memasukkan dadah ke dalam minuman *D* untuk menyebabkan *D* mabuk. *C* mengajak *D* untuk melakukan persetubuhan dengannya. *D* oleh sebab mabuk, rela melakukan persetubuhan dengan *C*. *C* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(c) *E* seorang yang belum *baligh* dipujuk oleh *F*, dengan menjanjikan hadiah, untuk melakukan persetubuhan dengannya. *E* rela melakukan persetubuhan dengan *F*. *F* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

*Huraian* — Memasukkan *hasyafah* atau *qadarnya* adalah mencukupi sebagai menjadi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan *zina bil-jabar*.

**Hukuman *zina bil-jabar*.**

76. (1) Mana-mana orang yang melakukan *zina bil-jabar* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya empat orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain keterangan mangsa setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* seperti berikut —

(a) jika dia *muhsin*, direjam sehingga mati dengan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam;

(b) jika dia *ghairu muhsin*, disebat 100 sebatan dengan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *zina bil-jabar* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan —

(a) jika dia *muhsin*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat 40 sebatan;

(b) jika dia *ghairu muhsin*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan.

**Hukuman *zina bil-jabar* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.**

77. Jika mana-mana orang yang bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh* melakukan *zina bil-jabar* dan —

(a) dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya empat orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain keterangan mangsa setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan disebat 40 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun; atau

(b) dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah perenggan (a) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan disebat 20 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

**Percubaan melakukan *zina bil-jabar*.**

78. Mana-mana orang yang cuba melakukan *zina bil-jabar* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *zina bil-jabar* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan —

(a) jika dia *muhsin*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan;

(b) jika dia *ghairu muhsin*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan disebat 20 sebatan.

**Percubaan melakukan *zina bil-jabar* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.**

79. Mana-mana orang, yang bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*, yang cuba melakukan *zina bil-jabar* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *zina bil-jabar* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan disebat 20 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 4 tahun.

**Subahat melakukan *zina bil-jabar*.**

80. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *zina bil-jabar* di bawah bab 76(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat 40 sebatan.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *zina bil-jabar* di bawah bab 76(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan.

Subahat melakukan *zina bil-jabar* jika pesalah bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*.

81. Mana-mana orang, yang bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*, yang bersubahat melakukan *zina bil-jabar* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan disebat 20 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

### ***Liwat***

#### ***Liwat.***

82. (1) Mana-mana orang yang melakukan *liwat* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan *zina*.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*liwat*” bermakna suatu persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain isterinya, yang dilakukan di luar tabii iaitu melalui dubur.

#### **Bukti *liwat*.**

83. *Liwat* hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi membuktikan kesalahan *zina*.

#### **Percubaan melakukan *liwat*.**

84. Mana-mana orang yang cuba melakukan *liwat* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *liwat* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 71 atau 72, mengikut mana yang berkenaan.

#### **Subahat melakukan *liwat*.**

85. Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *liwat* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 73 atau 74, mengikut mana yang berkenaan.

**Kesalahan yang berkaitan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat***

**Menarik balik *ikrar* dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.**

86. (1) Pensabitan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* yang dibuat melalui *ikrar* tertuduh boleh ditarik balik oleh tertuduh pada bila-bila masa, walaupun ketika dia sedang menjalani hukuman.

(2) Jika sesuatu *ikrar* itu ditarik balik sebelum dilaksanakan hukuman *hadd* ke atasnya, maka tertuduh itu tidaklah lagi boleh dikenakan hukuman itu dan jika dia menarik balik *ikrar* itu ketika dia sedang menjalani hukuman, maka hukuman itu hendaklah dengan serta-merta diberhentikan.

(3) Jika pada bila-bila masa sebelum atau pada ketika hukuman *hadd* dilaksanakan tertuduh itu dapat melarikan diri daripada pihak yang berkuasa, maka dia hendaklah dianggap sebagai menarik balik *ikrar* itu; dengan yang demikian peruntukan ceraian (2) hendaklah dikenakan.

**Menarik balik keterangan dalam kes *zina*, *zina-bil-jabar* atau *liwat*.**

87. (1) Jika seseorang *syahid* menarik balik keterangannya sebelum dilaksanakan hukuman *hadd* ke atas tertuduh, maka tertuduh itu tidaklah lagi boleh dikenakan hukuman itu dan jika dia menarik balik keterangan itu ketika tertuduh sedang menjalani hukuman, maka hukuman itu hendaklah dengan serta-merta diberhentikan.

- (2) Dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*, jika seseorang *syahid* itu —
- (a) enggan memberi keterangan;
  - (b) memberi keterangan yang berlawanan dengan tuduhan;
  - (c) memberi keterangan menyokong tuduhan itu tetapi kemudiannya menarik balik keterangannya itu;
  - (d) cacat mengikut *Hukum Syara'*,

dan dengan sebab sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d) atau sebab-sebab lain, bilangan *syahid* yang menyokong tuduhan itu menjadi kurang daripada empat orang, maka tuduhan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* terhadap tertuduh itu tidaklah terbukti dan yang demikian tertuduh itu adalah terlepas daripada dikenakan hukuman *hadd*, tetapi dia boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 69(2), 69(4) atau 76(2).

**Orang yang mendakwa dan saksi-saksi tidak dikenakan *qazaf*.**

88. Orang yang mendakwa dan saksi-saksi yang memberikan keterangan dengan suci hati, sama ada dengan *syahadah* atau *bayyinah* di hadapan Mahkamah, untuk membuktikan kesalahan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* yang tidak memenuhi kehendak *Hukum Syara'* bagi dikenakan hukuman *hadd* adalah tidak boleh dituduh melakukan kesalahan *qazaf*.

**Orang yang mendakwa dan saksi-saksi yang dikenakan *qazaf*.**

89. Orang yang mendakwa dan saksi-saksi yang memberikan keterangan dengan tidak suci hati, sama ada dengan *syahadah* atau *bayyinah* di hadapan Mahkamah, untuk membuktikan kesalahan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* yang tidak memenuhi kehendak *Hukum Syara'* bagi dikenakan hukuman *hadd* adalah boleh dituduh melakukan kesalahan *qazaf*.

***Ityan al-mayyitah.***

90. (1) Mana-mana orang yang melakukan *ityan al-mayyitah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

(2) Dalam bab ini, "*ityan al-mayyitah*" bermakna suatu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan orang yang sudah meninggal dunia, sama ada orang yang sudah meninggal dunia itu lelaki atau perempuan.

***Ityan al-bahimah.***

91. (1) Mana-mana orang yang melakukan *ityan al-bahimah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

(2) Dalam bab ini, "*ityan al-bahimah*" bermakna suatu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan binatang.

***Musahaqah.***

92. (1) Mana-mana perempuan Islam yang melakukan *musahaqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

(2) Mana-mana perempuan bukan Islam yang melakukan *musahaqah* dengan perempuan Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

(3) Dalam bab ini, “*musahaqah*” bermakna apa-apa kegiatan fizikal antara perempuan dengan perempuan yang akan terjumlah kepada perbuatan seksual jika ia dilakukan antara seorang lelaki dan seorang perempuan, selain kemasukan.

**Keengganan melakukan *li'an*.**

93. (1) Seorang suami yang menuduh isterinya melakukan *zina* dan dia atau isterinya enggan untuk melakukan *li'an* setelah diperintahkan oleh Mahkamah untuk ber*li'an*, suami atau isteri tersebut hendaklah dipenjarakan sehingga —

(a) suami bersetuju untuk melakukan *li'an* atau dikenakan hukuman *hadd* kerana melakukan *qazafi*, atau

(b) isteri bersetuju untuk melakukan *li'an* atau menerima tuduhan *zina* yang dibuat oleh suaminya dan jika isteri menerima tuduhan suaminya, dia adalah melakukan kesalahan *zina* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* kerana melakukan *zina*.

(2) Bagi maksud bab ini dan bab 95, “*li'an*” bermakna suatu tuduhan *zina* secara bersumpah menurut *Hukum Syara'* yang dibuat oleh seorang suami terhadap isterinya manakala isterinya pula dengan secara bersumpah menurut *Hukum Syara'* menolak tuduhan itu dan tuduhan dan penolakan itu adalah dibuat di hadapan Mahkamah.

**Hamil luar nikah.**

94. (1) Mana-mana perempuan Islam yang didapati hamil atau melahirkan anak luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan —

(a) jika dia *muhsin*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali;

(b) jika dia *ghairu muhsin*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana perempuan Islam yang melahirkan anak yang penuh sifat dalam masa kurang 6 bulan *qamariah* dan 2 *lahzah* selepas dia berkahwin boleh disifatkan sebagai melahirkan anak luar nikah.

(3) Bagi maksud ceraian (1), seorang perempuan adalah dikatakan hamil atau melahirkan anak luar nikah jika —

(a) dia tidak berkahwin;

(b) perkahwinannya adalah bukan perkahwinan *syubhah*;

(c) dia tidak dirogol;

(d) anak tersebut dilahirkan kurang 6 bulan *qamariah* dan 2 *lahzah* selepas perkahwinan yang sah; atau

(e) anak tersebut dilahirkan lebih dari 4 tahun *qamariah* selepas perceraian atau pembubaran perkahwinan dan dia tidak berkahwin semula.

(4) Beban membuktikan untuk mematahkan mana-mana perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) dalam ceraian (3) adalah terletak atas perempuan itu.

(5) Mana-mana lelaki yang menghamilkkan seorang perempuan Islam luar nikah, sama ada atau tidak perempuan tersebut telah melahirkan anak, adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

### *Qazaf*

#### *Qazaf.*

95. Kecuali dalam hal keadaan yang memerlukan *li'an*, “*qazaf*” bermakna membuat tuduhan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*, sama ada secara lisan atau dokumen, yang tidak dibuktikan oleh empat orang *syahid* terhadap seseorang Islam yang *mukallaf* dan dikenali sebagai seorang yang bersih dirinya daripada kelakuan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.

#### Syarat orang yang melakukan *qazaf* dan yang kena *qazaf*.

96. (1) Orang yang melakukan *qazaf* itu hendaklah seorang yang *mukallaf*.

(2) Orang yang kena *qazaf* itu hendaklah seorang yang *muhsin* dan sekiranya orang yang kena *qazaf* itu sudah mati, maka hendaklah ditentukan orangnya.

*Misalan*

*A* membuat pernyataan bahawa *B* adalah anak luar nikah. Di sini, *A* telah melakukan *qazaf* ke atas ibu *B*. Jika ibu *B* telah meninggal dunia, maka *A* hendaklah menyatakan nama ibu *B* tersebut dalam pernyataannya.

(3) Dalam bab ini, “*muhsin*” bermakna seorang Islam, sempurna akal dan sampai umur had *baligh*, bersih diri daripada kelakuan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*, boleh melakukan persetubuhan dan hendaklah kekal syarat-syarat tersebut sehingga hukuman *hadd* dikenakan kepadanya.

**Cara melakukan *qazaf*.**

97. (1) *Qazaf* boleh dilakukan dengan membuat suatu pernyataan dengan jelas seperti mengatakan bahawa seseorang itu telah melakukan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* atau membuat suatu pernyataan dengan cara tersirat seperti mengatakan bahawa seseorang itu bukannya bapa ataupun bukannya anak kepada seseorang yang tertentu.

(2) Pernyataan di bawah ceraian (1) hendaklah dianggap sebagai *qazaf* melainkan dibuktikan dengan *syahadah* menurut kehendak pensabitan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* yang dikenakan dengan hukuman *hadd* dan jika pernyataan itu tidak dibuktikan sedemikian, maka orang yang membuat tuduhan itu adalah melakukan kesalahan *qazaf* tetapi sekiranya pernyataan itu dibuktikan, maka orang yang terhadapnya pernyataan itu dibuat adalah melakukan kesalahan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.

*Misalan*

*A* membuat pernyataan bahawa *B* telah melakukan *zina*. *B* mengadu ke Mahkamah bahawa *A* telah membuat pernyataan menujuinya melakukan *zina* dengan membawa dua orang *syahid* yang menyokong aduannya. Jika sabit aduan *B*, maka *A* adalah melakukan kesalahan *qazaf* dan boleh dihukum kerana melakukan *qazaf*. Walau bagaimanapun, jika *A* dapat membuktikan pernyataannya itu dengan membawa empat orang *syahid*, maka *A* terlepas dari tuduhan melakukan *qazaf*. Oleh sebab itu, *B* disabitkan melakukan *zina* dan boleh dihukum kerana melakukan kesalahan *zina*.

(3) Pernyataan di bawah ceraian (1) hendaklah dianggap tidak terbukti sekiranya seseorang atau beberapa orang antara empat orang *syahid* yang dipanggil untuk memberi keterangan dengan *syahadah* untuk menyokong pernyataan itu enggan memberi keterangan atau jika keterangan itu diberi, keterangan itu bercanggah dengan pernyataan itu, dan dalam hal yang tersebut tiap-tiap orang *syahid* yang memberi keterangan yang menyokong pernyataan itu, tertakluk kepada bab 88, hendaklah dianggap telah melakukan kesalahan *qazaf*.

**Hukuman *qazaf*.**

98. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qazaf* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrarnya*, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain keterangan mangsa setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan disebat 80 sebatan.

(2) Mana-mana orang yang telah melakukan *qazaf* di dalam Mahkamah dan gagal membuktikan *qazafnya* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan disebat 80 sebatan.

*Misalan*

*A* melakukan *qazaf* terhadap *B* dan hanya mendatangkan seorang *syahid* bagi menyokong tuduhannya. *A* telah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(3) Selepas seseorang itu didapati sabit bagi kesalahan *qazaf* yang boleh dikenakan hukuman *hadd*, maka *syahadahnya* tidak boleh diterima di dalam mana-mana Mahkamah sehinggalah dia bertaubat.

(4) Mana-mana orang yang melakukan *qazaf* —

(a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1);

(b) jika orang yang kena *qazaf* tidak memenuhi syarat di bawah bab 96; atau

(c) dalam kes-kes yang disebutkan di bawah bab 99,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

**Kes apabila hukuman *hadd* tidak dikenakan atau dikuatkuasakan.**

99. (1) Hukuman *hadd* hendaklah tidak dikenakan bagi *qazaf* dalam mana-mana kes yang berikut —

(a) seseorang itu telah melakukan *qazaf* ke atas mana-mana keturunannya;

(b) orang yang melakukan *qazaf* itu meninggal dunia;

(c) *qazaf* itu dibuktikan benar.

(2) Jika sebelum pelaksanaan hukuman *hadd* —

(a) pengadu menarik balik tuduhan *qazaf*;

(b) *syahid-syahid* pengadu menarik balik kesaksian mereka atau pengadu menyatakan bahawa mana-mana *syahidnya* telah membuat keterangan palsu sehingga kurang daripada dua orang *syahid* mengikut kehendak *Hukum Syara'*;

(c) pengadu menyatakan bahawa orang yang melakukan *qazaf* membuat pengakuan palsu; atau

(d) pengadu memaafkan orang yang melakukan *qazaf*,

hukuman *hadd* tidak boleh dikuatkuasakan, tetapi Mahkamah boleh memerintahkan perbicaraan semula atau dikenakan hukuman di bawah bab 98(4) berdasarkan keterangan di hadapannya.

(3) Dalam 'bab ini, "keturunan" bermakna anak kandung kepada seseorang, sama ada lelaki atau perempuan, hingga ke bawah.

**Mengeluarkan dokumen yang dianggap mengandungi maksud *qazaf*.**

100. Mana-mana orang yang mengeluarkan apa-apa dokumen yang dianggap mengandungi maksud *qazaf* yang boleh merosakkan nama baik atau melukakan perasaan mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau dengan gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

**Penjualan dokumen yang dianggap mengandungi maksud *qazaf*.**

101. Mana-mana orang yang menjual, menawarkan untuk menjual, mempamerkan atau memberi mana-mana dokumen yang dianggap mengandungi maksud *qazaf* yang boleh merosakkan nama baik atau melukakan perasaan mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau dengan gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

**Percubaan melakukan *qazaf*.**

102. Mana-mana orang yang cuba melakukan *qazaf* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *qazaf* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000,

dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, disebat 10 sebatan atau dengan gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

**Subahat melakukan *qazaf*.**

103. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *qazaf* di bawah bab 98(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, disebat 20 sebatan atau dengan gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *qazaf* di bawah bab 98(4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, disebat 10 sebatan atau dengan gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.

**Minuman yang memabukkan**

**Meminum dll. arak atau minuman yang memabukkan.**

104. (1) Mana-mana orang Islam yang meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan disebat 40 sebatan bagi kesalahan pertama, disebat 80 sebatan bagi kesalahan kedua dan disebat 80 sebatan serta dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun bagi kesalahan ketiga dan berikutnya.

(2) Mana-mana orang Islam yang meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan yang boleh dikenakan hukuman *hadd* hendaklah dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain dari keterangan pesalah, setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*.

(3) Mana-mana orang Islam yang —

(a) meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (2); atau

(b) menggunakan arak atau sebarang minuman yang memabukkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Huraian* — Seseorang yang minum minuman, atau makan makanan, yang dicampur atau dimasukkan arak atau minuman yang memabukkan adalah dikatakan menggunakan arak atau minuman yang memabukkan.

(4) Mana-mana orang Islam yang membuat, menjual, mengiklankan, menghidangkan, menawarkan, menghadiahkan, mempamerkan, memiliki, menyimpan, membeli atau dalam milikannya apa-apa arak atau minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Mana-mana orang bukan Islam yang meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan di tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Mana-mana orang bukan Islam yang menjual, mengiklankan, menghidangkan, menawarkan, menghadiahkan atau mempamerkan apa-apa arak atau minuman yang memabukkan kepada orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Percubaan melakukan kesalahan meminum dll. arak atau minuman yang memabukkan.**

105. (1) Mana-mana orang Islam yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 104(1), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang bukan Islam yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 104(5) atau (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Subahat melakukan kesalahan meminum dll. arak atau minuman yang memabukkan.**

106. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 104(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 104(3), (4), (5) atau (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika

sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

***Irtidad***

***Irtidad.***

107. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*irtidad*” bermakna apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan, dengan apa-apa cara sekalipun, oleh seseorang Islam yang *mukallaf*, yang perbuatan atau perkataan itu, mengikut *Hukum Syara'*, adalah menjelaskan atau berlawanan dengan ‘*aqidah* ugama Islam:

Dengan syarat bahawa perbuatan itu dilakukan atau perkataan itu disebutkan dengan niat, dengan rela hati, dengan pengetahuan dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.

(2) Perbuatan atau perkataan yang menjelaskan ‘*aqidah* itu ialah perbuatan atau perkataan mengenai atau bersabit dengan perkara-perkara asas yang mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang Islam seperti Rukun Islam, Rukun *Iman* dan perkara-perkara lain yang secara umumnya diketahui oleh orang Islam.

**Mengisyiharkan diri sebagai tuhan.**

108. (1) Mana-mana orang Islam yang mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai tuhan dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang Islam yang mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai tuhan dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Mengisyiharkan diri sebagai *Rasul* atau *Nabi*.**

109. (1) Mana-mana orang Islam yang mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai *Rasul* atau *Nabi* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang Islam yang mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai *Rasul* atau *Nabi* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang

diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

### **Menghina Nabi.**

110. (1) Mana-mana orang Islam yang menghina atau menyebabkan dipandang hina *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* atau mana-mana *Nabi Allah* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang Islam yang menghina atau menyebabkan dipandang hina *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* atau mana-mana *Nabi Allah* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

### **Mempermainkan dll. ayat Al-Qur'an, *hadith* atau perkara yang wajib dengan *ijma'*.**

111. (1) Mana-mana orang Islam yang —

(a) mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina mana-mana ayat Al-Qur'an atau *hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*;

(b) menafikan *hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* sebagai satu sumber atau autoriti (*hujjiyyah*) ajaran-ajaran ugama Islam; atau

(c) menafikan perkara-perkara yang wajib dengan *ijma'*,

dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang Islam yang —

(a) mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina mana-mana ayat Al-Qur'an atau *hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*;

(b) menafikan *hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* sebagai satu sumber atau autoriti (*hujjiyyah*) ajaran-ajaran ugama Islam; atau

(c) menafikan perkara-perkara yang wajib dengan *ijma'*,

dan dibuktikan dengan bukti selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Mengisyiharkan diri sebagai bukan Islam.**

112. (1) Mana-mana orang Islam yang mengisyiharkan dirinya sebagai bukan Islam dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang Islam yang mengisyiharkan dirinya sebagai bukan Islam dan dibuktikan dengan bukti selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Percubaan melakukan *irtidad*.**

113. Mana-mana orang Islam yang cuba melakukan *irtidad* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *irtidad* adalah melakukan kesalahan *irtidad* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.

*Misalan-misalan*

(a) A, seorang Islam, mengambil senaskhah Al-Qur'an untuk diberikan kepada B supaya B membuangnya ke dalam tempat pembuangan sampah-sarap. Apabila A hendak memberikan Al-Qur'an itu kepada B, B tidak ada. A adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini dan boleh dikenakan hukuman di bawah bab 111.

(b) C, seorang Islam, berkata bahawa dia berazam untuk keluar dari ugama Islam. C adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini dan boleh dikenakan hukuman di bawah bab 112.

**Subahat melakukan *irtidad*.**

114. Mana-mana orang yang bersubahat melakukan mana-mana kesalahan *irtidad* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan

hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Perlucuthakan dan pemusnahan.**

115. Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen, penerbitan, benda, objek atau struktur dan lain-lain yang serupa yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan mana-mana kesalahan *irtidad* supaya dilucuthakkan dan dimusnahkan, tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Perintah untuk bertaubat.**

116. Mahkamah hendaklah, setelah menjatuhkan hukuman ke atas pesalah dengan mana-mana kesalahan *irtidad* dan sebelum hukuman dilaksanakan, memerintahkannya supaya bertaubat.

**Pembebasan hukuman selepas taubat.**

117. Mahkamah hendaklah setelah berpuas hati bahawa pesalah telah bertaubat, membuat perintah pembebasan hukuman ke atas pesalah itu.

**Penggal II**

***QATL DAN KECEDERAAN***

***Qisas.***

118. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*qisas*” bermakna hukuman balas balik atau hukuman yang serupa bagi kesalahan *qatlul-'amd* atau menyebabkan kecederaan badan ke atas seseorang.

***Diyat.***

119. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*diyat*” bermakna jumlah tertentu yang kena dibayar kepada ahli waris mangsa dalam kesalahan *qatl*.

**Kadar *diyat*.**

120. Kadar *diyat* hendaklah 1000 dinar (4250 gram emas) atau nilainya dalam mata wang tempatan pada masa kesalahan *qatl* dilakukan.

*Misalan*

Jika harga pasaran bagi 1 gram emas ialah \$80, maka kadar bagi *diyat* penuh dalam mata wang Brunei Darussalam adalah \$340,000.

**Arsy.**

121. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*arsy*” bermakna jumlah tertentu yang ditetapkan (*muqaddar*), atau jumlah tertentu yang tidak ditetapkan (*ghairu muqaddar*), oleh *Hukum Syara'* bagi ganti rugi yang kena dibayar kepada mangsa kecederaan.

***Badal-al-sulh.***

122. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*badal-al-sulh*” bermakna pampasan menurut *Hukum Syara'* yang dipersetujui bersama untuk dibayar atau diberikan oleh pesalah kepada *wali-ad-dam* dalam bentuk wang tunai atau dalam apa-apa jenis atau dalam bentuk harta alih atau tak alih.

**Pengenaan *qisas*, *diyat* dan *arsy*.**

123. *Qisas*, *diyat* dan *arsy* hendaklah dikenakan menurut syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Penggal ini.

***Qatl***

***Qatl* dan jenis-jenisnya.**

124. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*qatl*” bermakna perbuatan seseorang yang menyebabkan kematian orang lain.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, *qatl* adalah terbahagi kepada tiga jenis iaitu —

- (a) *qatlul-'amd*;
- (b) *qatlu syibhil-'amd*; dan
- (c) *qatlul-khata'*.

***Qatlul-'amd.***

125. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*qatlul-'amd*” bermakna mana-mana perbuatan yang berikut —

- (a) perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian;
- (b) perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan yang orang itu mengetahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan kecederaan itu; atau

(c) perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan kepada seseorang dan kecederaan anggota badan yang dimaksudkan untuk dikenakan itu pada kebiasaannya cukup untuk menyebabkan kematian.

#### *Misalan-Misalan*

(a) *A* menembak *B* dengan niat hendak membunuhnya. *B* mati akibat tembakan itu. *A* adalah melakukan kesalahan *qatlul-'amd*.

(b) *A* yang mengetahui bahawa *B* sedang menderita sesuatu penyakit yang mana suatu pukulan mungkin menyebabkan kematianya, *A* memukulnya dengan niat hendak menyebabkan kecederaan anggota badan. *B* mati akibat pukulan itu. *A* adalah melakukan kesalahan *qatlul-'amd* walaupun pukulan itu mungkin tidak cukup pada kebiasaannya bagi menyebabkan kematian seseorang yang dalam keadaan sihat yang sempurna. Tetapi jika *A*, dengan tidak mengetahui bahawa *B* sedang menderita sesuatu penyakit, mengenakan suatu pukulan yang pada kebiasaannya, tidak akan membunuh seseorang yang dalam keadaan sihat yang sempurna, maka *A*, walaupun bermaksud menyebabkan kecederaan anggota badan, tidak melakukan kesalahan *qatlul-'amd*, jika dia tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian, atau sesuatu kecederaan anggota badan yang pada kebiasaannya akan menyebabkan kematian.

(c) *A* dengan sengaja melukakan *B* dengan pedang atau sesuatu benda pada kebiasaannya cukup bagi menyebabkan kematian seseorang. *B* mati akibatnya. Di sini *A* adalah melakukan kesalahan *qatlul-'amd*, walaupun dia mungkin tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian *B*.

#### **Hukuman *qatlul-'amd*.**

126. (1) Mana-mana orang yang telah melakukan *qatlul-'amd* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum mati sebagai *qisas*.

(2) Mana-mana —

(a) orang yang melakukan *qatlul-'amd* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1);

(b) orang yang bukan *mukallaf* yang melakukan *qatlul-'amd*; atau

(c) ibu atau bapa yang melakukan *qatlul-'amd* terhadap anaknya sendiri,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duanya sekali.

***Qatlul-'amd* disebabkan *ikrah*.**

127. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-'amd* disebabkan oleh *ikrah tam* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan orang yang melakukan *ikrah tam* itu hendaklah dikenakan hukuman mati sebagai *qisas*.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-'amd* disebabkan oleh *ikrah naqis* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum mati sebagai *qisas* dan orang yang melakukan *ikrah naqis* itu hendaklah dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun.

(3) Dalam bab ini —

“*ikrah naqis*” bermakna mana-mana bentuk paksaan yang tidak terjumlah kepada *ikrah tam*;

“*ikrah tam*” bermakna meletakkan mana-mana orang dalam keadaan takut akan berlaku kematian ke atas dirinya, ahli keluarganya atau kehilangan hartanya yang menyebabkan dia melakukan suatu perbuatan salah tanpa keredhaannya yang dia tidak berupaya untuk berikhtiar menghindarkan dirinya daripada melakukan perbuatan tersebut.

***Qatl* disebabkan diupah.**

128. Mana-mana orang yang melakukan *qatl* disebabkan menerima upah untuk menyebabkan kematian seseorang yang tertentu, orang yang melakukan *qatl* dan pemberi upah tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman mati sebagai *qisas*.

***Qatlul-'amd* dilakukan kerana mempertahankan diri.**

129. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-'amd* kerana menjalankan haknya untuk mempertahankan diri dengan suci hati hendaklah tidak tertakluk kepada mana-mana tanggungan bagi pembunuhan tersebut.

(2) Bagi maksud ceraian (1), orang tersebut hendaklah tidak melebihi had-had yang ditetapkan bagi mempertahankan diri.

***Qatlul-'amd* dilakukan oleh kakitangan kerajaan.**

130. (1) Mana-mana kakitangan kerajaan yang melakukan *qatlul-'amd* kerana mematuhi undang-undang atau kerana menjalankan kuasa-kuasa atau kewajipannya yang sah sebagai kakitangan kerajaan hendaklah tidak tertakluk kepada mana-mana tanggungan bagi pembunuhan tersebut.

(2) Bagi maksud ceraian (1), kakitangan kerajaan tersebut hendaklah tidak melebihi kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang dan

melakukan pembunuhan dengan melakukan sesuatu perbuatan yang dia dengan suci hati percaya bahawa perbuatannya itu adalah mengikut undang-undang dan perlu bagi menjalankan kewajipannya sebagai kaktangan kerajaan.

**Hak *qisas* wali-ad-dam dalam *qatlul-'amd*.**

131. Di dalam *qatlul-'amd*, hak *qisas* adalah seperti berikut —

- (a) jika hanya ada seorang *wali-ad-dam*, maka dialah sahaja yang mempunyai hak *qisas*;
- (b) jika terdapat lebih daripada seorang *wali-ad-dam*, maka hak *qisas* terletak kepada setiap mereka;
- (c) jika *wali-ad-dam* itu bukan *mukallaf*, maka hak *qisas* adalah diganti oleh *walinya*;
- (d) jika mangsa tiada mempunyai *wali-ad-dam*, maka hak *qisas* adalah dijalankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

**Kes-kes apabila hukuman *qatlul-'amd* tidak dikuatkuasakan.**

132. Hukuman *qisas* di dalam *qatlul-'amd* hendaklah tidak dikuatkuasakan di dalam mana-mana kes-kes berikut —

- (a) apabila pesalah itu meninggal dunia sebelum *qisas* dikuatkuasakan;
- (b) apabila mana-mana *wali-ad-dam* atau kesemua *wali-ad-dam* memberikan kemaafan; atau
- (c) apabila *sulh* di antara pihak *wali-ad-dam* mangsa dan pesalah telah dibuat.

**Kemaafan berkaitan dengan *qatlul-'amd*.**

133. (1) Di dalam kes *qatlul-'amd*, seseorang *wali-ad-dam* yang *mukallaf* boleh, sebelum hukuman dilaksanakan, memaafkan *qisas* ke atas pesalah tersebut sama ada dengan *diyat* atau tiada *diyat*.

(2) Jika *wali-ad-dam* itu bukan *mukallaf*, maka *walinya* boleh memaafkan *qisas* ke atas pesalah itu dengan *diyat*.

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi *wali*, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memaafkan *qisas* ke atas pesalah itu dengan *diyat*.

(4) Jika mangsa mempunyai lebih daripada seorang *wali-ad-dam*, maka salah seorang daripada mereka boleh memaafkan *qisas* ke atas pesalah itu dengan *diyat* atau tiada *diyat*.

(5) Bagi maksud ceraian (4), *wali-ad-dam* yang tidak memaafkan *qisas* atau tidak menggugurkan hak *diyatnya* ke atas pesalah itu, hendaklah berhak kepada bahagian *diyatnya*.

*Misalan*

*A* dan *B* adalah *wali-ad-dam* kepada *C* yang telah dibunuh oleh *D*. *D* telah disabitkan kesalahan *qatlul-'amd* dan dikenakan hukuman *qisas*. *A* telah memaafkan *D* sedangkan *B* tidak memaafkan atau tidak menggugurkan hak *diyatnya*. *B* berhak terhadap separuh daripada *diyat* yang dikenakan ke atas *D*.

(6) Jika terdapat lebih daripada seorang mangsa, maka kemaafan *qisas* oleh *wali-ad-dam* atau *wali* salah seorang daripada mangsa tersebut tidak menjelaskan hak *qisas wali-ad-dam* atau *wali* kepada mangsa lain.

*Misalan*

*A* telah menyebabkan kematian *B* dan *C* dan telah disabitkan melakukan kesalahan *qatlul-'amd* dan dikenakan hukuman *qisas*. *Wali-ad-dam* atau *wali* *B* telah memaafkan *A* tetapi *wali-ad-dam* atau *wali* *C* tidak memaafkannya. *A* tetap dikenakan hukuman *qisas* kerana *wali-ad-dam* atau *wali* *C* tidak memaafkannya walaupun *wali-ad-dam* atau *wali* *B* memaafkannya.

(7) Jika terdapat lebih daripada seorang pesalah, maka kemaafan *qisas* ke atas salah seorang daripada mereka tidak menjelaskan hak *qisas* ke atas pesalah lain.

*Misalan*

*A* dan *B* telah menyebabkan kematian *C* dan disabitkan melakukan kesalahan *qatlul-'amd* dan dikenakan hukuman *qisas*. *Wali-ad-dam* *C* telah memaafkan *qisas* ke atas *A* dan tidak memaafkan *qisas* ke atas *B*. *B* tetap dikenakan hukuman *qisas*.

(8) Mana-mana kemaafan berkaitan dengan *qatlul-'amd* hendaklah dibuat di hadapan Mahkamah dan setelah Mahkamah berpuas hati mengenainya, Mahkamah hendaklah mengesahkannya.

(9) Jika *wali-ad-dam* atau *wali* telah memaafkan *qisas* ke atas pesalah tersebut dan telah disahkan oleh Mahkamah, kemaafan itu hendaklah tidak boleh ditarik balik.

(10) *Diyat* hendaklah dibayar oleh pesalah kepada *wali-ad-dam* mangsa secara tunai dengan serta-merta, dan dalam keadaan tertentu Mahkamah boleh memerintahkan supaya bayaran tersebut dibuat secara ansuran selama tempoh

tidak lebih dari 3 tahun dengan syarat adanya jaminan pembayaran yang boleh diterima oleh *wali-ad-dam* mangsa.

#### **Pengguguran *qisas*.**

134. (1) Di dalam kes *qatlul-'amd*, seseorang *wali-ad-dam* yang *mukallaf* boleh menggugurkan *qisas* dengan *badal-al-suh* dan pengguguran *qisas* tersebut hendaklah dibuat setelah menerima *badal-al-suh* dengan suatu jumlah yang boleh kurang atau lebih daripada kadar *diyat* penuh.

(2) Jika *wali-ad-dam* bukan *mukallaf*, maka *walinya* boleh menggugurkan *qisas* dengan *badal-al-suh* dan pengguguran *qisas* tersebut hendaklah dibuat setelah menerima *badal-al-suh* dengan suatu jumlah yang sama dengan kadar *diyat* penuh.

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi *wali*, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menggugurkan *qisas* dengan *badal-al-suh* dan pengguguran *qisas* tersebut hendaklah dibuat setelah menerima *badal-al-suh* dengan suatu jumlah yang sama dengan kadar *diyat* penuh.

(4) Mana-mana pengguguran *qisas* dalam *qatlul-'amd* hendaklah dibuat di hadapan Mahkamah dan setelah Mahkamah berpuas hati mengenainya, Mahkamah hendaklah mengesahkannya.

(5) *Badal-al-suh* boleh dibayar atau diberi apabila diminta secara tunai atau pada satu tarikh yang ditetapkan seperti yang dipersetujui antara pesalah dan *wali-ad-dam* mangsa.

#### **Pembebasan atau hukuman selepas kemaafan atau pengguguran *qisas*.**

135. Mahkamah boleh, dalam kes *qisas* dimaafkan atau digugurkan seperti yang diperuntukkan dalam bab-bab 133 dan 134, mengikut mana yang berkenaan, atas budi bicaranya, setelah mengambil kira akan fakta-fakta dan keadaan kes, membebaskan pesalah yang terhadapnya *qisas* telah dimaafkan atau digugurkan, atau menghukumnya dengan penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

#### *Misalan*

*A* telah menyebabkan kematian *B* dan telah disabitkan melakukan kesalahan *qatlul-'amd* dan dikenakan hukuman *qisas*. *Wali-ad-dam* atau *wali B* telah memaafkan *A*. Walaupun hukuman *qisas* tidak dilaksanakan terhadap *A*, Mahkamah mempunyai budi bicara menghukum *A* dengan penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dengan mengambil kira keadaan kes di mana *A* telah melakukan kekejaman terhadap *B* sebelum membunuhnya.

***Qatlul-'amd*** dilakukan oleh ***wali-ad-dam*** selepas memaafkan atau pengguguran ***qisas***.

136. Jika seseorang ***wali-ad-dam*** melakukan ***qatlul-'amd*** ke atas pesalah yang ***qisas*** telah dimaafkan di bawah bab 133 atau digugurkan di bawah bab 134, maka ***wali-ad-dam*** tersebut hendaklah dihukum dengan —

(a) ***qisas*** jika dia sendiri telah memaafkan atau menggugurkan ***qisas*** ke atas pesalah atau dia mengetahui ***qisas*** itu dimaafkan atau digugurkan oleh ***wali-ad-dam*** lain;

(b) diyat dan penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun jika dia tidak memaafkan atau menggugurkan ***qisas*** itu ke atas pesalah dan dia tidak mengetahui ***qisas*** itu dimaafkan atau digugurkan oleh ***wali-ad-dam*** lain.

**Percubaan melakukan *qatlul-'amd*.**

137. Mana-mana orang yang cuba melakukan ***qatlul-'amd*** atau cuba untuk menyebabkan berlakunya ***qatlul-'amd*** adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Subahat melakukan *qatlul-'amd*.**

138. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan ***qatlul-'amd*** di bawah bab 126(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan ***qatlul-'amd*** di bawah bab 126(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$60,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

### ***Qatlu syibhil-'amd***

***Qatlu syibhil-'amd*.**

139. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “***qatlu syibhil-'amd***” bermakna suatu perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat hendak mencederakan anggota badan atau akal fikiran seseorang, yang telah menyebabkan orang itu mati atau orang lain mati, sama ada perbuatan itu dilakukan dengan menggunakan senjata atau tidak dan perbuatan itu pada kebiasaanya tidak mungkin menyebabkan kematian.

*Misalan*

*A* kerana hendak menyebabkan kecederaan, memukul *B* dengan tongkat atau batu yang pada kebiasaannya tidak mungkin menyebabkan kematian. Akibat daripada kecederaan tersebut *B* telah mati. *A* adalah melakukan *qatlu syibhil-'amd*.

**Hukuman *qatlu syibhil-'amd*.**

140. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatlu syibhil-'amd* dan dibuktikan dengan cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 141 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar *diyat* kepada *wali-ad-dam* mangsa dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *qatlu syibhil-'amd* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah bab 141 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$60,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Bukti *qatlu syibhil-'amd*.**

141. (1) *Qatlu syibhil-'amd* yang boleh dikenakan *diyat* hendaklah dibuktikan dengan cara-cara yang berikut —

(a) *ikrar* tertuduh mengaku salah dengan rela hati di hadapan Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa;

(b) *syahadah* dua orang *syahid* lelaki;

(c) *syahadah* seorang *syahid* lelaki dan dua orang *syahid* perempuan; atau

(d) *syahadah* seorang *syahid* lelaki dan sumpah orang yang mengadu.

(2) Bagi maksud ceraian (1)(b), (c) dan (d), *syahadah* hendaklah dibuat menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*.

**Pengguguran *diyat* dalam *qatlu syibhil-'amd*.**

142. *Wali-ad-dam* mangsa di dalam kes *qatlu syibhil-'amd* boleh menggugurkan *diyat* atau mana-mana bahagian daripadanya.

**Pembebasan atau hukuman selepas pengguguran *diyat*.**

143. Mahkamah boleh, dalam kes di mana *diyat* digugurkan seperti yang diperuntukkan dalam bab 142, atas budi bicaranya, setelah mengambil kira akan fakta-fakta dan keadaan kes, membebaskan pesalah yang terhadapnya *diyat* telah digugurkan, atau menghukumnya dengan penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

**Percubaan melakukan *qatlu syibhil-'amd*.**

144. Mana-mana orang yang cuba melakukan *qatlu syibhil-'amd* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *qatlu syibhil-'amd* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Subahat melakukan *qatlu syibhil-'amd*.**

145. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *qatlu syibhil-'amd* di bawah bab 140(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$60,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *qatlu syibhil-'amd* di bawah bab 140(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

***Qatlul-khata'***

***Qatlul-khata'.***

146. Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*qatlul-khata’*” bermakna suatu perbuatan yang dilakukan tanpa niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan yang telah menyebabkan kematian seseorang, sama ada dengan melakukan suatu perbuatan yang tidak disangka boleh menyebabkan orang itu atau orang lain mati atau dengan melakukan suatu perbuatan salah yang kemudiannya telah menjadi sebab kepada kematian orang itu.

***Misalan-Misalan***

(a) A hendak menembak seekor rusa tetapi tidak mengenai sasarannya, walau bagaimanapun terkena B, yang menyebabkan kematian B. A adalah melakukan *qatlul-khata’*.

(b) A menembak satu objek yang disangkanya rusa tetapi ternyata orang. A adalah melakukan *qatlul-khata’*.

**Hukuman *qatlul-khata'*.**

147. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-khata'* tanpa apa-apa perbuatan gopoh, cuai atau salah pada zahirnya atau keingkaran di pihaknya dan dibuktikan dengan cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 148 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar *diyat* kepada *wali-ad-dam* mangsa dan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-khata'* dengan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai dan dibuktikan dengan cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 148 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar *diyat* kepada *wali-ad-dam* mangsa dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun.

(3) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-khata'* tanpa apa-apa perbuatan cuai atau salah pada zahirnya atau keingkaran pada pihaknya dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah bab 148 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar *diyat* suatu denda tidak melebihi \$10,000.

(4) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-khata'* dengan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah bab 148 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

**Bukti *qatlul-khata'*.**

148. (1) *Qatlul-khata'* yang boleh dikenakan *diyat* hendaklah dibuktikan dengan cara-cara yang berikut —

(a) *ikrar* tertuduh mengaku salah dengan rela hati di hadapan Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa;

(b) *syahadah* dua orang *syahid* lelaki;

(c) *syahadah* seorang *syahid* lelaki dan dua orang *syahid* perempuan; atau

(d) *syahadah* seorang *syahid* lelaki dan sumpah orang yang mengadu.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1)(b), (c) dan (d) *syahadah* hendaklah dibuat menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*.

Pengguguran *diyat* dalam *qatlul-khata'*.

149. *Wali-ad-dam* mangsa dalam kes *qatlul-khata'* boleh menggugurkan *diyat* atau mana-mana bahagian daripadanya.

Pembebasan atau hukuman selepas pengguguran *diyat*.

150. Mahkamah boleh, dalam kes jika *diyat* digugurkan seperti yang diperuntukkan dalam bab 149, atas budi bicaranya, setelah mengambil kira akan fakta-fakta dan keadaan kes, membebaskan pesalah yang terhadapnya *diyat* telah digugurkan, atau menghukumnya dengan penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

#### *Qatl* dengan sihir

Sihir.

151. (1) Bagi maksud-maksud bab-bab 152, 153 dan 154, "sihir" bermakna ikatan, jampi, mantera, perkataan atau ungkapan yang tertentu atau nama-nama khas yang diucapkan atau ditulis atau melakukan sesuatu perbuatan, dengan tujuan jahat yang mendatangkan kesan dan akibat, yang pada kebiasaannya menyebabkan mudarat terhadap tubuh, hati atau akal orang yang disihir; pada kebiasaannya tukang sihir mendekatkan diri kepada, atau meminta atau memohon pertolongan daripada, *Iblis*, syaitan, jin, semangat jahat, makhluk halus, hantu dan yang seumpamanya.

(2) Dalam bab ini, "ikatan" bermakna suatu seni atau cara untuk mengikat sesuatu benda yang digunakan untuk melakukan sihir seperti dengan menggunakan tali, benang, kain dan sebagainya.

*Qatl* dengan sihir.

152. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatl* dengan sihir yang pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian dan dibuktikan dengan *ikrar* tertuduh adalah melakukan suatu kesalahan *qatlul-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum mati sebagai *qisas*.

#### *Misalan*

Jika *A* menyatakan dalam *ikrarnya* bahawa dia telah menyihir *B* dan menyihir itu pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian, maka *A* telah melakukan kesalahan *qatlul-'amd*.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *qatlul-'amd* dengan sihir —

(a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1);

(b) jika orang itu bukan *mukallaf*; atau

(c) terhadap anaknya sendiri,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mana-mana orang yang melakukan *qatl* dengan sihir yang —

(a) kadang-kadang atau jarang-jarang boleh menyebabkan kematian;

(b) dimaksudkan untuk menyebabkan kematian seseorang yang tertentu tetapi telah menyebabkan kematian orang lain, kematian yang dia tidak bermaksud akan menyebabkan kematian kepada orang lain tersebut,

dan dibuktikan dengan *iqrar* tertuduh adalah melakukan suatu kesalahan *qatlu syibhil-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar *diyat* kepada *wali-ad-dam* mangsa dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

#### *Misalan*

(a) Jika pesalah menyatakan dalam *iqrarnya* bahawa dia telah menyihir seseorang dan sihirnya itu kadang-kadang menyebabkan kematian dan kadang-kadang tidak, atau sihirnya itu jarang menyebabkan berlakunya kematian, maka pesalah tersebut telah melakukan kesalahan *qatlu syibhil-'amd*.

(b) Jika pesalah menyatakan dalam *iqrarnya* bahawa dia menyihir orang tertentu, tetapi terkena orang lain dan orang lain itu mati, maka pesalah tersebut telah melakukan kesalahan *qatlu syibhil-'amd*.

(4) Mana-mana orang yang melakukan *qatlu syibhil-'amd* dengan sihir dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$60,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### Percubaan melakukan *qatl* dengan sihir.

153. Mana-mana orang yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan *qatlul-'amd* atau *qatlu syibhil-'amd* dengan sihir adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Subahat melakukan *qatl* dengan sihir.

154. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 152(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 152(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$60,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 152(3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$60,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 152(4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### *Qatl* dengan racun

*Qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun.

155. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatl* —

(a) dengan memaksa seseorang mengambil racun atau bahan beracun yang pada kebiasaannya boleh membunuh; atau

(b) dengan memberi makanan atau minuman yang dia ketahui mengandungi racun yang pada kebiasaannya boleh membunuh, kepada seseorang yang tidak tahu makanan atau minuman tersebut mengandungi racun,

dan telah menyebabkan orang itu mati adalah melakukan kesalahan *qatlul-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 126(1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan *qatl* —

(a) dengan memaksa seseorang mengambil racun atau bahan beracun yang pada kebiasaannya tidak boleh membunuh; atau

(b) dengan memberi makanan atau minuman yang dia ketahui mengandungi racun yang pada kebiasaannya tidak boleh membunuh, kepada

seseorang yang tidak tahu makanan atau minuman tersebut mengandungi racun,

dan telah menyebabkan orang itu mati adalah melakukan kesalahan *qatlu syibhil-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman di bawah bab 140(1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan.

(3) Mana-mana orang yang melakukan *qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun yang dimaksudkan untuk menyebabkan kematian seseorang yang tertentu tetapi telah menyebabkan kematian orang lain, kematian yang dia tidak bermaksud akan menyebabkan kematian kepada orang lain tersebut adalah melakukan suatu kesalahan *qailu syibhil-'amd* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman di bawah bab 140(1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan.

#### *Misalan*

*A* bermaksud untuk membunuh *B* dengan membubuh racun ke dalam makanan yang dihidangkannya untuk *B*, makanan tersebut dimakan oleh *C*. *C* mati akibat memakan makanan tersebut. *A* adalah melakukan kesalahan *qatlu syibhil-'amd*.

(4) Dalam bab ini, “mengambil” bermakna memakan, meminum atau dengan apa jua cara yang menyebabkan kematian menggunakan racun atau bahan beracun.

#### Percubaan melakukan *qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun.

156. (1) Mana-mana orang yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 155(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang cuba melakukan kesalahan atau cuba menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 155(2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### Subahat melakukan *qatl* dengan menggunakan racun atau bahan beracun.

157. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 155(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 138(1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 155(2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 145(1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan.

***Qatl dengan pengguguran janin***

***Qatl dengan pengguguran janin.***

158. (1) Mana-mana orang yang melakukan *qatl* ke atas janin dengan sengaja menyebabkan kegugurannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan bagi setiap janin dikenakan hukuman berikut —

(a) apabila akibat pengguguran, janin yang dikandung gugur dan mati, orang yang menyebabkan kandungan perempuan itu gugur dihukum dengan satu per dua puluh daripada *diyat* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah ini;

(b) apabila akibat pengguguran, janin yang dikandung itu gugur dan hidup kemudian mati, orang yang menyebabkan kandungan perempuan itu gugur dihukum dengan *diyat* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah ini;

(c) apabila perempuan yang mengandung itu sendiri yang menggugurkan janinnya dan janin tersebut adalah dalam keadaan seperti yang disebutkan di bawah perenggan (a) atau (b), dia dihukum sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (a) atau (b), mengikut mana yang berkenaan,

dan Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

(2) Ahli waris janin adalah berhak ke atas *diyat* di bawah ceraian (1), melainkan jika pesalah tersebut adalah waris janin.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab-bab 159, 161 dan 164, "janin" bermakna anak di dalam rahim ibunya yang sebahagian anggota badannya telah terbentuk dan bernyawa.

**Percubaan melakukan *qatl* dengan pengguguran janin.**

159. Mana-mana orang yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan *qatl* dengan pengguguran janin adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Subahat melakukan *qatl* dengan pengguguran janin.**

160. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 158(1)/a/ adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 158(1)/b/ adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pengguguran kandungan.**

161. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja menyebabkan pengguguran kandungan seorang perempuan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab-bab 162, 163 dan 164, "kandungan" bermakna sesuatu dalam rahim perempuan hamil yang belum menjadi janin.

*Huraian* — Seorang perempuan yang menyebabkan dirinya keguguran adalah termasuk dalam maksud bab ini.

**Percubaan menggugurkan kandungan.**

162. Mana-mana orang yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan menggugurkan kandungan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Subahat menggugurkan kandungan.**

163. Mana-mana orang yang bersubahat menggugurkan kandungan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Kekecualian bagi bab-bab 158 dan 161.**

164. Bab-bab 158 dan 161 tidak terpakai kepada pengamal perubatan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang menggugurkan janin atau kandungan seseorang perempuan jika pengamal perubatan tersebut berpendapat,

dengan suci hati, bahawa jika kehamilan tersebut diteruskan akan mengakibatkan risiko kepada nyawa perempuan itu yang lebih besar daripada jika kehamilan itu tidak diteruskan.

### Bunuh diri

#### Percubaan bunuh diri.

165. Mana-mana orang yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya perbuatan bunuh diri adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

#### Subahat melakukan bunuh diri.

166. (1) Mana-mana orang yang menyubahati perbuatan orang membunuh diri adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun.

(2) Mana-mana orang yang menyubahati perbuatan orang membunuh diri, dan orang yang disubahati itu bukan *mukallaf*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun.

### Kecederaan

#### Menyebabkan kecederaan.

167. Mana-mana orang yang menyebabkan kecederaan kepada seseorang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 168, dengan tidak menyebabkan kematian orang itu, adalah dikatakan telah menyebabkan kecederaan.

#### Jenis-jenis kecederaan.

168. Bagi tujuan menetapkan hukuman, kecederaan hendaklah dibahagikan seperti berikut —

(a) *itlaf-al-udhw* iaitu putus atau kecederaan mana-mana anggota badan;

(b) *itlaf-salahiyat-al-udhw* iaitu kebinasaan atau kelemahan selama-lamanya fungsi atau kegunaan mana-mana anggota badan, atau merosakkan rupa anggota itu selama-lamanya;

(c) *syajjah* iaitu kecederaan di kepala atau muka yang kecederaan itu tidak termasuk dalam *itlaf-al-udhw* atau *itlaf-salahiyat-al-udhw*;

(d) *jurh* iaitu luka kepada mana-mana anggota badan selain kepala dan muka yang luka itu meninggalkan suatu tanda atau parut sama ada sementara atau kekal; atau

(e) kecederaan yang lain.

**Hukuman kerana menyebabkan kecederaan.**

169. (1) Mana-mana orang yang menyebabkan kecederaan kepada seseorang dan dibuktikan dengan cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 170 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *qisas*.

(2) Mana-mana —

(a) orang yang melakukan kecederaan dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah bab 170;

(b) orang yang bukan *mukallaf* yang melakukan kecederaan;

(c) ibu atau bapa yang melakukan kecederaan terhadap anaknya sendiri; atau

(d) orang yang melakukan kecederaan yang anggota badan yang hendak dikenakan hukuman *qisas* itu sudah tidak berfungsi atau tidak berupaya lagi,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan —

- (i) membayar *arsy muqaddar*, dan dihukum penjara selama suatu tempoh, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua kerana melakukan *itlaf-al-udhw* atau *itlaf-salahiyat-al-udhw*;
- (ii) membayar *arsy*, dan dihukum penjara selama suatu tempoh, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kerana melakukan *syajjah*;
- (iii) membayar *arsy muqaddar*, dan dihukum penjara selama suatu tempoh, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat kerana melakukan *jurh jaefah*;
- (iv) membayar *arsy ghairu muqaddar*, dan dihukum penjara selama suatu tempoh, sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat kerana melakukan *jurh ghairu jaefah*; atau

- (v) membayar *arsy ghairu muqaddar*, dan dihukum penjara selama suatu tempoh, sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah kerana melakukan kecederaan selain yang diperuntukkan di bawah bab 168(a), (b), (c) dan (d).

(3) Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada hukuman di bawah ceraian (2)(i), (ii) dan (iii), setelah mengambil kira akan fakta-fakta dan keadaan kes, memerintahkan supaya pesalah itu membayar pampasan sejumlah yang difikirkan patut oleh Mahkamah dengan mengambil kira perkara-perkara berikut —

- (a) perbelanjaan-perbelanjaan yang dikenakan kerana merawat mangsa;
- (b) kehilangan atau kecacatan yang diakibatkan pada fungsi atau kuasa mana-mana anggota badan;
- (c) kesengsaraan yang dihadapi oleh mangsa; dan
- (d) lain-lain perkara yang difikirkannya patut.

**Bukti kecederaan yang boleh dikenakan *qisas*.**

170. Kecederaan yang boleh dikenakan hukuman *qisas* hendaklah dibuktikan dengan cara-cara yang berikut —

- (a) *ikrar* tertuduh mengaku salah dengan rela hati di hadapan Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa; atau
- (b) *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* selain keterangan mangsa, setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*.

**Kes-kes apabila hukuman *qisas* tidak dikuatkuasakan.**

171. Hukuman *qisas* tidak boleh dikuatkuasakan dalam kes-kes yang berikut —

- (a) apabila pesalah yang melakukan kesalahan *qisas* itu mati;
- (b) apabila anggota badan yang hendak dikenakan hukuman *qisas* itu sudah tidak berfungsi atau tidak berupaya lagi;
- (c) apabila kemaafan diberi oleh mangsa atau *walinya*; atau
- (d) apabila *sulh* di antara mangsa dan pesalah telah dibuat.

Kuasa Mahkamah menetapkan kecederaan yang boleh dilaksanakan *qisas* atau sebaliknya.

172. Mahkamah hendaklah, setelah meminta pandangan dari pengamal perubatan Kerajaan, menetapkan sesuatu kecederaan itu sama ada boleh dilaksanakan *qisas* atau sebaliknya.

**Kemaafan berkaitan dengan kecederaan.**

173. (1) Di dalam kes kecederaan, seseorang mangsa yang *mukallaf* boleh, sebelum hukuman dilaksanakan, memaafkan *qisas* ke atas pesalah tersebut sama ada dengan *arsy* atau tiada *arsy*.

(2) Jika mangsa itu bukan *mukallaf*, maka *walinya* boleh memaafkan *qisas* ke atas pesalah itu dengan *arsy*.

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi *wali*, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memaafkan *qisas* ke atas pesalah itu dengan *arsy*.

(4) Jika terdapat lebih daripada seorang mangsa, maka kemaafan *qisas* oleh salah seorang mangsa atau *walinya* tidak menjelaskan hak *qisas* mangsa lain atau *walinya*.

*Misalan*

*A* telah menyebabkan kecederaan kepada *B* dan *C* dan telah disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman *qisas*. *B* atau *walinya* telah memaafkan *A* tetapi *C* atau *walinya* tidak memaafkannya. *A* tetap dikenakan hukuman *qisas* kerana *C* atau *walinya* tidak memaafkannya walaupun *B* atau *walinya* memaafkannya.

(5) Jika terdapat lebih daripada seorang pesalah, maka kemaafan *qisas* ke atas salah seorang daripada mereka tidak menjelaskan hak *qisas* ke atas pesalah lain.

*Misalan*

*A* dan *B* telah menyebabkan kecederaan kepada *C* dan telah disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman *qisas*. *C* atau *walinya* telah memaafkan *A* tetapi tidak memaafkan *B*. *A* tidak dikenakan hukuman *qisas* tetapi *B* tetap dikenakan hukuman *qisas* kerana *C* atau *walinya* tidak memaafkannya.

(6) Mana-mana kemaafan berkaitan dengan kecederaan hendaklah dibuat di hadapan Mahkamah dan setelah Mahkamah berpuas hati mengenainya, Mahkamah hendaklah mengesahkannya.

(7) Jika mangsa atau *walinya* telah memaafkan *qisas* ke atas pesalah tersebut dan telah disahkan oleh Mahkamah, kemaafan itu tidak boleh ditarik balik.

(8) *Arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* hendaklah dibayar oleh pesalah kepada mangsa atau *walinya* secara tunai dengan serta-merta, dan dalam keadaan tertentu Mahkamah boleh memerintahkan supaya bayaran tersebut dibuat secara ansuran selama tempoh tidak lebih dari 3 tahun dengan syarat adanya jaminan pembayaran yang boleh diterima oleh mangsa atau *walinya*.

**Pengguguran *qisas*.**

174. (1) Di dalam kes kecederaan, seseorang mangsa yang *mukallaf* boleh menggugurkan *qisas* dengan *badal-al-sulh* dan pengguguran *qisas* tersebut hendaklah dibuat setelah menerima *badal-al-sulh* dengan suatu jumlah yang boleh kurang atau lebih daripada kadar *arsy*.

(2) Jika mangsa bukan *mukallaf*, maka *walinya* boleh menggugurkan *qisas* dengan *badal-al-sulh* dan pengguguran *qisas* tersebut hendaklah dibuat setelah menerima *badal-al-sulh* dengan suatu jumlah yang sama dengan kadar *arsy*.

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi *wali*, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menggugurkan *qisas* dengan *badal-al-sulh* dan pengguguran *qisas* tersebut hendaklah dibuat setelah menerima *badal-al-sulh* dengan suatu jumlah yang sama dengan kadar *arsy*.

(4) Mana-mana pengguguran *qisas* dalam kecederaan hendaklah dibuat di hadapan Mahkamah dan setelah Mahkamah berpuas hati mengenainya, Mahkamah hendaklah mengesahkannya.

(5) *Badal-al-sulh* boleh dibayar atau diberi apabila diminta secara tunai atau pada satu tarikh yang ditetapkan seperti yang dipersetujui antara pesalah dan mangsa atau *walinya*.

**Pembebasan atau hukuman selepas kemaafan atau pengguguran *qisas*.**

175. Mahkamah boleh, dalam kes *qisas* dimaafkan atau digugurkan seperti yang diperuntukkan dalam bab-bab 173 dan 174, mengikut mana yang berkenaan, atas budi bicaranya, setelah mengambil kira akan fakta-fakta dan keadaan kes, membebaskan pesalah yang *qisasnya* telah dimaafkan atau digugurkan, atau menghukumnya dengan penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

**Hukuman *arsy ghairu muqaddar*.**

176. Mana-mana orang yang menyebabkan kecederaan kepada seseorang yang tidak boleh dilaksanakan hukuman *qisas* atau *arsy muqaddar* hendaklah dikenakan hukuman *arsy ghairu muqaddar*.

*Huraian* — Penentuan kadar *arsy ghairu muqaddar* tersebut adalah berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh Mahkamah.

**Penentuan kadar *arsy ghairu muqaddar*.**

177. Kadar *arsy ghairu muqaddar* boleh ditetapkan oleh Mahkamah dengan mengambil kira perkara-perkara berikut —

- (a) perbelanjaan-perbelanjaan yang dikenakan kerana merawat mangsa;
- (b) kehilangan atau kecacatan yang diakibatkan pada fungsi atau kuasa mana-mana anggota badan;
- (c) kesengsaraan yang dihadapi oleh mangsa; dan
- (d) lain-lain perkara yang difikirkannya patut.

**Mendapatkan semula *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar*.**

178. (1) Jika seseorang pesalah itu gagal membayar *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* atau mana-mana bahagian daripadanya dalam tempoh yang ditetapkan, maka *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* itu hendaklah didapatkan semula daripada pesalah itu dan dia hendaklah ditahan sehingga *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* itu dibayar sepenuhnya kepada mangsa atau walinya.

(2) Jika pesalah itu meninggal dunia sebelum dia sempat membayar *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* atau mana-mana bahagian daripadanya, maka *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* itu hendaklah didapatkan semula daripada harta pusakanya.

**Hukuman bagi kecederaan akibat perbuatan gopoh atau cuai.**

179. Mana-mana orang yang melakukan kecederaan kepada orang lain dengan perbuatan gopoh atau cuai adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman membayar *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar*, mengikut mana yang berkenaan, dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

**Hukuman bagi kecederaan akibat kesilapan.**

180. Mana-mana orang yang melakukan kecederaan kepada orang lain kerana tersilap adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman membayar *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar*, mengikut mana yang berkenaan.

***Arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* hendaklah dibayar kepada mangsa.**

181. Jumlah *arsy muqaddar* atau *arsy ghairu muqaddar* hendaklah dibayar kepada mangsa atau waris-warisnya menurut bahagian mereka masing-masing berdasarkan nisbah pembahagian harta waris.

**Percubaan menyebabkan kecederaan.**

182. Mana-mana orang yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan menyebabkan kecederaan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman separuh daripada hukuman yang diperuntukkan di bawah bab 169(2).

**Subahat menyebabkan kecederaan.**

183. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan menyebabkan kecederaan di bawah bab 169(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang sama seperti yang diperuntukkan di bawah bab 169(2).

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan menyebabkan kecederaan di bawah bab 169(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman separuh daripada hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.

**Penggal III**

**MENARIK BALIK *SYAHADAH***

**Menarik balik *syahadah* sebelum menjatuhkan hukuman, atau membuat perintah atau keputusan.**

184. Apabila *syahid* menarik balik *syahadahnya* sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman, atau membuat perintah atau keputusan, penarikan balik *syahadah* tersebut boleh diterima dan Mahkamah tidak boleh menjadikan *syahadah* yang ditarik balik itu sebagai bukti untuk membenarkan tuntutan atau mensabitkan kesalahan, dan mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadah* itu, kecuali di dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau liwat, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000,

dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Menarik balik *syahadah* dalam kes *mal* setelah perintah atau keputusan dibuat.**

185. Apabila *syahid* dalam kes *mal* menarik balik *syahadahnya* selepas Mahkamah membuat perintah atau keputusan, sama ada atau tidak perintah atau keputusan tersebut dilaksanakan, penarikan balik itu adalah tidak sah dan mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, dan membayar gantirugi bagi kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing.

*Huraian 1* — Jika kedua-dua orang *syahid* menarik balik *syahadah* mereka, bayaran gantirugi kepada *makhum 'alaihi* adalah dibahagi dua di antara mereka dan jika hanya seorang *syahid* menarik balik *syahadahnya*, dia hendaklah membayar gantirugi separuh daripada kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*.

*Huraian 2* — Jika terdapat empat orang *syahid*, dua orang daripadanya menarik balik *syahadah*, tiada dikenakan apa-apa kepada *syahid* tersebut. Jika tiga orang daripada empat *syahid* itu menarik balik *syahadah* mereka, mereka hendaklah membayar gantirugi separuh daripada kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*.

*Huraian 3* — Jika *syahid* terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang perempuan, salah seorang *syahid* perempuan menarik balik *syahadahnya*, dia hendaklah membayar gantirugi satu perempat daripada kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*, dan jika kedua-dua *syahid* perempuan menarik balik *syahadah* mereka, mereka hendaklah membayar gantirugi separuh daripada kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*, dan jika *syahid* lelaki yang menarik balik *syahadahnya*, dia hendaklah membayar gantirugi separuh daripada kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*.

*Huraian 4* — Jika *syahid* terdiri daripada seorang lelaki dan lebih daripada dua orang perempuan, kesemua *syahid* perempuan itu menarik balik *syahadah* mereka, hendaklah membayar gantirugi separuh daripada kerugian yang ditanggung oleh *makhum 'alaihi*.

**Menarik balik *syahadah* dalam kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman *qisas* dan *hadd* kecuali kes *zina*, *zina-bil-jabar* atau *liwat*.**

186. (1) Apabila *syahid* dalam kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman *qisas* dan *hadd*, kecuali kes *zina*, *zina-bil-jabar* atau *liwat*, menarik balik *syahadahnya* sebelum hukuman dilaksanakan, hukuman tersebut hendaklah tidak dilaksanakan dan mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Apabila *syahid* dalam kes-kes *hirabah* dan *qatlul-'amd* yang telah dijatuhkan hukuman, menarik balik *syahadahnya* dan hukuman telah dilaksanakan, menyebabkan *makhum 'alaihi* mati, *syahid* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman —

(a) membayar *diyat* mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah, jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan suci hati dan bukan berbohong;

(b) mati sebagai *qisas* jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan sengaja berbohong.

(3) Apabila *syahid* dalam kes-kes *qatlu syibhil-'amd* atau *qatlul-khata'*, atau kes-kes yang dikenakan hukuman *qisas* atau hukuman *hadd* kecuali *zina*, *zina-bil-jabar* atau *liwat*, menarik balik *syahadahnya* setelah hukuman dijatuhkan dan dilaksanakan, tetapi tidak menyebabkan *makhum 'alaihi* mati, *syahid* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan —

(a) suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali, jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan suci hati dan bukan berbohong;

(b) hukuman yang sama sebagaimana hukuman yang dijatuhkan ke atas *makhum 'alaihi* sebagai *qisas* atau membayar *diyat* atau *arsy* mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah, jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan sengaja berbohong.

**Menarik balik *syahadah* dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.**

187. (1) Apabila sebahagian atau kesemua *syahid* dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* menarik balik *syahadah* sebelum Mahkamah mensabitkan kesalahan, penarikan balik *syahadah* tersebut hendaklah diterima dan Mahkamah tidak boleh menjadikan *syahadah* yang ditarik balik itu sebagai bukti untuk mensabitkan kesalahan dan mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman 80 sebatan kerana melakukan *qazaf*.

(2) Apabila sebahagian atau kesemua *syahid* menarik balik *syahadah* —

(a) setelah Mahkamah mensabitkan kesalahan dan hukuman belum dilaksanakan, penarikan balik *syahadah* itu hendaklah menyebabkan

hukuman tidak dilaksanakan dan mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman 80 sebatan kerana melakukan *qazaf*;

(b) setelah Mahkamah mensabitkan kesalahan dan hukuman sebat telah dilaksanakan, mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman 80 sebatan kerana melakukan *qazaf*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000 dan dikenakan membayar *arsy* bagi kecederaan *makhum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(3) Apabila sebahagian atau kesemua *syahid* menarik balik *syahadah* setelah Mahkamah mensabitkan kesalahan dan hukuman rejam telah dilaksanakan, menyebabkan *makhum 'alaihi* mati, mana-mana *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman —

(a) membayar *diyat* mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan suci hati dan bukan berbohong;

(b) mati sebagai *qisas* jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan sengaja berbohong.

**Menarik balik *syahadah ihshan* oleh *syahid*.**

188. (1) Apabila mana-mana *syahid* memberikan *syahadah* untuk mensabitkan kesalahan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* dan dalam masa yang sama juga memberikan *syahadah ihshan*, menarik balik *syahadah ihshannya* semasa hukuman rejam sedang dilaksanakan, Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberhentikan pelaksanaan hukuman tersebut dan merujukkan kes itu kepada Mahkamah yang lebih tinggi untuk penyemakan. Jika *makhum 'alaihi* masih hidup —

(a) jika sabit *makhum 'alaihi* itu *ghairu muhshan*, hukuman sebat sebanyak 100 sebatan hendaklah dijatuhkan kepadanya dan *syahid* yang menarik balik *syahadah ihshannya* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali, dan hendaklah dikenakan membayar *arsy* kerana kecederaan *makhum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah;

(b) jika sabit *makhum 'alaihi muhshan*, hukuman rejam ke atasnya hendaklah diteruskan dan *syahid* yang menarik balik *syahadah ihshannya* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan

dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Misalan*

*A* dan *B* disabitkan kesalahan *zina* dengan *syahadah C, D, E* dan *F*. Dalam masa yang sama, *C* dan *D* menjadi *syahid ihshan* terhadap *A* dan *B*. *A* dan *B* didapati *muhsan* dan dikenakan hukuman rejam. Semasa hukuman sedang dilaksanakan, *C* menarik balik *syahadah ihshannya*. Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberhentikan pelaksanaan hukuman tersebut dan merujukkan kes itu kepada Mahkamah yang lebih tinggi untuk penyemakan. *C* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(2) Apabila *syahadah zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* dan *syahadah ihshan* diberikan oleh *syahid* yang berlainan, dan *syahid ihshan* atau *syahid zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* dan *syahid ihshan* menarik balik *syahadah* mereka semasa hukuman sedang dilaksanakan, Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberhentikan pelaksanaan hukuman tersebut –

(a) jika *syahid ihshan* yang menarik balik *syahadah ihshannya*, Mahkamah hendaklah merujukkan kes itu kepada Mahkamah yang lebih tinggi untuk penyemakan –

- (i) jika sabit *makhum 'ala'ih ghairu muhsan*, hukuman sebat sebanyak 100 sebatan hendaklah dikenakan kepadanya dan *syahid ihshan* yang menarik balik *syahadah ihshannya* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali, dan boleh juga dikenakan membayar *arsy* bagi kecederaan *makhum 'ala'ih*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah;
- (ii) jika sabit *makhum 'ala'ih muhsan*, hukuman rejam ke atasnya hendaklah diteruskan dan *syahid ihshan* yang menarik balik *syahadah ihshannya* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali;

*Misalan*

*A* dan *B* disabitkan kesalahan *zina* dengan *syahadah C, D, E* dan *F*. *G* dan *H* menjadi *syahid ihshan* terhadap *A* dan *B*. *A* dan *B* didapati *muhsan* dan dikenakan hukuman rejam. Semasa hukuman sedang dilaksanakan, *G* menarik balik *syahadah ihshannya*. Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberhentikan pelaksanaan hukuman tersebut dan merujukkan kes itu kepada Mahkamah yang lebih tinggi untuk penyemakan. *G* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(b) jika *syahid zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* dan *syahid ihshan* menarik balik *syahadah* mereka, *syahid zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* yang menarik balik *syahadah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman 80 sebatan kerana melakukan *qazaf*, dan *syahid zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* dan *syahid ihshan* hendaklah dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dan boleh juga dikenakan membayar *arsy* bagi kecederaan kepada *makhum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

#### *Misalan*

*A* dan *B* disabitkan kesalahan *zina* dengan *syahadah C*, *D*, *E* dan *F*. *G* dan *H* menjadi *syahid ihshan* terhadap *A* dan *B*. *A* dan *B* didapati *muhsin* dan dikenakan hukuman rejam. Semasa hukuman sedang dilaksanakan, *C* menarik balik *syahadah* zinanya dan *G* menarik balik *syahadah ihshannya*. Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberhentikan pelaksanaan hukuman tersebut. *C* dan *G* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(3) Apabila penarikan balik *syahadah zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* dan *syahadah ihshan* dibuat semasa hukuman rejam sedang dilaksanakan dan *makhum 'alaihi* telah mati, *syahid* yang menarik balik *syahadah* mereka adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman —

- (a) membayar *diyat* mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan suci hati dan bukan berbohong;
- (b) mati sebagai *qisas* jika *syahid* mengakui bahawa dia memberikan *syahadah* dengan sengaja berbohong.

#### *Misalan*

*A* dan *B* disabitkan kesalahan *zina* dengan *syahadah C*, *D*, *E* dan *F*. *G* dan *H* menjadi *syahid ihshan* terhadap *A* dan *B*. *A* dan *B* didapati *muhsin* dan dikenakan hukuman rejam. *C* menarik balik *syahadah* zinanya dan *G* menarik balik *syahadah ihshannya* semasa hukuman dilaksanakan, dan *A* dan *B* telah mati. *C* dan *G* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(4) Dalam bab ini, “*syahadah ihshan*” bermakna keterangan yang benar di Mahkamah dengan menggunakan lafadz “*asyhadu*” untuk mensabitkan yang tertuduh *muhsin* dalam kes *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*.

**Menarik balik *syahadah* dalam kes-kes yang disabitkan dengan hukuman selain *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy*.**

189. Apabila *syahid* dalam kes-kes yang disabitkan dengan hukuman selain *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy* menarik balik *syahadah* —

(a) setelah Mahkamah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman tetapi hukuman tersebut belum dilaksanakan, penarikan balik *syahadah* itu boleh diterima dan hukuman hendaklah tidak dilaksanakan dan *syahid* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali;

(b) setelah Mahkamah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman, dan hukuman tersebut sedang dilaksanakan, penarikan balik *syahadah* itu boleh diterima dan Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberhentikan atau menggantung pelaksanaan hukuman dan hendaklah merujukkan kes itu kepada Mahkamah yang lebih tinggi untuk penyemakan, dan jika —

- (i) didapati tidak sabit kesalahan, *mahkum 'alaihi* hendaklah dibebaskan dari hukuman dan *syahid* yang menarik balik *syahadah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, dan hendaklah membayar gantirugi bagi kerugian yang ditanggung oleh *mahkum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;
- (ii) didapati sabit kesalahan, hukuman hendaklah dikekalkan dan *syahid* yang menarik balik *syahadah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun.

**Menarik balik *syahadah* oleh *syahid furu'* dalam kes mal.**

190. (1) Apabila pembuktian sesuatu kes dengan cara *syahadah ala al syahadah*, penarikan balik *syahadah* selepas Mahkamah membuat perintah atau keputusan, sama ada sebelum atau sesudah dilaksanakan keputusan itu, adalah tidak sah, dan *syahid furu'* yang menarik balik *syahadahnya* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, dan hendaklah membayar gantirugi bagi kerugian yang ditanggung oleh *mahkum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

(2) Dalam bab ini —

“*syahadah ala al syahadah*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001);

“*syahid furu*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001).

**Maklumat palsu oleh *muzakki*.**

191. (1) Jika seseorang *muzakki*, setelah perintah atau keputusan dibuat atau hukuman dijatuhkan oleh Mahkamah dan perintah, keputusan atau hukuman tersebut telah dilaksanakan, mengakui bahawa dia telah memberikan maklumat palsu berhubung dengan *tazkiyah al syuhud*, *muzakki* itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang sama sebagaimana keputusan yang dibuat atau hukuman yang dijatuhkan kepada *syahid* yang memberikan *syahadah* palsu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 233(3).

(2) Dalam bab ini, “*muzakki*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001).

**Penggal IV**

**KESALAHAN-KESALAHAN AM**

**Hukuman melakukan *ghasab*.**

192. (1) Mana-mana orang yang melakukan *ghasab* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud-maksud bab-bab 192 dan 193, “*ghasab*” bermakna penguasaan terhadap hak orang lain dengan secara zalim dengan tiada kerelaan orang yang ada hak.

*Misalan-misalan*

(a) *A* mengugut *B* untuk membunuh atau mencederakan *B* jika *B* tidak memberikan *A* sejumlah wang. *B* disebabkan ketakutan memberikan *A* sejumlah wang yang dikehendaki. *A* telah melakukan *ghasab*.

(b) *A* secara paksa mengambil wang dari poket *B* tanpa kebenaran *B*. *A* telah melakukan *ghasab*.

**Pengembalian harta *ghasab*.**

193. (1) Harta *ghasab* hendaklah dikembalikan kepada mangsa jika harta itu didapati di dalam bentuk asal dan boleh dikenal.

(2) Jika harta *ghasab* itu hilang atau digunakan semasa dalam pegangan pesalah, maka pesalah terlibat hendaklah diperintahkan supaya membayar

gantirugi dan gantirugi itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada pemilik.

**Tidak menuaikan sembahyang Jumaat.**

194. Mana-mana lelaki yang *mukallaf* yang tidak menuaikan sembahyang Jumaat di masjid dengan tiada *uzur syar'ie* atau dengan tiada alasan-alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$200 bagi kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$300 bagi kesalahan kedua, dan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 bagi kesalahan ketiga atau berikutnya.

**Tidak menghormati bulan *Ramadhan*.**

195. (1) Mana-mana orang yang memakan atau meminum apa jua makanan atau minuman atau menghisap apa jua tembakau di tempat awam semasa waktu berpuasa dalam bulan *Ramadhan* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang menjual atau menghidang apa jua makanan, minuman atau tembakau untuk dimakan, diminum atau dihisap dengan serta-merta di tempat itu juga, di tempat awam, semasa waktu berpuasa dalam bulan *Ramadhan* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Ceraian (2) hendaklah tidak dikenakan kepada mana-mana pengamal perubatan atau mana-mana orang lain yang menghidang apa jua makanan, minuman atau ubat kepada mana-mana pesakit semasa waktu-waktu berpuasa dalam bulan *Ramadhan* yang tanpanya pesakit itu akan terjejas.

(4) Jika mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan ceraian (2) dalam kedudukannya sebagai pekerja kepada orang lain, majikannya hendaklah dianggap telah bersubahat melakukan kesalahan tersebut dan telah menyebabkan kesalahan itu dilakukan oleh sebab subahat itu melainkan dia dapat membuktikan bahawa kesalahan tersebut telah dilakukan tanpa kebenaran, kuasa, pengetahuan atau keizinannya dan dia telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah daripada perbuatan itu dilakukan.

***Khalwat*.**

196. (1) Mana-mana orang Islam yang melakukan *khalwat* adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang bukan Islam yang melakukan *khalwat* dengan orang Islam adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Dalam bab ini, “*khalwat*” bermakna —

(a) bersekediaman, bersekedudukan, berkurung; atau

(b) mengasingkan diri dalam keadaan berhampiran yang mendarangkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan maksiat,

di antara seorang lelaki dan seorang perempuan atau lebih yang bukan isterinya atau *mahramnya*, atau di antara seorang perempuan dan seorang lelaki atau lebih yang bukan suaminya atau *mahramnya*.

**Perbuatan tidak sopan.**

197. (1) Mana-mana orang yang melakukan perbuatan tidak sopan di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa perbuatan tidak sopan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Huraian* — Suatu perbuatan itu hendaklah disifatkan sebagai tidak sopan jika perbuatan itu boleh menjaskan imej ugama Islam, merosakkan akhlak, mendarangkan pengaruh buruk atau kemarahan kepada orang yang mungkin menyaksikan perbuatan tersebut.

**Lelaki berlagak menyerupai perempuan atau sebaliknya.**

198. (1) Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak menyerupai perempuan atau mana-mana perempuan yang memakai pakaian lelaki dan berlagak menyerupai lelaki di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak menyerupai perempuan atau mana-mana perempuan yang memakai pakaian lelaki dan berlagak menyerupai lelaki di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit

kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menghasut lelaki beristeri atau perempuan bersuami supaya bercerai atau mengingkari kewajipan.**

199. Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana lelaki Islam atau perempuan Islam supaya bercerai atau mengingkari kewajipan kepada isteri atau suami atau anak-anaknya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menghalang pasangan suami isteri Islam yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri.**

200. Mana-mana orang yang menghalang pasangan suami isteri Islam yang sudah bernikah dengan sah daripada hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.

**Melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang Islam meninggalkan tempat tinggal suami isteri.**

201. Mana-mana orang yang melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang Islam meninggalkan tempat tinggal suami isteri yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya isteri itu kembali kepada suaminya.

**Melarikan perempuan Islam daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya.**

202. Mana-mana orang yang melarikan, mempengaruhi atau memujuk seseorang perempuan Islam supaya lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya atau daripada mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan yang sah ke atasnya menurut *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan itu dikembalikan kepada ibu bapa atau penjaganya atau mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan yang sah ke atasnya menurut *Hukum Syara'*.

**Perempuan Islam yang belum berkahwin lari dari jagaan ibu bapanya atau penjaganya.**

203. Mana-mana perempuan Islam yang belum berkahwin yang lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya atau daripada mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan yang sah ke atasnya menurut *Hukum Syara'* tanpa sebab yang munasabah menurut *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman denda tidak melebihi \$1,000 atau penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali, dan Mahkamah hendaklah memerintahkannya supaya kembali kepada jagaan ibu bapanya atau penjaganya atau mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan yang sah ke atasnya menurut *Hukum Syara'*.

**Memberi atau menyerahkan orang Islam.**

204. (1) Mana-mana ibu atau bapa atau penjaga Islam yang didapati memberi atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya yang berumur di bawah 18 tahun kepada seseorang yang bukan berugama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang Islam yang didapati memberi atau menyerahkan orang Islam lain yang di bawah jagaannya kepada seseorang yang bukan berugama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mana-mana pemberian atau penyerahan dalam ceraian (1) atau (2) adalah tidak sah dan anak atau orang itu hendaklah diserahkan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan menurut pendapat Mahkamah.

**Bertindak sebagai orang tengah.**

205. Mana-mana orang yang bertindak sebagai orang tengah di antara seorang perempuan dengan seorang lelaki, atau di antara seorang perempuan dengan seorang perempuan, atau di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki, bagi sebarang maksud yang bertentangan dengan *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Dakwaan palsu.**

206. Mana-mana orang Islam yang —

(a) mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai *Imam Mahdi*; atau

(b) menyatakan atau mendakwa bahawa dirinya atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia,

sedangkan pengisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu atau bertentangan dengan *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat sebanyak 40 sebatan dan Mahkamah hendaklah mengarahkannya supaya bertaubat.

**Ajaran atau amalan dll. yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*.**

207. (1) Mana-mana orang Islam yang —

(a) mengajar atau menjelaskan apa-apa ajaran yang berkaitan dengan ugama Islam dengan cara yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*; atau

(b) mengajar, menjelaskan apa-apa ajaran atau menjalankan, melaksanakan atau mengamalkan, sesuatu upacara atau perbuatan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang bukan Islam yang —

(a) mengajar atau menjelaskan kepada mana-mana orang Islam sesuatu upacara atau perbuatan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*; atau

(b) menjalankan atau melaksanakan ke atas mana-mana orang Islam sesuatu upacara atau perbuatan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Tidaklah menjadi kesalahan jika seseorang menjelaskan apa-apa perkara dalam ceraian (1)/a) dan /b) untuk kepentingan atau bagi faedah ugama Islam atau umat Islam.

(4) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen, benda, alat atau struktur yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) atau (2) supaya dilucutkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Mengamalkan dll. sihir.**

208. (1) Mana-mana orang yang mengamalkan atau mengiklankan sihir adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang meminta pertolongan daripada ahli sihir untuk mencapai apa-apa hajatnya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan orang yang telah disabitkan kesalahan di bawah ceraian (1) atau (2) untuk menghadiri kaunseling yang diberikan oleh seseorang, institusi, persatuan yang sesuai menurut pendapat Mahkamah.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini —

“ikatan” bermakna suatu seni atau cara untuk mengikat sesuatu benda yang digunakan untuk melakukan sihir seperti dengan menggunakan tali, benang, kain dan sebagainya;

“sihir” bermakna ikatan, jampi, mantera, perkataan atau ungkapan yang tertentu atau nama-nama khas yang diucapkan atau ditulis atau melakukan sesuatu perbuatan dengan tujuan jahat yang mendatangkan kesan dan akibat, yang pada kebiasaannya menyebabkan mudarat terhadap tubuh, hati atau akal orang yang disihir; pada kebiasaannya tukang sihir mendekatkan diri kepada, atau meminta atau memohon pertolongan daripada, *Iblis*, syaitan, jin, semangat jahat, makhluk halus, hantu dan yang seumpamanya.

**Mengembangkan ugama selain ugama Islam.**

209. (1) Mana-mana orang yang mengembangkan ugama selain ugama Islam, kepada seseorang yang berugama Islam atau seseorang yang tidak mempunyai ugama adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen atau benda, antara lain, yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) supaya dilucutahkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Memujuk dll. orang Islam supaya mengubah ugama.**

210. (1) Mana-mana orang yang memujuk, menyuruh, menyebabkan, mengupah, mempengaruhi, menghasut, menggalakkan atau membiarkan seseorang Islam supaya —

(a) menjadi penganut atau anggota suatu ugama selain ugama Islam atau supaya cenderung kepada ugama itu; atau

(b) meninggalkan atau tidak suka kepada ugama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

(2) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan di bawah ceraian (1) bahawa orang lain itu telah tidak terpengaruh oleh apa-apa perkara yang diperkatakan atau dilakukan oleh orang yang dituduh itu kepadanya.

**Memujuk dll. orang yang tidak mempunyai ugama menjadi penganut dll. kepada ugama selain ugama Islam dll.**

211. Mana-mana orang yang memujuk, mengupah, mempengaruhi atau menghasut seseorang yang tidak mempunyai ugama supaya —

(a) menjadi penganut atau anggota suatu ugama selain ugama Islam atau supaya cenderung kepada ugama itu; atau

(b) tidak suka kepada ugama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

**Mendedahkan kepercayaan dan amalan ugama selain ugama Islam kepada kanak-kanak berugama Islam, atau kanak-kanak yang ibu bapanya tidak mempunyai ugama, yang belum mencapai umur 18 tahun.**

212. (1) Mana-mana orang yang memujuk, menyuruh, menyebabkan, mengupah, mempengaruhi, menghasut, menggalakkan atau membiarkan kanak-kanak berugama Islam atau kanak-kanak yang ibu bapanya tidak mempunyai ugama, yang belum mencapai umur 18 tahun supaya —

(a) menerima ajaran dalam mana-mana ugama selain ugama Islam;

(b) menyertai apa-apa upacara, perbuatan menyembah atau kegiatan keugamaan mana-mana ugama selain ugama Islam; atau

(c) mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang dijalankan untuk faedah mana-mana ugama selain ugama Islam atau yang dianjurkan atau dikelolakan oleh apa-apa badan, institusi atau organisasi yang berkaitan dengan ugama selain ugama Islam,

adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen atau benda, antara lain, yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) supaya dilucutkhakkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Penerbitan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*.**

213. (1) Mana-mana orang yang —

(a) mencetak, menerbit, mengimpot, menyiaran atau menyebarkan untuk tujuan jualan atau selainnya atau dengan cara lain; atau

(b) memiliki,

mana-mana penerbitan yang memberi atau bertujuan memberi pengajaran mengenai perkara berkaitan ajaran Islam yang mengandungi apa-apa perkara yang bertentangan dengan *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen atau benda, antara lain, yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) supaya dilucutkhakkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Menghantar atau menyerahkan penerbitan mengenai ugama selain ugama Islam kepada orang Islam atau orang yang tidak mempunyai ugama.**

214. (1) Mana-mana orang yang menghantar atau menyerahkan atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada orang Islam atau orang yang tidak mempunyai ugama, apa-apa penerbitan mengenai ugama selain ugama Islam, atau apa-apa bahan iklan bagi mana-mana penerbitan itu, yang tidak diminta oleh orang lain itu sendiri, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud ceraian (1), sesuatu penerbitan yang dihantar atau diserahkan di alamat seseorang hendaklah dianggap sebagai dihantar atau diserahkan kepada orang itu.

(3) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan di bawah ceraian (1) bahawa orang yang kepadanya penerbitan yang berkenaan itu dihantar atau diserahkan telah membuat permintaan bagi mendapatkannya jika permintaan itu telah didorong oleh orang yang dituduh itu atau oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang dituduh itu.

(4) Ceraian (1) tidak dikenakan bagi penyerahan apa-apa penerbitan oleh Pejabat Pos dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang serupa dengannya.

**Menyerahkan di tempat awam penerbitan mengenai ugama selain ugama Islam kepada orang Islam atau orang yang tidak mempunyai ugama.**

215. Mana-mana orang yang menyerahkan penerbitan mengenai ugama selain ugama Islam kepada seorang Islam atau orang yang tidak mempunyai ugama di tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Pemujaan.**

216. (1) Mana-mana orang Islam yang memuja mana-mana orang, tempat, alam semulajadi atau apa-apa objek, benda atau binatang dengan apa-apa jua cara yang bertentangan dengan *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Huraian* — Suatu perbuatan atau pernyataan yang menunjukkan kepercayaan terhadap seseorang, objek, benda atau binatang bahawa seseorang, objek, benda atau binatang tersebut mempunyai kuasa seperti boleh membawa tuah, menambah rezeki, menyampaikan hajat, menyembuhkan penyakit dan lain-lain, adalah terjumlah kepada perbuatan pemujaan.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana benda, objek atau struktur yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) supaya dilucutahkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan orang yang telah disabitkan kesalahan di bawah ceraian (1) untuk menghadiri kaunseling yang diberikan oleh seseorang, institusi atau persatuan yang sesuai menurut pendapat Mahkamah.

Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan tertentu berkaitan dengan ugama Islam.

217. (1) Mana-mana orang yang, dalam mana-mana —

(a) penerbitan;

(b) ucapan atau pernyataan awam;

(c) ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang; atau

(d) ucapan atau pernyataan yang diterbitkan atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat dia tahu, atau dengan munasabah patut tahu, ia akan diterbitkan atau disiarkan,

menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I dari Jadual Kelima, atau apa-apa perkataan terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, kegiatan, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu ugama selain ugama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang bukan Islam yang, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam ceraian (1), menggunakan mana-mana ungkapan yang disenaraikan dalam Bahagian II dari Jadual Kelima, kecuali sebagai petikan atau rujukan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana penerbitan atau benda, antara lain, yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian-ceraian (1) dan (2) supaya dilucutkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Penyalahgunaan gelaran terhormat bagi orang Islam yang dikhususkan untuk orang-orang tertentu.**

218. (1) Mana-mana orang yang dengan perkataan, sama ada melalui percakapan atau penulisan, ataupun dengan apa-apa cara, merujuk kepada atau menggelar —

(a) mana-mana orang, selain *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*, dengan gelaran “*Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*”; atau

(b) mana-mana orang, selain *Rasul* atau *Nabi*, dengan gelaran “*Alaihis Salam*” atau “*Alaihis Shalatu Wassalam*”,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang dengan perkataan, sama ada melalui percakapan atau penulisan, ataupun dengan apa-apa cara, merujuk kepada atau menggelar —

(a) mana-mana orang, selain seorang *sahabat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*, sebagai atau dengan gelaran “*Sahabi*”;

(b) mana-mana orang, selain isteri *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*, sebagai atau dengan gelaran “*Ummul Mu'minin*”; atau

(c) mana-mana orang, selain kerabat *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam*', sebagai atau dengan gelaran “*Ahli Bait*”,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Dalam bab ini —

(a) “mana-mana orang” termasuk dirinya sendiri;

(b) “*Ahli Bait*” bermakna kerabat *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* iaitu —

(i) isteri-isteri Baginda;

(ii) anak perempuan Baginda, Fatimah;

(iii) menantu Baginda, Ali; dan

(iv) cucu-cucu Baginda, Hasan dan Husain.

Menuduh dll. orang Islam sebagai *kafir*.

219. Mana-mana orang yang menuduh, mengatakan atau mengaitkan melalui lisan, tulisan, isyarat, atau melalui apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelola, menggalak atau mengatur apa-apa kegiatan atau selainnya dengan apa juu cara, bahawa mana-mana orang Islam —

(a) adalah orang *kafir*; atau

(b) tidak lagi berugama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menghina atau menyebabkan ugama Islam dipandang hina dll.**

220. Mana-mana orang yang, dengan cara lisan, tulisan, pernyataan zahir atau dengan sebarang cara menghina atau menyebabkan dipandang hina, mencerca, mempersenda, mengolok-lok, mengajuk atau mengejek —

(a) ajaran ugama Islam;

(b) amalan atau upacara yang berkaitan dengan ugama Islam;

(c) perkataan yang dianggap sebagai suci oleh orang Islam;

(d) mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa yang berkaitan dengan ugama Islam;

(e) mana-mana sahabat;

(f) *qaul-qaul* mana-mana *mazhab* yang *mu'tabar*; atau

(g) mana-mana *fatwa* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menghina Nabi oleh orang bukan Islam.**

221. (1) Mana-mana orang bukan Islam yang, dengan cara lisan, tulisan, pernyataan zahir atau dengan apa-apa cara lain menghina atau menyebabkan dipandang hina *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* atau mana-mana *Nabi Allah* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang bukan Islam yang, dengan cara lisan, tulisan, pernyataan zahir atau dengan apa-apa cara lain menghina atau menyebabkan dipandang hina *Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* atau mana-mana *Nabi Allah* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit

kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Mempermainkan dll. ayat Al-Qur'an atau *hadith* oleh orang bukan Islam.**

**222.** (1) Mana-mana orang bukan Islam yang mempermain, mengolok-lok, mengajuk, mengejek atau menghina, dengan perkataan atau perbuatan, mana-mana ayat Al-Qur'an atau *hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* dan dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh, atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman mati.

(2) Mana-mana orang bukan Islam yang mempermain, mengolok-lok, mengajuk, mengejek atau menghina, dengan perkataan atau perbuatan, mana-mana ayat Al-Qur'an atau *hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* dan dibuktikan dengan bukti selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Percubaan melakukan kesalahan di bawah bab 221 atau 222.**

**223.** Mana-mana orang bukan Islam yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 221 atau 222 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan tersebut.

**Subahat melakukan kesalahan di bawah bab 221 atau 222.**

**224.** Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 221 atau 222 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

**Perlucuthakan dan pemusnahaan.**

**225.** Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen, penerbitan, benda, objek atau struktur dan lain-lain yang serupa yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan mana-mana kesalahan di bawah bab 221, 222, 223 atau 224 supaya dilucuthakkan dan dimusnahkan, tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Perintah untuk bertaubat.**

226. Mahkamah hendaklah, setelah menjatuhkan hukuman ke atas pesalah dengan mana-mana kesalahan di bawah bab 221, 222, 223 atau 224 dan sebelum hukuman dilaksanakan, memerintahkannya supaya bertaubat.

**Pembebasan hukuman selepas taubat.**

227. Mahkamah hendaklah, setelah berpuas hati bahawa pesalah yang dijatuhkan hukuman dengan mana-mana kesalahan di bawah bab 221, 222, 223 atau 224 telah bertaubat, membuat perintah pembebasan hukuman ke atas pesalah itu.

**Fatwa.**

228. (1) Mana-mana orang Islam, selain daripada Mufti Kerajaan atau seseorang yang bertindak di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77), yang mengeluarkan atau bertujuan untuk mengeluarkan sebarang *fatwa* untuk diikuti oleh orang awam mengenai sebarang persoalan ajaran Islam atau *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika *fatwa* itu dalam bentuk dokumen, Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana dokumen yang digunakan semasa melakukan atau yang berkaitan dengan kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) supaya dilucutkan dan dimusnahkan tanpa menghiraukan tidak ada seorang pun yang mungkin telah disabitkan bagi kesalahan tersebut.

**Mengajar ugama tanpa kebenaran bertulis.**

229. (1) Mana-mana orang yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan ugama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Ceraian (1) tidak dikenakan kepada —

(a) mana-mana Ahli Majlis atau jawatankuasa Majlis atau Setiausaha Majlis atau mana-mana pegawai Mahkamah atau mana-mana pegawai ugama, guru ugama, *Imam*, *Bilal*, Pegawai Penguatkuasa Agama atau mana-mana orang yang dilantik dengan sah untuk tujuan mengajar ugama menurut undang-undang bertulis atau aturan-aturan atau mana-mana jawatan yang mungkin akan ditentukan oleh Majlis; dan

(b) mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubung dengan ugama Islam kepada ahli-ahli keluarganya di dalam kediamannya sahaja.

**Menghina dll. pihak berkuasa ugama.**

230. (1) Mana-mana orang yang menghina, mengingkari, melanggar, membantah atau mengeji dengan apa cara sekalipun mana-mana titah berkenaan ugama daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

(2) Mana-mana orang yang menghina dengan apa cara sekalipun —

(a) Majlis atau Ahli-Ahli Majlis;

(b) mana-mana jawatankuasa Majlis atau ahli-ahlinya;

(c) Mahkamah; atau

(d) pentadbiran keadilan Syariah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menghalang Pegawai Penguatkuasa Agama.**

231. Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama daripada menjalankan tugas-tugasnya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Aduan palsu.**

232. (1) Mana-mana pengadu di dalam sesuatu kes yang, sebelum penghakiman Mahkamah, atau selepas penghakiman Mahkamah tetapi sebelum perlaksanaan hukuman, mengaku atau telah dibuktikan bahawa dia telah membuat aduan palsu atau membuat aduan yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana pengadu di dalam sesuatu kes yang, selepas perlaksanaan hukuman, mengaku atau telah dibuktikan bahawa dia telah membuat aduan

palsu atau dia telah membuat aduan yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang sama seperti yang dikenakan ke atas *mahkum 'alaihi*.

**Memberikan *syahadah* palsu.**

233. (1) Mana-mana *syahid* yang, sebelum Mahkamah membuat keputusan atau mensabitkan kesalahan, mengaku bahawa dia telah memberikan *syahadah* palsu atau dibuktikan bahawa *syahadahnya* adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana *syahid* yang, setelah Mahkamah membuat keputusan atau mensabitkan kesalahan, dan hukuman belum dilaksanakan, mengaku bahawa dia telah memberikan *syahadah* palsu atau dibuktikan bahawa *syahadahnya* adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, dan membayar gantirugi bagi kerugian yang ditanggung oleh *mahkum 'alaihi*, jika ada, mengikut bahagian masing-masing seperti yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

(3) Mana-mana *syahid* yang, setelah Mahkamah membuat keputusan atau mensabitkan kesalahan, dan hukuman tersebut telah dilaksanakan, mengaku bahawa dia telah memberikan *syahadah* palsu atau dibuktikan bahawa *syahadahnya* adalah palsu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang sama seperti hukuman yang dijatuhkan ke atas *mahkum 'alaihi*.

**Memberikan keterangan atau maklumat palsu.**

234. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja memberikan keterangan palsu atau memalsukan keterangan bagi tujuan digunakan dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud ceraian (1), "peringkat prosiding kehakiman" termasuk —

(a) suatu penyiasatan yang diarahkan oleh undang-undang sebelum suatu prosiding di hadapan Mahkamah, walaupun penyiasatan tersebut mungkin tidak mengambil tempat di hadapan Mahkamah;

(b) suatu penyiasatan yang diarahkan oleh Mahkamah menurut undang-undang dan dilaksanakan di bawah kuasa Mahkamah, walaupun

penyiasatan tersebut mungkin tidak mengambil tempat di hadapan Mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Perintah ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa, memberi apa-apa maklumat mengenai kesalahan tersebut yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Mana-mana orang yang memberikan, sebagai benar, maklumat atau pernyataan atau perakuan mengenai perkara yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu mengenai apa-apa perkara yang dikehendaki oleh kakitangan kerajaan semasa menjalankan tugasnya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Hasutan untuk mengabaikan tanggungjawab ugama.**

235. Mana-mana orang yang menghasut atau memujuk mana-mana orang Islam, supaya tidak atau menahan daripada —

- (a) hadir ke mana-mana masjid untuk menunaikan sembahyang Jumaat;
- (b) menghadiri pengajaran ugama Islam;
- (c) membayar mana-mana *zakat* atau *fitrah*; atau
- (d) melakukan atau membayar apa sahaja yang dia bertanggungjawab untuk melakukan atau membayar di bawah Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Tidak membayar *zakat* atau *fitrah*.**

236. (1) Mana-mana orang Islam yang setelah ditaksirkan dengan sah sebagai wajib untuk membayar *zakat* atau *fitrah* di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) dan gagal untuk memperolehi secara rayuan atau selainnya, pembatalan atau pengubahsuaian bagi penaksiran demikian, dengan sengaja gagal untuk membayar *zakat* atau *fitrah* tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu

denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Suatu sabitan kesalahan di bawah bab ini hendaklah tidak menghapuskan kewajipan membayar *zakat* atau *fitrah* yang dikenakan ke atasnya.

(3) Mana-mana *zakat* atau *fitrah* yang wajib dibayar boleh didapatkan kembali seolah-olah *zakat* atau *fitrah* tersebut telah diperintahkan untuk dihantar kepada Majlis dengan suatu perintah yang sah dari sebuah Mahkamah atau seolah-olah nilainya diperolehi kembali sebagai suatu denda yang dikenakan di bawah Perintah ini.

**Pengutipan *zakat* atau *fitrah* tanpa kuasa.**

237. Mana-mana orang Islam yang mengutip *zakat* atau *fitrah* atau menyebabkan *zakat* atau *fitrah* dikutip tanpa dilantik sebagai '*Amil*' atau diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya kutipan itu dibayar kepada Majlis.

**Pembayaran *zakat* atau *fitrah* kepada orang yang tidak diberi kuasa.**

238. Mana-mana orang Islam yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar *zakat* atau *fitrah* kepada mana-mana orang yang tidak dilantik sebagai '*Amil*' atau yang diberi kuasa oleh Majlis untuk mengutip *zakat* atau *fitrah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pengutipan *zakat* atau *fitrah* secara penipuan.**

239. (1) Mana-mana '*Amil*' yang mengutip *zakat* atau *fitrah* dan mengeluarkan resit-resit mengenainya tetapi tidak menyerahkan jumlah yang dikutip kepada Majlis dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana '*Amil*' yang mengutip *zakat* atau *fitrah* dan tidak mengeluarkan resit mengenainya atau mengeluarkan resit palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mahkamah hendaklah, sama ada atau tidak 'Amil tersebut telah disabitkan kesalahan di bawah ceraian (1) atau (2), mengarahkan supaya kutipan zakat atau *fitrah* untuk dirampas dan dibayar kepada Majlis.

**Mendirikan dll. masjid tanpa kebenaran.**

240. Mana-mana orang Islam yang mendirikan, mewakafkan atau membangun masjid atau menggunakan mana-mana bangunan yang ada sebagai atau bagi maksud-maksud sebuah masjid tanpa kebenaran Majlis di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000 dan Mahkamah boleh, bagi sebab-sebab yang memuaskan tertakluk kepada mana-mana hak pihak ketiga, memerintahkan orang yang sabit kesalahan itu untuk menutup atau meroboh bangunan tersebut.

**Membocorkan rahsia.**

241. (1) Mana-mana Ahli Majlis atau pekerjanya melainkan jika dia dengan nyatanya dibenarkan untuk berbuat demikian, membocorkan rahsia berkaitan dengan perjalanan Majlis, yang dia berkewajipan untuk merahsiakannya, kepada mana-mana orang selain Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan mana-mana Ahli Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak terpakai kepada perkara-perkara yang telah disembahkan ke hadapan, dan telah menerima perkenan daripada, majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Dalam bab ini, "perjalanan Majlis" bermakna sebarang perkara yang timbul semasa mana-mana mesyuarat Majlis.

**Dengan sengaja menghina atau mengganggu kakitangan kerajaan yang sedang bersidang dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman.**

242. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja menghina atau mengganggu mana-mana kakitangan kerajaan yang sedang bersidang dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud ceraian (1), "peringkat prosiding kehakiman" termasuk —

/a/ suatu penyiasatan yang diarahkan oleh undang-undang sebelum suatu prosiding di hadapan Mahkamah, walaupun penyiasatan tersebut mungkin tidak mengambil tempat di hadapan Mahkamah;

(b) suatu penyiasatan yang diarahkan oleh Mahkamah menurut undang-undang dan dilaksanakan di bawah kuasa Mahkamah, walaupun penyiasatan tersebut mungkin tidak mengambil tempat di hadapan Mahkamah.

**Tidak menolong kakitangan kerajaan apabila terikat di sisi undang-undang untuk memberi pertolongan.**

243. (1) Mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang untuk memberikan pertolongan kepada mana-mana kakitangan kerajaan dalam menjalankan kewajipannya dengan sengaja tidak memberi pertolongan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika orang yang disebutkan di bawah ceraian (1) dengan sengaja tidak memberi pertolongan yang diminta daripadanya oleh seseorang kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang untuk membuat permintaan tersebut bagi maksud melaksanakan sebarang saman yang dikeluarkan secara sah oleh Mahkamah, mencegah suatu kesalahan daripada dilakukan, menumpaskan suatu rusuhan atau perkelahian di tempat awam, atau menangkap seorang yang dituduh atau seseorang yang melakukan suatu kesalahan atau lari dari jagaan yang sah, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Kakitangan kerajaan mengingkari arahan undang-undang dengan niat hendak menyebabkan kerosakan kepada mana-mana orang.**

244. Mana-mana kakitangan kerajaan dengan secara sedar mengingkari mana-mana arahan undang-undang tentang cara bagaimana dia dikehendaki menjalankan tugasnya sebagai kakitangan kerajaan, dengan bermaksud hendak menyebabkan, atau dengan mengetahui kemungkinan bahawa dia akan, dengan keingkaran itu menyebabkan kerosakan kepada mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12,000 dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun.

*Misalan*

A, sebagai seorang pegawai yang diarahkan oleh undang-undang untuk mengambil harta dalam pelaksanaan bagi memenuhi suatu dekri yang diisyiharkan bagi B oleh Mahkamah, dengan secara sedar mengingkari arahan undang-undang tersebut dengan mengetahui kemungkinan bahawa dia akan, dengan keingkaran itu menyebabkan kerosakan kepada B. A adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

**Peninggalan daripada mengemukakan sesuatu dokumen kepada kakitangan kerajaan oleh seseorang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakan dokumen itu.**

**245.** Mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakan atau menyerahkan mana-mana dokumen kepada mana-mana kakitangan kerajaan dengan sengaja meninggalkan daripada mengemukakan atau menyerahkannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali atau, jika dokumen itu dikehendaki supaya dikemukakan atau diserahkan kepada Mahkamah, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Enggan bersumpah atau membuat perakuan supaya menyatakan yang benar apabila dikehendaki untuk bersumpah atau membuat perakuan supaya menyatakan yang benar oleh kakitangan kerajaan.**

**246.** Mana-mana orang yang enggan mengikat dirinya dengan sumpah atau perakuan supaya menyatakan yang benar, apabila dikehendaki berbuat demikian untuk mengikat dirinya dengan sumpah atau perakuan tersebut oleh seseorang kakitangan kerajaan yang layak di sisi undang-undang untuk menghendakinya berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Enggan menjawab soalan kakitangan kerajaan yang diberi kuasa menyoal.**

**247.** Mana-mana orang yang, terikat di sisi undang-undang supaya menyatakan yang benar mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana kakitangan kerajaan, enggan menjawab apa-apa soalan yang dia dikehendaki menjawab mengenai perkara itu oleh kakitangan kerajaan tersebut pada menjalankan kuasa-kuasa di sisi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Enggan menandatangani pernyataan.**

**248.** Mana-mana orang yang enggan menandatangani mana-mana pernyataan yang dibuat olehnya, apabila dikehendaki menandatangani pernyataan itu oleh seseorang kakitangan kerajaan yang layak di sisi undang-undang untuk menghendakinya menandatangani pernyataan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Sengaja menyebabkan kecederaan untuk mendapatkan pengakuan atau untuk memaksa pengembalian harta.**

249. Mana-mana orang yang dengan sengaja menyebabkan kecederaan untuk tujuan mendapatkan daripada mangsa atau seseorang yang berkepentingan ke atas mangsa, apa-apa pengakuan atau maklumat yang boleh membawa kepada pengesahan suatu kesalahan atau salah laku, atau untuk tujuan memaksa mangsa atau seseorang yang berkepentingan ke atas mangsa untuk mengembalikan atau menyebabkan pengembalian mana-mana harta atau jaminan berharga, atau untuk melaksanakan apa-apa tuntutan atau permintaan, atau untuk memberikan maklumat yang boleh membawa kepada pengembalian harta atau jaminan berharga, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Misalan-misalan*

(a) *A*, seorang Pegawai Penguatkuasa Agama, mencederakan *B* untuk tujuan menyebabkan *B* mengaku bahawa dia telah melakukan suatu kesalahan. *A* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(b) *C*, seorang Pegawai Penguatkuasa Agama, mencederakan *D* untuk tujuan menyebabkannya menunjukkan tempat harta yang dicuri disimpan. *C* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(c) *E*, mencederakan *F* untuk tujuan menyebabkannya membayar suatu tunggakan hasil yang perlu dibayar oleh *F*. *E* adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

**Percubaan.**

250. Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata lainnya, jika sesiapa yang cuba untuk melakukan suatu kesalahan yang dihukum di bawah Perintah ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dengan hukuman denda, penjara atau sebat atau dengan gabungan hukuman-hukuman tersebut, atau cuba untuk menyebabkan kesalahan tersebut dilakukan dan dalam percubaan tersebut melakukan apa-apa perbuatan yang menjurus kepada berlakunya kesalahan tersebut, hendaklah jika tiada peruntukan yang nyata dibuat oleh Perintah ini atau oleh undang-undang bertulis lain yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa, mengikut mana yang berkenaan, jika sabit kesalahan, dihukum dengan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut:

Dengan syarat bahawa mana-mana tempoh hukuman penjara yang dikenakan tidak boleh melebihi separuh dari tempoh paling lama yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

**Hukuman yang tidak diperuntukkan.**

251. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang arahan yang diberikan atau kehendak yang dikenakan di bawahnya yang tiada hukuman khas diperuntukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Hukuman penjara boleh dijatuhkan jika denda yang dikenakan di bawah Perintah ini tidak dibayar tetapi hukuman penjara itu tidaklah boleh melebihi separuh daripada hukuman penjara yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau 7 hari jika kesalahan itu boleh dihukum dengan denda sahaja.

**BAHAGIAN V**

**AM**

**Peruntukan-peruntukan di bawah Penggal 22 tidak dikenakan.**

252. Apabila seseorang itu telah dibicarakan dalam mana-mana prosiding yang berkaitan dengan sesuatu kesalahan yang dilakukan terhadap Perintah ini, maka dia hendaklah tidak dibicarakan dan tiada apa-apa prosiding yang boleh dibawa terhadapnya di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) mengenai kesalahan yang sama atau serupa yang diperuntukkan di bawah Kanun itu.

***Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan lain.**

253. Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini, Mahkamah hendaklah mengikut *Hukum Syara'*.

**Pemansuhan.**

254. Bab-bab 171, 172, 173, 174, 177, 183, 184, 185, 186, 187, 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195 dan 196 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) adalah dengan ini dimansuhkan.

**JADUAL PERTAMA**  
(bab 2(4))

**SKRIP BAHASA ARAB**

Ahli Bait	----	أهل البيت
'Alaihis Shalatu Wassalam	----	عليه الصلاة والسلام
Allah	----	الله
Alhamdulillah	----	الحمد لله
Allahu akbar	----	الله أكبر
Al-Qur'an	----	القرآن
'Amil	----	عامل
Arsy	----	أرض
Assalamu 'alaikum	----	السلام عليكم
Astaghfirullah al 'azim	----	أستغفر الله العظيم
Asyhadu	----	أشهد
A'udzubillahi minasy syaitanirrajim	----	أعوذ بالله من الشيطان الرجيم
Azan	----	اذان
Badal-al-sulh	----	بدل الصلح
Badhi'ah	----	باصعة
Baitullah	----	بيت الله
Baligh	----	بالغ
Bayyinah	----	بينة
Bilal	----	بلال
Bismillahirrahmanirrahim	----	بسم الله الرحمن الرحيم
Damiyah	----	دامية
Diyat	----	ديمة
Fasid	----	فاسد

JADUAL PERTAMA – *Sambungan*

Fatwa	----	فتوى
Fitrah	----	فطرة
Ghairu jaefah	----	غير جائفة
Ghairu muhshan	----	غير محسن
Ghairu muqaddar	----	غير مقدر
Ghasab	----	غضب
Hadd	----	حد
Hadith	----	ديث
Hakam	----	حكم
Haji	----	حج
Hasyafah	----	حشفة
Hasyimah	----	هاشمة
Hirabah	----	حرابة
Hirz	----	حرز
Hujjiyyah	----	حجية
Hukum Syara'	----	حكم شرع
Iblis	----	أبليس
'Iddah	----	عدة
Ihshan	----	إحسان
Ikrah tam	----	إكراه تام
Ikrah naqish	----	إكراه ناقص
Ikrar	----	إقرار
Ilahi	----	الهي
Imam	----	إمام

**JADUAL PERTAMA – *Sambungan***

Insya Allah	----	إِنْ شَاءَ اللَّهُ
Irtidad	----	إِرْتِدَادٌ
Itlaf-al-udhw	----	إِتْلَافُ الْعَضُو
Itlaf-salahiyat-al-udhw	----	إِتْلَافُ صَلَاحِيَّةِ الْعَضُو
Ityan al-bahimah	----	إِتْيَانُ الْبَهِيمَةِ
Ityan al-mayyitah	----	إِتْيَانُ الْمَيْتَةِ
Jaefah	----	جَانِفَةٌ
Jurh	----	جَرْحٌ
Ka'bah	----	كَعْبَةٌ
Kafir	----	كَافِرٌ
Kalimah al-syahadah	----	كَلْمَةُ الشَّهَادَةِ
Khalwat	----	خَلْوَةٌ
La ilaha illallah	----	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
La haula wala quwwata illa billahil 'aliyil 'azim	----	لَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
Lafaz	----	لَفْظٌ
Lahzah	----	لَحْظَةٌ
Li'an	----	لَعْنَةٌ
Liwat	----	لَوَاطٌ
Mahkum 'alaihi	----	مَحْكُومٌ عَلَيْهِ
Mal	----	مَالٌ
Mahram	----	مَحْرُمٌ
Masjid	----	مَسْجِدٌ
Masya Allah	----	مَا شَاءَ اللَّهُ
Mazhab	----	مَذْهَبٌ

JADUAL PERTAMA – *Sambungan*

Mudhiahah	-----	موضحة
Mufti	-----	مفتي
Muhshan	-----	محصن
Mukallaf	-----	مكلف
Mu'min	-----	مؤمن
Mumaiyiz	-----	مميز
Munaqqilah	-----	منقلة
Muqaddar	-----	مقدر
Musahaqah	-----	مساحة
Mutalahimah	-----	متلاحمة
Muzakki	-----	مزكي
Nabi	-----	نبي
Nisab	-----	نصاب
Kiblat	-----	قبلة
Qadar	-----	قدر
Qamariah	-----	قمرية
Qatl	-----	قتل
Qatlul-'amd	-----	قتل العمد
Qatlul-khata'	-----	قتل الخطأ
Qatlu syibhil-'amd	-----	قتل شبه العمد
Qazaf	-----	قذف
Qisas	-----	قصاص
Rabbul 'alamin	-----	رب العالمين
Ramadhan	-----	رمضان

**JADUAL PERTAMA – Sambungan**

Rasul	----	رسول
Rasulullah	----	رسول الله
Rejam	----	رجم
Sahabat	----	صحابۃ
Sahabi	----	صحابی
Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam	----	صلی اللہ علیہ وسلم
Sariqah	----	سرقة
Sulh	----	صلح
Subhanallah	----	سبحان الله
Sunnah	----	سنۃ
Syahid	----	شاهد
Syahadah	----	شهادة
Syahadah ala al syahadah	----	شهادة على الشهادة
Syahid furu'	----	شاهد فروع
Syariah	----	شريعة
Syajjah	----	شجة
Syajjah damighah	----	شجة دامغة
Syajjah hasyimah	----	شجة هاشمة
Syajjah khafifah	----	شجة خفيفة
Syajjah ma'mumah	----	شجة مأمورۃ
Syajjah mudhiah	----	شجة مضيئة
Syajjah munaqqilah	----	شجة منقلة
Syubhah	----	شبهة
Tabarakallah	----	تبارک اللہ

JADUAL PERTAMA – *Sambungan*

Tazkiyah al syuhud	----	ترکیة الشهود
Ummul Mu'minin	----	أم المؤمنين
'Uzur syar'ie	----	عذر شرعي
Wa'alaikumussalam	----	وعليكم السلام
Walillahilhamd	----	ولله الحمد
Wallahu 'a 'alam	----	والله أعلم
Wali	----	ولي
Wali-ad-dam	----	ولي الدم
Zakat	----	زکاة
Zina	----	زنا
Zina bil-jabar	----	زنا بالجبر

**JADUAL KEDUA**  
**(bab-bab 63(1)/c) dan 169(2)(i))**

**JENIS KECEDERAAN *ITLAF-AL-UDHW* ATAU *ITLAF-SALAHIYYAT-AL-UDHW*,  
JUMLAH ARSY DAN TEMPOH PENJARA**

Jenis-jenis kecederaan	Jumlah <i>arsy</i>	Tempoh penjara
1. Kehilangan anggota tunggal seperti hidung atau lidah	<i>Diyat</i> penuh	Tidak melebihi 10 tahun
2. Kehilangan satu anggota berpasangan seperti tangan, kaki, mata, bibir, tetek dan telinga	<i>Diyat</i> penuh jika cedera sepasang, tetapi 1/2 <i>diyat</i> sahaja jika hanya cedera satu	Tidak melebihi 10 tahun
3. Kehilangan anggota yang dalam bilangan empat seperti bulu mata atau kelopak mata	1/4 dari <i>diyat</i> jika hanya satu anggota cedera. 1/2 dari <i>diyat</i> jika dua cedera. 3/4 dari <i>diyat</i> jika tiga cedera. <i>Diyat</i> penuh jika keempat-empat cedera	Tidak melebihi 10 tahun
4. Satu jari tangan atau jari kaki	1/10 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
5. Satu sendi jari	1/30 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
6. Satu sendi ibu jari	1/20 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
7. Satu gigi selain gigi susu	1/20 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
8. Dua puluh batang gigi	<i>Diyat</i> penuh	Tidak melebihi 10 tahun

**JADUAL KETIGA**  
(bab 169(2)(ii))

**JENIS KECEDERAAN SYAJJAH, JUMLAH ARSY DAN TEMPOH PENJARA**

Jenis-jenis kecederaan	Jumlah arsy	Tempoh penjara
1. <i>Syajjah khafifah</i> (cedera yang tidak mendedahkan tulang)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 2 tahun
2. <i>Syajjah mudhiah</i> (cedera yang mendedahkan tulang tetapi tidak ada patah)	1/20 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 5 tahun
3. <i>Syajjah hasyimah</i> (cedera yang melibatkan retak tulang atau patah tulang tetapi tidak berselisih sendi)	1/10 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 5 tahun
4. <i>Syajjah munaqqilah</i> (cedera yang melibatkan retak tulang atau patah tulang dan berselisih sendi)	3/20 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
5. <i>Syajjah ma'mumah</i> (cedera yang melibatkan pecah tempurong kepala tetapi lukanya hanyalah menyentuh kulit otak sahaja dengan tidak mencarikkannya)	1/3 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
6. <i>Syajjah damighah</i> (cedera yang melibatkan pecah tempurong kepada dan lukanya mencarikkan kulit otak)	1/2 dari <i>diyat</i>	Tidak melebihi 14 tahun

**JADUAL KEEMPAT**  
**(bab 169(2)(iii) dan (iv))**

**JENIS KECEDERAAN *JURH*, JUMLAH *ARSY* DAN TEMPOH PENJARA**

Jenis-jenis kecederaan	Jumlah <i>arsy</i>	Tempoh penjara
1. <i>Jaefah</i> (luka yang menembusi anggota badan)	1/3 <i>diyat</i>	Tidak melebihi 10 tahun
2. <i>Ghairu jaefah</i> (luka yang lain daripada <i>jaefah</i> ) iaitu —		
(a) <i>Damiyah</i> (carik kulit dan berdarah)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 3 tahun
(b) <i>Badhi'ah</i> (luka yang tidak mendedahkan tulang)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 3 tahun
(c) <i>Mutalahimah</i> (luka yang sampai ke isi)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 3 tahun
(d) <i>Mudhiahah</i> (luka yang mendedahkan tulang)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 5 tahun
(e) <i>Hasyimah</i> (patah tulang yang tidak menseliskikan sendi)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 5 tahun
(f) <i>Munaqqilah</i> (patah tulang yang menseliskikan sendi)	Sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah	Tidak melebihi 7 tahun

**JADUAL KELIMA**  
(bab 217)

**PERKATAAN-PERKATAAN DAN UNGKAPAN-UNGKAPAN**

**BAHAGIAN I**

**PERKATAAN-PERKATAAN YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN  
BERKAITAN DENGAN UGAMA SELAIN DARI UGAMA ISLAM**

Allah

Al-Qur'an

Azan

Baitullah

Fatwa

Firman Allah

Hadith

Haji

Hukum Syara'

Ilahi

Imam

Ka'bah

Kalimah al-syahadah

Kiblat

Masjid

Mufti

Mu'min

Solat

Wali

## BAHAGIAN II

### UNGKAPAN-UNGKAPAN YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM BERKAITAN DENGAN UGAMA SELAIN DARI UGAMA ISLAM

Alhamdu lillah  
Allahu akbar  
Assalamu 'alaikum  
Astaghfirullah al 'azim  
A'udzubillahi minasy syaitanirrajim  
Bismillahirrahmanirrahim  
Insya Allah  
La ilaha illallah  
La haula wala quwwata illa billahil 'aliyil 'azim  
Masya Allah  
Rabbul 'alamin  
Subhanallah  
Tabarakallah  
Wa 'alaikumussalam  
Walillahilhamd  
Wallaahu 'a 'alam

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 23 haribulan Julai, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM